

**PENERAPAN NILAI ISLAM DALAM PENTADBIRAN DAN PEMIKIRAN
POLITIK TUN DR. MAHATHIR (1981-2003): SUATU PENILAIAN**

MOHD JOHAN YAMI

**SARJANA SASTERA (SOSIOLOGI)
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
2015**

**PENERAPAN NILAI ISLAM DALAM PENTADBIRAN DAN PEMIKIRAN
POLITIK TUN DR. MAHATHIR (1981-2003): SUATU PENILAIAN**

Oleh

MOHD JOHAN YAMI

**Tesis ini dikemukakan kepada Ghazali Shafie Graduate School of Government,
Universiti Utara Malaysia Sebagai Memenuhi Syarat Pengijazahan Ijazah
Sarjana Sastera (Sosiologi)**

PENGAKUAN

Saya dengan ini mengakui bahawa kertas kajian ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan-nukilan dan ringkasan setiap satunya saya memperjelaskan sumbernya.

OGOS 2014

MOHD JOHAN BIN YAMI
811863

KEBENARAN MENGGUNA

Penyerahan tesis ini bagi memenuhi syarat sepenuhnya untuk Ijazah Sarjana Sosiologi Universiti Utara Malaysia. Saya dengan ini bersetuju memberi kebenaran kepada Perpustakaan Sultanah Bahiyah Universiti Utara Malaysia mempamerkan tesis bagi tujuan rujukan. Saya juga bersetuju memberi kebenaran kepada penyelia saya atau Dekan Ghazali Shafie Graduate School of Government, Kolej Undang-undang, Kerajaan dan Hubungan Antarabangsa, Universiti Utara Malaysia (jika tanpa kehadiran saya) membuat salinan sebahagian atau sepenuhnya tesis ini dala apa juga cara bagi tujuan kesarjanaan. Adalah difahamkan bahawa sebarang penyalinan atau penerbitan tesis ini bagi memperoleh faedah kewangan mesti terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis daripada saya. Adalah difahamkan penghargaan yang sewajarnya juga harus diberikan kepada Universiti Utara Malaysia untuk sebarang penggunaan bahan yang terdapat dalam tesis ini bagi tujuan ilmiah.

Permohonan untuk membuat salinan atau penggunaan bahan tesis di dalam ini, sama ada sepenuhnya atau sebahagian, perlulah dialamatkan kepada:

Dekan
Ghazali Shafie, Graduate School of Government
Universiti Utara Malaysia
06010 UUM Sintok
Kedah Darul Aman

ABSTRAK

Tun Dr. Mahathir merupakan Perdana Menteri Malaysia keempat yang memerintah selama 22 tahun (1981-2003). Walaupun Tun Dr. Mahathir telah mengisytiharkan Malaysia sebagai sebuah negara Islam, namun terdapat kritikan dan pandangan yang menyatakan bahawa pemikiran dan pentadbiran beliau tidak mencapai tahap politik Islam yang sebenar. Oleh itu, kajian ini cuba mengkaji ciri-ciri penerapan nilai-nilai Islam dan corak pentadbiran Tun Dr. Mahathir, mengenal pasti pandangan dan pemikiran Tun Dr. Mahathir tentang politik Islam serta bagaimana beliau menerapkannya dalam pentadbiran dan kesannya terhadap pentadbiran dan suasana politik negara. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan menggunakan kaedah temu bual dan dokumentasi. Analisis kandungan digunakan untuk mengkaji data dan juga teks sebagai satu unit analisis dalam menjelaskan gagasan makna yang kemudiannya dikelaskan dalam bentuk naratif deskriptif. Hasil kajian mendapati bahawa pemikiran Tun Dr. Mahathir menepati ciri-ciri politik Islam melalui penerapan nilai-nilai Islam yang diperkenalkan dalam dasar dan program negara. Bahkan, pendekatan ini secara tidak langsung telah meletakkan Islam di tempat yang sepatutnya seperti termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan. Tun Dr. Mahathir juga menggunakan pendekatan membangunkan umat Islam melalui penguasaan ilmu pengetahuan untuk memartabatkan kedudukan Malaysia sebagai sebuah negara Islam contoh. Pada masa yang sama, beliau memperjuangkan politik Islam sebagai kuasa utama negara serta mendidik rakyat mengamalkan pendekatan Islam secara holistik. Kejayaan ini disebabkan oleh keupayaan Tun Dr. Mahathir membangunkan sosioekonomi sehingga mampu menyejahterakan umat Islam di Malaysia yang sebelum ini agak ketinggalan berbanding kaum lain. Selain itu, Tun Dr. Mahathir juga berjaya memperkukuhkan sosiopolitik Islam secara komprehensif melalui penyusunan dan pemantapan sistem birokrasi negara. Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa Tun Dr. Mahathir sememangnya menerapkan nilai-nilai Islam, namun tidak secara nyata tetapi lebih bersifat praktik melalui dasar-dasar dan program kerajaan. Ia bersesuaian dengan pendekatan yang diamalkan oleh Tun Dr. Mahathir iaitu konsep keadilan dan kesederhanaan memandangkan Malaysia adalah sebuah negara majmuk.

Kata Kunci: Nilai-nilai Islam, Pemerintahan Islam, Pemikiran Mahathir, Pentadbiran Islam, Politik Islam.

ABSTRACT

Tun Dr. Mahathir was the fourth Prime Minister of Malaysia. His tenure was from 1981-2003 (22 years). Although Tun Dr. Mahathir declared Malaysia as an Islamic state, there is criticism and opinion that his thinking and his administration did not reach the level of political Islam. This study aims to identify his views and thoughts with regards to Islam and how he practised and applied it in his administration and its impact on the country's political climate. The study uses the qualitative method which focuses on interviews and documentations. In addition, the core areas of the study are mainly concentrated on spoken and written texts as the subunits of the analysis which later are classified in the form of narrative description. The findings show that Tun Dr. Mahathir's thinking was parallel with the Islamic political aspects which also blended the Islamic concepts and administrative policies. In fact, this indirect approach has put in place a proper Islam as enshrined in the Federal Constitution. Tun Dr. Mahathir also used this approach to develop the Muslims through the mastery of knowledge for enhancing the position of Malaysia as a model Islamic country. At the same time, he fought for Islam to be the country's main power and educate the people to adopt a holistic approach to Islam. This success was due to the ability of Tun Dr. Mahathir's socio-economic development to improve the life of the Muslims in Malaysia who had previously lagged behind other races. In addition, Tun Dr. Mahathir succeeded in strengthening the socio-political aspects of Islam in a comprehensive manner through the preparation and stabilization of the state bureaucracy system. Finally, the findings also show that Tun Dr. Mahathir definitely incorporated Islamic concepts in his administration, however, it was not obvious. Most of the concepts were used on a practical basis through the launching of programmes in the country. In a nutshell, they suited the approaches practised by Tun Dr. Mahathir, that is fairness and moderation, considering that Malaysia is a pluralistic country.

Keywords: *Islamic Administration, Islamic Governance, Islamic Politics, Islamic Values, Mahathir's Thoughts.*

PENGHARGAAN

Dengan nama Allah SWT yang maha pengasih lagi maha penyayang, Selawat serta salam ke atas junjungan Nabi Muhammad Ibni Abdullah SAW, ahli keluarganya yang suci serta para sahabat baginda yang terpilih. Alhamdulillah, saya mengucapkan rasa kesyukuran ke hadrat Illahi kerana keizinan, rahmat dan hidayatNya membolehkan saya menamatkan pengajian, menyiapkan penulisan tesis ini dan seterusnya melayakkan saya untuk menerima Ijazah Sarjana Sosialogi. Sepanjang pengajian dan penghasilan tesis, saya telah mendapat kerjasama, sumbangan dan bantuan dan segi nasihat, sokongan moral dan spiritual, dan bantuan teknikal daripada pelbagai pihak.

Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih diucapkan kepada penyelia tesis Profesor Dr. Abdul Rahman Abdul Aziz yang telah sudi memberi tunjuk ajar dan meluangkan masa sepanjang penyelidikan ini dijalankan tanpa rasa jemu. Ucapan jutaan terima kasih juga diucapkan kepada Encik Shahidan dan Puan Yus Asma yang banyak membantu berkaitan urusan perjalanan penyelidikan tesis ini. saya juga ingin mengambil kesempatan merakam jutaan terima kasih dan seribu penghargaan para penal yang terlibat dalam proses kolokium, pertahankan proposal, pra-viva sehinggalah viva kerana banyak membantu menyiapkan tesis ini dengan komen-komen serta penambakan yang membina.

Penghargaan dan terima kasih yang teristimewa khusus ditujukan kepada semua ahli keluarga saya terutamanya kepada ibu saya, Tijah Bt. Musa dan juga isteri yang dikasihi Zaiton Bt. Abdullah serta anak-anak yang disayangi Nursyamimie Zaihan Amani dan Muhammad Dhahir Eddin yang telah banyak bekorban masa dan memberi galakan serta dorongan. Demikian juga kepada rakan-rakan seperjuangan terutamanya Mazli Bin Mazlan yang telah sama-sama mengharungi pelbagai cabaran semasa menyiapkan tesis ini. Kepada semua yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam membantu saya sepanjang tempoh pengajian dan menyiapkan kertas projek, saya juga mengucapkan jutaan terima kasih. Semoga sumbangan mereka mendapat ganjaran daripada Allah SWT.

Wabillahi Taufik Walhidayah, Wassalamua'laikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

KANDUNGAN

Perakuan Kerja Tesis/Disertasi	iii
Pengakuan	v
Kebenaran Mengguna	vi
Abstrak	vii
Abstract	viii
Penghargaan	ix
Kandungan	x
Senarai Rajah	xiii
Senarai Jadual	xiv
Senarai Singkatan	xv

BAB 1: PENDAHULUAN

1.1	Pengenalan	1
1.2	Permasalahan Kajian	8
1.3	Persoalan Kajian	11
1.4	Objektif Kajian	11
1.5	Skop Kajian	12
1.5	Kerangka Konseptual	14
1.6	Kepentingan Kajian	16
1.7	Susunan Bab	18

BAB 2: SOROTAN KARYA

2.1	Pengenalan	20
2.2	Sorotan Kajian Lepas	20
2.3	Sistem Politik Islam	22
2.4	Konsep Politik Islam	24
2.4.1	Keadilan	26
2.4.2	Semangat Musyawarah	28
2.4.3	Kesamarataan	30
2.4.4	Kebebasan	32
2.5	Konsep Islamisme	35
2.6	Pemikiran Islam Dr. Mahathir	36
2.6.1	Islam Sebagai Addin	36
2.6.2	Hukum Islam	42
2.7	Definisi Operasional	43
2.7.1	Politik Islam	44
2.7.2	Pengurusan Konflik dalam Islam	49
2.7.3	Pendekatan Berhemah (Penerapan Nilai-nilai Islam)	51
2.8	Rumusan	52

BAB 3: METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pengenalan	53
3.2	Reka Bentuk Kajian	54

3.3	Kaedah Kajian yang Digunakan	55
3.4	Skop Masa Kajian yang Dijalankan	57
3.5	Himpunan dan Sumber Data	57
3.5.1	Temu bual	58
3.5.2	Forum dan Ceramah	59
3.5.3	Kajian Pustaka	60
3.5.4	Media Massa	61
3.6	Kerangka Konsep Metod Kajian	62
3.7	Analisis Data yang Diperoleh	64
3.8	Rumusan	65

BAB 4: ANALISIS PEMIKIRAN POLITIK ISLAM DR. MAHATHIR 1981-2003

4.1	Pengenalan	67
4.2	Politik Islam dan Dr. Mahathir	68
4.2.1	Sudut Pandangan Dr. Mahathir berkaitan Politik Islam	70
4.2.2	Dr. Mahathir dan Malaysia sebagai Sebuah Negara Islam	79
4.3	Pendekatan Berhemah (Penerapan Nilai-Nilai Islam [PNI])	82
4.3.1	Pengukuhan Pembangunan Ekonomi Islam di Malaysia	83
4.3.2	Penyuburan Sosiopolitik Berasaskan Islam	86
4.3.3	Menyejahterakan Pembangunan Kehidupan Sosial Rakyat	88
4.3.4	Membangunkan Sains dan Teknologi	91
4.3.5	Menyusun Atur Sistem Birokrasi Negara berasaskan Islam	88
4.3.6	Memperkenalkan Dasar-dasar yang Berteraskan kepada Keislaman	100
5.4	Rumusan	103

BAB 5: RUMUSAN

5.1	Pengenalan	104
5.2	Dapatan Kajian	105
5.2.1	Meletakkan Islam di tempat yang Sepatutnya	105
5.2.2	Memartabatkan Kedudukan Malaysia Sebagai Sebuah Negara Islam Contoh	109
5.2.3	Mendidik Rakyat untuk Mengamalkan Pendekatan Islam	111
5.2.4	Membangunkan Umat Islam yang Mempunyai Nilai-nilai Islam yang Tinggi	113
5.2.5	Memperjuangkan Politik Islam sebagai Kuasa Utama Negara	115
5.3	Rumusan	117

RUJUKAN	125
---------------	-----

Lampiran 1

Senarai temu bual berstruktur dan tidak berstruktur

Lampiran 2

Ucapan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad di Majlis Pelancaran al-Quran Mushaf Malaysia

Lampiran 3

Ucapan Yang Amat Berhormat Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad di Majlis Pelancaran E-Syariah

Lampiran 4

Ucapan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad di Seminar Kebangsaan "Memahami Malaysia sebagai Sebuah Negara Islam"

Lampiran 5

Ucapan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad di Pembukaan the tenth session of the Islamic Summit Conference

SENARAI RAJAH

Rajah 1.1: Kerangka Konseptual	15
Rajah 3.1: Kerangka konseptual Metod Kajian	62

SENARAI JADUAL

Jadual 3.1: Reka Bentuk Kajian.....	55
-------------------------------------	----

SENARAI SINGKATAN

ABIM	Angkatan Belia Islam Malaysia
ACP	Ketua Pegawai Keselamatan
AKIM	Angkatan Keadilan Islam Malaysia
APU	Angkatan Perpaduan Ummah
ASB	Amanah Saham Bumiputra
ASN	Amanah Saham Nasional
ASW2020	Amanah Saham Wawasan 2020
ASEAN	Association of Southeast Asian Nations
BN	Barisan Nasional
DEB	Dasar Ekonomi Baru
DK	Dasar Kependudukan
DPN	Dasar Pembangunan Negara
DPK	Dasar Pandang Ke Timur
FELDA	Federal Land Development Authority
FELCRA	Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Persekutuan
FAMA	Federal Agriculture Marketing Authority
ICT	Information and Communication Technologies
IKIM	Institut Kefahaman Islam Malaysia
IKS	Industri Kecil dan Sederhana
ILIM	Institut Latihan Islam Malaysia
IPF	Indian Progressive Front
IPTA	Institusi Pengajian Tinggi Awam
IPTS	Institusi Pengajian Tinggi Swasta
ISA	Internal Security Act (Akta Keselamatan Dalam Negeri)
JIM	Jemaah Islamiyah Malaysia
JPM	Jabatan Perdana Menteri
KIMMA	Kongres India Muslim Malaysia
KUIS	Kolej Universiti Islam Selangor
LADA	Langkawi Development Authority
MIC	Malayan Indian Comodity
MCA	Malayan Chines Association
MP	Ahli Parlimen
MPI	Maktab Perguruan Islam
MRSM	Maktab Rendah Sains Mara
MARA	Majlis Amanah Rakyat
MAIWP	Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan
NGO	Badan Bukan Kerajaan (<i>Non Government Organization</i>)
OIC	Organization Islamic Comonity
OSA	Akta Rahsia Rasmi
PM	Perdana Menteri
PAS	Parti Islam SeMalaysia
PBB	Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu
PERKIM	Pertubuhan Kefahaman Islam Malaysia
PERKASA	Pribumi Perkasa Negara
PETRONAS	Petroleum Nasional Berhad
PPP	Parti Progresif Penduduk (<i>People's Progressive Party</i>)
PROTON	Perusahaan Automobil Nasional

PRU	Pilihan Raya Umum
PUM	Persatuan Ulama Malaysia
SAR	Sekolah Agama Rakyat
SAW	Sallallahualaihiwasallam
SWT	Subhanahuwataala
UMNO	United Malayan Nation Organization
USA	United State of America
USIM	Universiti Sains Islam Malaysia
UIA	Universiti Islam Antarabangsa
UKM	Universiti Kebangsaan Malaysia
YABhg.	Yang Amat Berbahagia
YDPA	Yang di-Pertuan Agong

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Shamsiah Abd. Kadir (2011) menyatakan terdapat tiga teori yang berbeza tentang kedatangan Islam di Tanah Melayu, iaitu kedatangan Islam dari India, China dan Arab. Teori ini banyak telah dikemukakan oleh sarjana terkemuka dunia, seperti Snouck Hugronje, B. Harisson, Thomas Arnold, dan R.O Winstedt berasaskan penemuan sumber sejarah atau rasional sarjana itu sendiri dalam menyusun kepelbagaian sangkaan sehingga lahir teori kedatangan Islam di Tanah Melayu. Terdapat bukti bahawa agama Islam itu dibawa secara langsung dari Arab. Sebagai contoh, raja Kedah, Maharaja Derbar Raja II, memeluk agama Islam pada tahun 1136 Masihi (M), oleh Sheikh Abdullah bin Sheikh Ahmad al-Qaumiri al-Yamani, seorang ulama berbangsa Arab yang datang dari Yaman.

Manakala menurut Ahmad Mohd Saleh (1997, hlm. 23-24), kedatangan Islam ke Tanah Melayu bermula seawal abad ketujuh Masihi lagi. Ini berasaskan kepada kemungkinan bahawa agama Islam itu disebarkan oleh para pedagang dan pendakwah dari Asia Barat ke negara China. Islam seterusnya semakin berkembang pada abad ke-13 Masihi dengan kemunculan beberapa buah kerajaan Islam di Pasai dan Perlak di persekitaran Selat Melaka. Pada masa itu telah wujud usaha-usaha untuk mengislamkan penduduk tempatan oleh para pedagang Arab di Nusantara.

Menurut beliau lagi, itulah satu-satunya negeri Islam di Kepulauan Melayu dan kedatangan Islam secara tidak langsung telah mempengaruhi pembentukan perlembagaan negara.¹

Afifah Abu Yazid (2003) menyatakan sebelum kemerdekaan pada tahun 1957, sebahagian besar perlembagaan negeri-negeri Melayu adalah bersifat tidak bertulis. Walau bagaimanapun sejarah awal perlembagaan bertulis telah bermula dengan Perlembagaan Negeri Johor tahun 1895 dan Perlembagaan Negeri Terengganu tahun 1911. Islam telah diberikan kedudukan yang istimewa apabila Islam tidak hanya terikat dengan tradisi kekeluargaan semata-mata bahkan melibatkan undang-undang pemerintahan yang melibatkan urusan keduniaan yang diletakkan di bawah naungan Sultan. Ini bererti bahawa Islam telah diamalkan secara menyeluruh sebelum kedatangan penjajah. Pengamalan Islam sebagai sistem perundangan negeri ini dapat dilihat dalam pelbagai versi Undang-undang Melaka atau Risalat Hukum Kanun Melaka.²

Berikutan dengan itu, Undang-undang Melaka telah mempengaruhi serta memberikan kesan kepada undang-undang negeri lain seperti Undang-undang Pahang 1596, Undang-undang Kedah tahun 1605, Undang-undang Johor tahun 1789, Undang-undang 99 Perak tahun 1879 dan Undang-undang Mahkamah tahun 1885 di Terengganu. Pemakaian undang-undang Islam adalah secara menyeluruh termasuk undang-undang tanah dan sultan-sultan bukan sahaja menjadi ketua agama, tetapi

¹ Penubuhan Persekutuan Malaysia telah diistiharkan pada tanggal 16 September 1963 oleh Perdana Menteri Malaysia Tunku Abdul Rahman yang terdiri dari Semenanjung Tanah Melayu, Singapura, Brunei dan Sabah serta Sarawak.

² Lihat *Naskah Undang-undang Melaka: Satu Tinjauan* Universiti Kebangsaan Malaysia Bangi.

juga pemimpin politik bagi negeri-negeri di bawah jajahan takluknya (Abdul Jalil Borham 2002, hlm. 83).

Kedatangan Islam pada mulanya ditentang oleh segenap lapisan masyarakat di Tanah Melayu. Namun apabila raja yang memerintah negeri Melaka iaitu Parameswara memeluk agama Islam maka penerimaan Islam berkembang dalam kalangan rakyatnya. Bahkan penggunaan hukum Islam dalam pentadbiran seperti Hukum Kanun Melaka dan Undang-Undang Laut Melaka telah memberi gambaran akan pengaruh perkembangan Islam dalam kalangan masyarakat Tanah Melayu khususnya di negeri Melaka pada ketika itu. Walau bagaimanapun, pemakaian hukum Islam ini tidak dapat diteruskan setelah kejatuhan Melaka ke tangan Portugis pada tahun 1511. Bahkan pada masa itu pula diwujudkan undang-undang barat dalam pentadbiran Tanah Melayu oleh penjajah. Dalam sistem pentadbiran penjajah, Islam telah diletakan di bawah seliaan raja-raja dan sultan sahaja dan tidak boleh dicampurkan dengan hal pentadbiran negara. Begitu juga keadaannya semasa penjajahan Jepun pada tahun 1941-1945 sebelum dirampas semula oleh British (Abdullah Ishak, 1990).

Selepas Tanah Melayu mencapai kemerdekaan tahun 1957, Islam kembali dimartabatkan dan diletakan di tempat tertinggi dalam Perlembagaan negara di bawah Yang di-Pertuan Agong. Dalam Perlembagaan Persekutuan, Islam diletakan dalam banyak Perkara dan Fasa antaranya seperti dalam Perkara 3(1), Perkara 11, Perkara 152 dan 153. Begitu juga semasa kontrak sosial dimeterai antara kaum di Malaysia dalam mendapatkan kemerdekaan negara di mana Islam telah dipersetujui oleh semua kaum sebagai agama bagi Persekutuan dan Yang di-Pertuan Agong

sebagai Ketua Utama Negara yang bertindak mengikut nasihat Perdana Menteri yang dilantik menerusi pilihan raya (Abdul Aziz Bari, 1996). Sehingga hari ini Malaysia telah mempunyai enam (6) orang Perdana Menteri yang mentadbir dan menasihati YDPA dalam menguruskan negara.

Bermula pada tahun 1957 apabila Malaysia mendapat kemerdekaan dari tangan penjajah oleh Al-Marhum Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj sebagai Perdana Menteri pertama dari tahun 1957 hingga tahun 1970 yang juga digelar sebagai Bapa Kemerdekaan. Kemudian telah digantikan oleh Tun Abdul Razak dari tahun 1970 hingga tahun 1976 dan diteruskan pula oleh Tun Hussien Onn sebagai pengganti pada tahun 1976 hingga tahun 1981. Selepas itu diganti oleh Tun Dr. Mahathir sebagai Perdana Menteri yang keempat Malaysia tahun 1981 hingga tahun 2003 dan merupakan pemerintah paling yang lama. Apabila Tun Dr. Mahathir melepaskan jawatan, Tun Abdullah Ahmad Badawi telah diangkat sebagai Perdana Menteri Kelima Malaysia bermula dari tahun 2003 hingga tahun 2009 dan selepas itu Dato' Seri Mohd Najib Tun Abdul Razak dilantik sebagai Perdana Menteri keenam sehinggalah ke hari ini.

Setiap pemerintahan seseorang perdana menteri mempunyai kesinambungan masing-masing. Bermula dengan Perdana Menteri pertama merupakan negarawan yang berjaya mendapatkan kemerdekaan daripada British dan telah digelar sebagai Bapa Kemerdekaan. Kemudian Perdana Menteri Kedua digelar Bapa Pembangunan selepas berjaya membentuk pembangunan melalui kepelbagaian dasar yang diperkenalkan. Seterusnya Perdana Menteri Ketiga juga dikenali sebagai Bapa Perpaduan kerana berjaya membentuk kesepaduan di antara kaum yang ada di

Malaysia dan meneruskan legasi yang dibentuk oleh pemimpin sebelumnya. Perdana Menteri yang keempat pula digelar sebagai Bapa Pemodenan disebabkan beliau berjaya memodenkan negara dan menjadikan Malaysia sebuah negara maju dari pelbagai bentuk pembangunan. Pemerintahannya selama 22 tahun telah menaikkan nama Malaysia ke persada dunia dengan hasil cetusan pemikiran yang hebat dan tuntas. Sejurus kemudian Perdana Menteri Kelima pula digelar sebagai Bapa Modal Insan dan yang terakhir iaitu Perdana Menteri pada hari ini digelar sebagai Bapa Transformasi.

Walaupun begitu, kajian ini adalah berkaitan Perdana Menteri Keempat Malaysia iaitu Tun Dr. Mahathir bin Mohammad di masa pemerintahan dari tahun 1981 hingga tahun 2003.³ Fokus utama kajian adalah berkaitan pemikiran politik Islam Dr. Mahathir sepanjang memegang tampuk pemerintahan negara. Dr. Mahathir merupakan Perdana Menteri Keempat Malaysia, mula memegang tampuk pemerintahan negara pada tahun 1981 apabila bersaranya Perdana Menteri Ketiga iaitu Tun Hussein Onn.

Di sini penyelidik tidak menjelaskan secara keseluruhan perihal berkaitan Dr. Mahathir kerana semua sedia maklum telah banyak penulisan yang dilakukan oleh penulis-penulis, ahli akademik, bahkan oleh beliau sendiri seperti dalam buku Doktor Umum (2012), A Pictorial Journey (2004), Legasi Mahathir (2005), Pembangunan Islam Di Malaysia Era Mahathir (2011), Pemikiran Tun Dr. Mahathir Mohamad (2004), Mahathir Mohamad Prime Minister of Malaysia (1993) dan buku-buku serta makalah-makalah lain yang tidak dapat disenaraikan keseluruhannya.

³ Selepas ini hanya menggunakan Dr. Mahathir dalam penulisan seterusnya.

Tun Dr. Mahathir bin Mohamad dilantik menjadi Perdana Menteri Malaysia yang keempat pada 16hb Julai 1981. Pada peringkat awal penglibatan dalam politik adalah apabila menjadi ahli biasa Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (UMNO) sejak ditubuhkan pada 1946. Akan tetapi minatnya dalam politik lahir seawal umur belasan tahun melalui pembacaan buku dan majalah-majalah tanpa didorong oleh mana-mana pihak termasuk ibu dan bapa beliau (Mahathir, *temu bual individu*, 15 Okt. 2012).⁴

Pertama kali bertanding dalam pilihan raya dan dilantik sebagai Ahli Parlimen (MP) pada tahun 1964. Akan tetapi pada tahun 1969, beliau tidak lagi menjadi MP kerana kalah kepada calon PAS. Walaupun kalah, Dr. Mahathir telah dilantik sebagai Senator pada tahun 1974 dan melepaskan jawatan tersebut untuk membolehkannya bertanding dalam Pilihan Raya Umum tahun 1974. Dr. Mahathir telah memenangi pilihan raya tersebut dan dilantik sebagai Menteri Pendidikan.⁵

Pada tahun 1976, Dr. Mahathir dilantik menjadi Timbalan Perdana Menteri di samping terus menjalankan peranan dan tugas-tugas sebagai Menteri Pendidikan. Di dalam rombakan kabinet dua tahun kemudian, beliau melepaskan portfolio Pendidikan untuk menyandang jawatan baru sebagai Menteri Perdagangan dan Industri. Setelah dilantik menjadi Menteri Perdagangan dan Industri, Dr. Mahathir mengetuai pelbagai misi dan promosi pelaburan di luar negara (Kay Kim Koo, 1980).

⁴ Temu bual bersama Tun Dr. Mahathir pada 25 November 2012 di Yayasan Kepimpinan Perdana, Putrajaya

⁵ Presiden parti UMNO Malaysia bertarikh 20 Ogos 2012.

Dr. Mahathir telah dipilih sebagai salah seorang daripada tiga Naib Presiden UMNO pada tahun 1975. Pada tahun 1978, beliau memenangi kerusi Timbalan Presiden parti dan pada tahun 1981 beliau dilantik sebagai Presiden parti. Beliau mengekalkan kedudukannya sebagai Presiden parti pada tahun 1984 apabila menang tanpa bertanding. Dalam pemilihan pucuk pimpinan parti UMNO tahun 1987, Dr. Mahathir mengalahkan lawannya untuk mengekalkan jawatan Presiden dan pada tahun 1990 dan tahun 1993, sekali lagi beliau menang tanpa bertanding sebagai presiden parti.⁶ Di bawah pentadbiran beliau, parti pemerintah (Barisan Nasional) memenangi Pilihan Raya Umum (PRU) berturut-turut pada tahun 1982, 1986, 1990, 1995 dan 1999.

Dari segi dasar pula, beliau telah banyak memperkenalkan dasar-dasar dalam memacu pembangunan negara dan membantu umat Islam di Malaysia. Dasar-dasar yang diperkenalkan kebanyakan menjurus kepada keislaman. Walaupun begitu kaum lain dalam negara tidak pernah beliau abaikan. Sikap keadilan yang dipegang beliau banyak membantu dan diterima baik kaum lain. Sebagai contoh Dasar Pembangunan Nasional yang diperkenalkan oleh beliau walaupun secara totalnya untuk orang Islam (Melayu), akan tetapi kaum lain juga diberi hak mengikut kepada keperluan semasa. Keprihatinan beliau telah menjadikan beliau dihormati bukan sahaja dalam kalangan orang Islam (Melayu), tetapi juga oleh kaum lain yang ada dalam negara (Mahathir Mohamad, 1982b). Begitu juga dengan dasar penerapan nilai-nilai Islam yang diperkenalkan oleh beliau telah banyak membantu orang Islam (Melayu) dan bukan

⁶ *Ibid*

Islam mengenali budi dan cara orang Islam dalam kehidupan, pentadbiran dan kepimpinan.

Kebijakan Dr. Mahathir dalam mentadbir negara bukan sahaja disanjung oleh rakyat dalam negara, malah ia telah diketahui umum (serata dunia) sehinggakan beliau telah diiktiraf oleh dunia. Oleh itu, Dr. Mahathir telah banyak menerima anugerah dan pingat sama ada dalam negara ataupun luar negara. Bermula tahun 1965 hingga tahun 2005 beliau telah menerima sepuluh anugerah di peringkat antarabangsa dan sebanyak 56 anugerah di dalam negara.⁷ Ini adalah hasil dari usaha beliau menaikkan nama negara kearah negara yang maju setanding dengan negara-negara lain.

1.2 Permasalahan Kajian

Kajian ini akan membincangkan pemikiran politik Islam Dr. Mahathir dan mengupas beberapa usaha yang telah dan cuba dilakukan oleh beliau semasa memegang tampuk pemerintahan negara dalam memajukan agama dan umat Islam di Malaysia. Sejak permulaan kerjaya sebagai ahli politik, Dr. Mahathir sering berbicara, memberi pandangan dan menganalisis secara kritis isu-isu yang dihadapi oleh umat Islam, cabarannya dan bagaimana permasalahan umat Islam harus ditangani dan diusahakan secara bersungguh-sungguh.

Sebenarnya pemikiran politik Islam Dr. Mahathir merangkumi kepada kepelbagaian aspek berkaitan umat Islam seperti pembangunan berteraskan kepada Islam, penguasaan ilmu pengetahuan, penguasaan teknologi, peningkatan ekonomi umat

⁷ Biodata Perdana-Perdana Menteri Malaysia <http://www.pmo.gov.my/?menu=page&page=1648>. bertarikh 24 september 2012.

Islam, peningkatan taraf hidup dan kesepaduan antara kaum yang ada dalam Malaysia. Ini merupakan satu agenda besar Dr. Mahathir dalam membangunkan umat Islam ke arah yang lebih dominan dalam dunia yang semakin mencabar. Umat Islam mungkin kecundang dan mengalami kegagalan buat selama-lamanya sekiranya tidak mampu menyusun agenda dan operasi perjuangan secara teratur dan berkesan seperti yang telah dilakukan oleh Dr. Mahathir semasa memegang tampuk pemerintahan negara dari tahun 1981 hingga 2003. Bahkan pada 29 September 2001, Dr. Mahathir dengan beraninya telah mengisytiharkan Malaysia sebagai negara Islam.

“UMNO ingin menyatakan secara terang-terang bahawa Malaysia adalah negara Islam.” (Mahathir Mohamad, 2001)

Lebih menarik, pengisytiharan ini dibuat semasa merasmikan Persidangan Perwakilan Parti GERAKAN, salah satu parti komponen Barisan Nasional, walaupun tidak bersifat kaum dalam keahliannya, namun majoritinya dikuasai oleh satu kaum.

Walaupun pengisytiharan yang dilakukan ini bersifat politik bagi mematikan hujah PAS, parti yang senantiasa mengkritik pentadbiran kerajaan yang tidak berlandaskan Islam dan lantang melabelkan Malaysia sebagai sebuah negara sekular.

Walaupun kontroversi wujud dalam negara tentang pengisytiharan Malaysia sebagai sebuah negara Islam, namun masyarakat antarabangsa baik dari kalangan dunia Islam mahupun bukan Islam memuji kepemimpinan Dr. Mahathir, khususnya dalam menetengahkan kesederhanaan dalam kepemimpinan dan pemerintahan, bahkan melabelkan Malaysia sebagai sebuah negara Islam contoh. Apatah lagi pengisytiharan yang dilakukan oleh Dr. Mahathir itu, dilihat sebagai tindak balas

kepada ungkapan “pengganas” yang dilabelkan oleh negara Barat terhadap Islam selepas berlakunya Peristiwa 11 September 2001. Sepanjang tempoh 22 tahun sebagai Perdana Menteri, Dr. Mahathir telah membawa Malaysia ke arah kecemerlangan. Malaysia telah melalui pelbagai pembaharuan fizikal, mental dan sosial bahkan telah menjadi sebuah negara Islam contoh yang disegani dan dihormati di pentas dunia. Kejayaan Malaysia sebagai negara membangun dan sebuah negara Islam yang unggul di rantau ini telah diiktiraf dunia. Warisan pusaka yang ditinggalkan oleh Dr. Mahathir dapat kita lihat berada di mana sahaja dan tetap seorang negarawan terbilang walaupun kerap dikaitkan dengan pelbagai kontroversi (Ismail Ibrahim, 2002).

Namun begitu, pemikiran Dr. Mahathir terhadap Islam yang tidak terbatas kepada negara sahaja, malahan di peringkat dunia juga mengiktirafnya sebagai seorang tokoh Islam yang paling berani menyuarakan hak umat Islam di persada dunia. Konsep Islam yang dibawa olehnya telah berjaya menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang mendapat pengiktirafan dunia Islam dan bukan Islam (Ismail Ibrahim, 2002).

Perbincangan pemikiran politik Islam Dr. Mahathir masih lagi menghadapi kesamaran; pengkajian ke atas Dr. Mahathir hanya meliputi kepada hal berkaitan pemikiran pembangunan yang dilakukan oleh beliau dan juga pemerintahannya. Sebagai contohnya dalam *Legasi Mahathir* tulisan Sivamurugan Pandian (2005) meletakkan perbincangan tentang pemerintahan Dr. Mahathir selama 22 tahun. Manakala Abdul Mua'ti@Zamri Ahmad (2007) dalam bukunya bertajuk *Pemikiran Tun Dr. Mahathir bin Muhammad* menjelaskan berkaitan mengenai cara

pemerintahan dan pembangunan yang dijalankan oleh Dr. Mahathir tanpa menyentuh banyak berkaitan pemikiran politik Islamnya. Selain itu terdapat buku-buku lain tentang Dr. Mahathir, akan tetapi didapati masih tidak mencapai kepada tajuk yang ingin dikaji.

Makakajian ini cuba untuk merungkai dan melihat bagaimana dan sejauh manakah pemikiran politik Islam Dr. Mahathir semasa pemerintahannya.

1.3 Persoalan Kajian

- (i) Apakah kaedah yang digunakan oleh Dr. Mahathir dalam menerapkan pemikiran politik Islam dalam pemerintahannya.
- (ii) Adakah usaha penerapan pemikiran politik Islam ini berjaya mengubah persepsi dan sikap umat Islam di Malaysia.
- (iii) Adakah ciri-ciri Islam dalam corak pentadbiran Dr. Mahathir.
- (iv) Apakah Dr. Mahathir berjaya memartabatkan kedudukan Islam di Malaysia.

1.4 Objektif Kajian

Objektif sesuatu kajian adalah merujuk kepada matlamat yang akan atau ingin dicapai, lanjutan daripada permasalahan yang dikenal pasti mengenai kajian yang bakal dilakukan. Kajian ini secara amnya adalah untuk menjawab kepada permasalahan utama iaitu pemikiran politik Islam Dr. Mahathir semasa memegang tampuk pemerintahan Malaysia. Ini melibatkan kepada beberapa perkara pokok yang

ingin dijelaskan kepada semua seperti perjuangan menegakkan Islam di Malaysia dalam kepelbagaian aspek utama. Oleh itu, objektif kajian ini ialah:

- (i) untuk mengenal pasti sejauhmanakah pemikiran politik Dr. Mahathir itu adalah pemikiran Islam semasa pemerintahannya;
- (ii) untuk mengkaji ciri-ciri dan penerapan nilai-nilai Islam dan corak pentadbiran Dr. Mahathir;
- (iii) untuk mengenal pasti pandangan dan pemikiran Dr. Mahathir terhadap konsep “pemikiran politik Islam” dan bagaimana beliau menerapkannya dalam pentadbiran beliau.
- (iv) untuk mengenal pasti impak pemikiran politik Tun Dr. Mahathir yang berlandaskan Islam terhadap pentadbirannya dan suasana politik negara.

1.5 Skop Kajian

Matlamat utama kajian ialah untuk mengkaji pemikiran politik Islam Dr. Mahathir. Secara keseluruhan kajian ini mengambil masa selama setahun setengah iaitu dari tahun 2012 hingga pertengahan tahun 2013. Skop kajian ini bagaimanapun terbatas hanya dalam konteks semasa pemerintahan Dr. Mahathir dari tahun 1981 hingga tahun 2003.

Skop kajian seterusnya adalah memfokuskan kepada penerapan nilai-nilai Islam yang diketengahkan oleh Dr. Mahathir yang melibatkan beberapa komponen utama iaitu:

- (i) Pembangunan ekonomi umat Islam;
- (ii) Menyejahterakan kehidupan sosial rakyat;
- (iii) Mengukuhkan sosiopolitik umat Islam di Malaysia; dan
- (iv) Menyusun aturkan birokrasi dalam pemerintahan.


Asas utama skop kajian ini ialah latar belakang politik Islam di Malaysia yang merangkumi beberapa bahagian utama seperti kedudukan Islam dalam Perlembagaan Persekutuan yang termaktub dalam Perkara 10, Perkara 152 dan 153, Perkara 3(1) dan Perkara 4(1) serta kedudukan Islam dalam Kontrak Sosial. Walau pun begitu kajian ini juga meliputi kepada perjuangan Islam di Malaysia dari pelbagai pihak seperti perjuangan Islam melalui parti politik, badan-badan bukan kerajaan (NGO) dan sebagainya. Selain itu juga, ia menjelaskan beberapa perkara utama seperti latar belakang politik Islam di Malaysia yang menelusuri kepada sejarah politik Islam, UMNO dan perjuangan Islam dan PAS serta penglibatan parti-parti dan pertubuhan lain yang memperjuangkan Islam. Pengkajian juga meliputi kepada isu-isu yang timbul semasa zaman pemerintahan Dr. Mahathir sebagai Perdana Menteri Malaysia seperti isu kafir-mengkafir, isu negara Islam dan lain-lain isu yang berkaitan dengan Islam.

Sehubungan dengan itu, kajian ini meliputi penglibatan Dr. Mahathir dalam politik khususnya dalam UMNO yang merangkumi kepada UMNO di bawah tadbir urus Dr. Mahathir dan bagaimana Dr. Mahathir memberi keutamaan terhadap isu-isu keislaman. Seterusnya melibatkan politik Islam dan Dr. Mahathir, di mana ia berkisarkan kepada pandangan Dr. Mahathir terhadap politik Islam dan negara Islam.

Keseluruhan skop kajian ini bergantung sepenuhnya kepada data dan maklumat sekunder yang diperoleh daripada pelbagai laporan media bagi jangka masa antara 1981 hingga 2003 bagi melihat sejauh mana kejayaan pemikiran politik Islam Dr. Mahathir semasa memerintah negara. Maklumat yang diperoleh terutamanya melalui temu bual tokoh berkenaan secara langsung dan beberapa orang yang rapat dengan beliau. Selain itu maklumat juga diperoleh daripada kajian pustaka di perpustakaan Universiti Kebangsaan Malaysia, Jabatan Perdana Menteri, di Institut Pemikiran Dr. Mahathir (IPDM), Universiti Utara Malaysia, keratan akhbar dan penulisan-penulisan ilmiah dikumpul serta dianalisis.

1.5 Kerangka Konseptual

Islam dan politik secara konsepnya memang tidak boleh dipisahkan kerana sebagai sebuah negara Islam keduanya saling berkait rapat. Sebuah negara Islam, pemimpinnya haruslah beragama Islam dan sebagai seorang pemimpin Islam maka wajib mempertahankan dengan apa cara sekali pun agamanya. Jika tidak ia tidak akan mencapai kepada pemerintahan. Dalam mengkaji pemikiran politik Islam Dr. Mahathir semasa pemerintahan meletakkan kepada beberapa perkara pokok yang dilaksanakan untuk Islam. Secara amnya Kerangka konseptual yang digunakan adalah seperti Rajah 1.1.



Rajah 1.1: Kerangka Konseptual

Rajah 1.1 merupakan gambaran kasar berkaitan kajian pemikiran politik Islam Dr. Mahathir semasa memegang tampuk pemerintahan negara. Fokus utama dalam tesis ini adalah berkaitan penerapan nilai-nilai Islam dalam aspek ekonomi, politik, sosial dan birokrasi dalam lingkungan pemerintahannya selama 22 tahun (1981-2003). Walaupun begitu kajian ini juga memasukan serba sedikit berkaitan isu-isu Islam yang wujud dan kedudukan Islam dalam perlembagaan Persekutuan dan seterusnya dapatan kajian yang diperoleh seperti di atas.

1.6 Kepentingan Kajian

Kajian tentang pemikiran Dr. Mahathir dan politik Islam adalah penting supaya generasi yang akan datang dapat mengetahui bahawa politik Dr. Mahathir adalah politik yang berteraskan kepada sistem politik Islam. Ia juga adalah penting bagi mengetahui sejarah politik Islam di negara kita Malaysia iaitu sejak bila ia bermula dan diperjuangkan.

Bagi memahamkan lagi generasi masa depan negara supaya dapat menilai dengan pemikiran yang waras dan bijaksana, perbincangan ini juga mengambil kira perjuangan Islam UMNO dan juga perjuangan Islam yang dibawa oleh PAS serta parti-parti dan pertubuhan-pertubuhan yang lain. Oleh kerana generasi akan datang mungkin tidak mengetahui dan tidak mengalami apa yang berlaku pada zaman Dr. Mahathir maka isu Melayu dan juga Islam turut dipanjangkan. Selain itu generasi akan datang juga dapat mengetahui isu-isu yang timbul pada zaman pemerintahan Dr. Mahathir berkaitan dengan Islam dan bagaimana menghadapi isu-isu tersebut, contohnya seperti isu yang berkaitan kafir-mengkafir di antara UMNO dan PAS.

Apakah yang menyebabkan isu ini timbul dan juga mengapa ia ditimbulkan oleh pihak-pihak tertentu sama ada untuk kepentingan politik ataupun untuk Islam itu sendiri? Begitu juga dengan isu negara Islam, seperti yang diperjelaskan dalam buku bertajuk “Malaysia Sebagai Sebuah Negara Islam” dan juga isu-isu lain yang berkaitan dengan Islam seperti isu arak, judi, rasuah dan sebagainya. Ini adalah penting supaya generasi akan datang dapat memahami dan mengkaji perkara tersebut dengan lebih mendalam.

Generasi akan datang juga dapat memahami dengan lebih jelas lagi berkenaan Dr. Mahathir sebagai pemerintah yang paling lama dan paling banyak memberi sumbangan kepada negara khususnya dunia Islam. Antaranya seperti pendapat Dr. Mahathir tentang politik Islam, dimanakah pendirian Dr. Mahathir berkenaan politik Islam khususnya di Malaysia? Selain itu juga ia boleh memahami berkenaan negara Islam, bagaimanakah negara Islam yang dimaksudkan dan diperkatakan oleh Dr. Mahathir sebagai seorang tokoh yang diiktiraf dalam dunia Islam hari ini.

Seterusnya adalah penting kepada arah tuju negara dalam mewujudkan satu manifestasi sebuah negara yang bercirikan kepada Islam. Ini akan menjadikan Malaysia sebagai model kepada negara-negara Islam yang lain dalam kepelbagaian keadaan sama ada dalam pembangunan ekonomi Islam, pembangunan negara Islam kontemporari dan kehidupan sosial umat Islam yang berada dalam satu keadaan kepelbagaian etnik dan ras.

Selain itu kajian ini juga penting kepada pembangunan ekonomi, politik dan sosial negara. Sebagai sebuah negara Islam moden, Malaysia telah ke hadapan dalam

pelbagai bidang jika dibandingkan dengan negara lain. Maka kajian ini diharapkan dapat memberi manfaat dan menjadi rujukan dalam membina pembangunan negara.

Diharapkan dengan perbincangan ini maka generasi akan datang dapat memahami keadaan sebenar yang berlaku. Oleh itu kajian ini juga diharapkan dapat menjadi rujukan kepada pusat-pusat pengajian seperti sekolah dan juga IPTA pada masa akan datang.

1.7 Susunan Bab

Secara keseluruhan kajian ini adalah untuk melihat pemerintahan Dr. Mahathir dan politik Islam semasa beliau memegang tampuk pemerintahan negara dari tahun 1981 hingga tahun 2003. Dalam kajian ini keseluruhannya dibahagikan kepada enam bab.

Dalam Bab Satu, merupakan bab pengenalan yang menerangkan apa yang hendak dikaji. Seperti yang tercatat dalam tajuk utama pengkajian ini iaitu pemikiran politik Islam Dr. Mahathir dari tahun 1981 hingga tahun 2003. Dalam bab ini juga perihal latar belakang pengkajian diterangkan supaya memberi gambaran jelas kepada pembaca supaya mudah untuk difahami.

Bab Dua kajian ini berkisarkan kepada latar belakang sorotan karya yang melibatkan beberapa sub-sub tajuk seperti sistem politik Islam secara umum. Selain itu, konsep politik Islam juga diterangkan secara ringkas supaya pembaca dapat memahami kajian ini. Begitu juga konsep Islamisme dan definisi operasional yang merangkumi politik Islam, pengurusan konflik serta pendekatan berhemah. Sehubungan itu dalam

Bab Tiga pula adalah berkaitan metodologi kajian. Dalam bab ini menerangkan cara-cara kajian dijalankan.

Kemudian dalam Bab Empat pula, kajian ini melibatkan kepada analisis pemikiran politik Islam Dr. Mahathir di zaman pemerintahannya yang meliputi kepada UMNO di bawah kepimpinan beliau, politik Islam dan Dr. Mahathir. Selain itu bab ini juga memberi fokus utama kepada penerapan nilai-nilai Islam yang melibatkan ekonomi, politik, sosial dan birokrasi orang Islam di Malaysia.

Bab Lima pula, merupakan bab terakhir atau bab kesimpulan daripada keseluruhan bab di atas. Semua persoalan dan penghuraian yang telah dikaji dirumuskan di dalam bab ini. Selain itu juga pendapat peribadi turut dimuatkan bagi menepati kesinambungan di antara bab-bab tersebut.

BAB 2

SOROTAN KARYA

2.1 Pengenalan

Bab Dua merupakan bab sorotan karya berkaitan politik Islam yang akan digunakan dalam mengkaji berkaitan pemikiran Politik Islam yang diamalkan oleh Dr. Mahathir. Bab ini akan memberi penekanan kepada sorotan kajian lepas dan definisi operasional.

2.2 Sorotan Kajian Lepas

Kajian tentang Dr. Mahathir sememangnya telah banyak ditulis oleh oleh jurnalis dan juga para akademik dan diterbitkan dalam bentuk buku dan juga makalah. Bahkan Dr. Mahathir sendiri banyak menulis buku dan kini banyak menyumbang idea dalam blog Che Det. Walaupun telah banyak kajian dan penelitian yang dibuat tentang Dr. Mahathir, namun kajian mengenai pemikiran Islam Dr. Mahathir adalah berkurangan.

Dr. Mahathir (1982) umpamanya dalam buku Dilema Melayu telah mengkritik orang Melayu yang gagal mentafsir dan mengamalkan Islam dalam konteks yang sebenarnya sehingga menyebabkan orang Melayu menjadi mundur. Dr. Mahathir dalam karya tersebut mengkritik sikap orang Melayu yang sememangnya

bertentangan dengan nilai-nilai yang dikehendaki oleh Islam sehingga menyebabkan orang Melayu tertinggal di belakang kaum lain khususnya orang Cina. Bahkan lebih mendukacitakan apabila orang Melayu dikatakan sukar untuk membuang nilai-nilai ini dalam tingkah laku mereka. Dalam memoirnya, Dr. Mahathir (2012) mengakui kegagalan beliau untuk mengubah tingkah laku orang Melayu.

Abdul Muati (2007) walaupun mengkaji pemikiran Dr. Mahathir semasa pemerintahannya namun tidaklah membincangkan pemikiran politik Islam. Beliau hanya menyentuh tindakan yang dilakukan oleh Dr. Mahathir dalam mentadbir negara berkaitan ekonomi, politik, sosial dan hubungan antarabangsa.

Manakala dalam buku Islam dan Wawasan 2020 hanya berkisar tentang kaitan antara Wawasan 2020 dan juga pendekatannya tetapi tidak menyeluruh membincangkan peranan yang dimainkan oleh Dr. Mahathir untuk mewujudkan sebuah negara Islam. Apa yang dibincangkan meliputi isu-isu ekonomi, pembangunan teknologi, dan memperkenalkan Wawasan 2020 (n.a., 1999).

Sivamurugan (2005) pula membincangkan tentang falsafah politik Dr. Mahathir semasa pemerintahan. Menurut beliau, sumbangan Dr. Mahathir semasa mentadbir negara adalah amat besar dalam meletakkan Malaysia sebagai sebuah negara membangun yang maju dalam pelbagai bidang. Walaupun Sivamurugan ada menyentuh tentang politik Islam Dr. Mahathir tetapi ia dibahaskan secara umum.

Zahidi (1999) yang menulis tentang Dr. Mahathir dari kaca mata insan yang paling dekat dengan Dr. Mahathir dan individu yang mengenalinya juga hanya

membincangkan tentang pendekatan yang diambil oleh Dr. Mahathir semasa pemerintahannya. Ia lebih kepada kerjaya Dr. Mahathir, bermula di peringkat sekolah sebelum melangkah kaki ke universiti dan seterusnya menyertai politik negara.

Dr. Mahathir tidaklah menjelaskan secara konkrit pendekatan yang diambil oleh dalam menterjemahkan Islam dalam pemerintahannya. Islam pada pandangan Dr. Mahathir dalam agama yang sempurna dan dinamik, agama rasional, agama kedamaian, agama yang fleksibel, mudah dan bertoleransi. Oleh itu bersesuaian dengan zaman, maka Dr. Mahathir menyarankan agar dilakukan tafsiran semula kepada al-Quran dan hadis sehingga dilabel sebagai “Islam Mahathir”. Pada masa yang sama juga Dr. Mahathir beranggapan bahawa Islam dan negara tidak dapat dipisahkan. Maka dengan itu, Dr. Mahathir tidak menolak apa-apa konsep dan nilai dari Barat, namun hendaklah dinilai agar ia bersesuaian dengan persekitaran dan budaya masyarakat setempat. Konsep dan nilai yang terpuji yang boleh diasimilasikan dalam masyarakat setempat boleh diterima demi pembangunan dan kesejahteraan negara (Zulfa, 2011).

2.3 Sistem Politik Islam

Sistem politik Islam adalah salah satu daripada komponen utama dalam merencanakan pemerintahan secara Islam. Sistem berasal dari perkataan Yunani yang membawa maksud himpunan atau bahagian yang dilakukan secara teratur dalam mencapai sesuatu tujuan yang dikehendaki.

Beberapa ahli falsafah dari barat seperti Gerald L. McManis & L. James Havery (1978) mendefinisikan sistem sebagai suatu atur cara yang tersusun dan rasional dalam mencapai sesuatu yang diinginkan dan mengikut apa yang dirancang. Manakala John Mc. Manama (1971) pula mengistilahkan sistem sebagai sebuah struktur yang teratur melalui fungsi-fungsi yang saling berkaitan antara satu dengan yang lain sebagai sebuah kesatuan untuk mencapai apa yang dikehendaki. C.W Churcman (1971) meletakkan sistem sebagai satu set bahagian-bahagian yang disusun atur secara rasional dalam melaksanakan satu set tujuan supaya berjaya.⁸

Dalam Islam sistem merupakan suatu atur cara suatu perkara mengikut kepada lunas-lunas Islam dan ia terikat kepada undang-undang berkaitan Islam. Sebagai contohnya, suatu dasar negara yang dibentuk mesti berpandukan kepada agama Islam dan jika ia tidak menepati ciri-ciri atau hukum yang termaktub dalam Islam maka ia akan terbatal. Begitu juga dalam melantik seseorang pemimpin dalam sesebuah negara Islam, maka ia perlu menggunakan syarat-syarat yang telah termaktub dalam agama Islam seperti pelantikan pemimpin adalah dari rakyat. Setiap pemimpin tidak boleh menawarkan diri untuk menjadi pemimpin kerana pendapat ulama-ulama dahulu mengatakan jika perkara tersebut berlaku maka akan berlaku kepincangan dalam urus tadbir negara contohnya akan berlakunya rasuah, kronisme, sikap berpuak-puak, penindasan dan sebagainya.

Manakala sistem politik dalam Islam merupakan suatu sistem yang tidak dapat tidak ia mesti berteraskan kepada hukum hakam Islam sepenuhnya. Sebagai contohnya pemilihan dalam parti mesti mengikut lunas yang ditetapkan, pentadbiran negara

⁸ Lihat *Definisi sistem* bertarikh 10 Disember 2012 dalam http://elib.unikom.ac.id/files/disk1/529/jbptunikompp-gdl-addityafit-26432-3-unikom_a-i.pdf.

adalah berdasarkan Islam, undang-undang negara berteraskan undang-undang Islam sepenuhnya seperti yang lakukan oleh Rasulullah SAW di Madinah (Piagam Madinah) walaupun terdapat kepelbagaian kaum dan agama pada masa itu.⁹

Oleh yang demikian, pada hemat penyelidik, pendekatan sistem politik Islam adalah kaedah terbaik dalam urus tadbir sesebuah negara kerana ia dilihat sebagai telus dan ikhlas dalam menyaingi sistem yang diterbitkan oleh barat yang mempunyai kelompangan dalam pelbagai aspek.

2.4 Konsep Politik Islam

Zulkipli & Mohd Syukri (2005) menyatakan bahawa konsep utama politik Islam ialah politik yang berasaskan kepada kebenaran dalam merencanakan dan menguruskan perjalanan kehidupan rakyat di sesebuah negara. Manakala Mohd Kamal Hassan (1982) menyatakan konsep politik Islam ialah suatu panduan hidup yang merangkumi semua aspek kehidupan melibatkan perkara-perkara seperti moral, rohaniah, kemasyarakatan dan pemerintahan di semua peringkat individu, masyarakat dan negara. konsep politik Islam juga merupakan satu bentuk set kehidupan umat Islam yang menjalankan pemerintahan di semua peringkat berasaskan kepada nilai-nilai dan hukum Islam sepenuhnya (Mansor Marican, 1982).

Perkara ini juga dibincangkan Abdul Qadim Zallum (1990) menyatakan bahawa konsep politik Islam mesti mempunyai beberapa perkara asas iaitu sumber yang didapati mestilah daripada al-Quran dan Al-Sunnah, akidah kehidupan masyarakat

⁹ Piagam Madiah merupakan undang-undang Islam pertama yang diperkenalkan oleh Rasulullah s.a.w. di Madinah Al-Munawwarah mengandungi 73 fasa.

mestilah berpandukan kepada syariah Islam secara menyeluruh, dan pentadbiran dan pemerintahan menggunakan konsep yang termaktub dalam sistem pemerintahan Islam seperti yang dijalankan oleh Rasulullah SAW Begitu juga, Ahmad Redzuwan Mohd Yunus (2001) menyatakan konsep politik Islam merupakan satu bentuk pemerintahan yang dijalankan adalah berlandaskan wahyu Allah SWT yang diturunkan kepada rasulnya Muhammad saw agama dan pemerintahan digabungkan untuk mendapat suatu pemerintahan yang ideal. Secara keseluruhan konsep politik Islam adalah berlandaskan kepada hukum-hukum yang termaktub.

Dr. Mahathir menjelaskan bahawa konsep politik Islam mestilah berpandukan kepada keadilan. Keadilan yang dimaksudkan ialah melakukan sesuatu perkara tanpa meniadakan hak orang lain. Sebagai contohnya dalam konteks Malaysia pemberian ekonomi, hak politik, pendidikan adalah berlandaskan kepada populasi kaum bukan berlandaskan kepada kesamarataan. Jika meletakkan kesamarataan sebagai keadilan maka akan wujud ketidakadilan terhadap kaum dan agama lain yang ada dalam negara. Ini akan menjadikan negara tidak berada dalam keadaan sebuah negara yang mengamalkan konsep adil seperti yang digariskan dalam Islam (Mahathir Mohamad, *temu bual individu*, 25 Oktober 2012).

Konsep politik Islam yang diutarakan oleh Dr. Mahathir mempunyai persamaan dengan konsep politik Islam Al-Maududi yang meletakkan empat konsep utama politik Islam iaitu Keadilan, semangat Musyawarah, kesamarataan dan kebebasan.

2.4.1 Keadilan

Kamariah Yusof (2012) Islam adalah agama persamaan dan keadilan. Allah SWT bersifat adil dan cintakan keadilan dan kasihkan orang yang bersifat adil. Antara asas yang sangat ditekankan dalam syariat Islam ialah prinsip keadilan kepada semua manusia. Banyak ayat al-Quran yang menyeru kepada keadilan dan mencegah daripada bersifat zalim. Perkataan adil berasal dari perkataan Arab, *cadala* ataupun *al-cadl* yang bererti apa yang menetap di jiwa, ia sesuatu yang lurus, lawan kepada sifat menyeleweng.¹⁰

Al-Imam Mawardi menyifatkan keadilan sebagai memiliki sifat benar, terjamin keimanan, terjauh dari sesuatu yang haram, tenang ketika reda dan marah serta berterusan menjaga maruah di dalam urusan agama dan dunia. Keadilan merupakan salah satu daripada tiga asas pegangan hidup Islam, seiring dengan tauhid dan khilafah. Oleh kerana Islam merangkumi kesemua aspek kehidupan, keadilan juga seharusnya mencakupi semua bidang termasuk ekonomi, sosial, politik, budaya dan lain-lain. Menegakkan keadilan akan menciptakan kebaikan kepada sesiapaupun, manakala pelanggaran terhadapnya akan mengakibatkan mala petaka. Pengertian keadilan Islam dalam aspek kemasyarakatan tidak akan difahami dengan tepat kecuali apabila difahami tasawur Islam mengenai ketuhanan, alam sejagat, kehidupan dan manusia kerana keadilan sosial Islam adalah satu cabang kecil daripada komponen induk tersebut (Kamariah Yusof, 2012).

¹⁰ Lihat Kamariah Yusof (9 Febuari 2012). *Keadilan Menurut PandanganI Islam*. Dipetik dari Utusan Malaysia Online URL: http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y= Bicara_Agama&pg=ba_03.htm bertarikh 3 ogos 2013.

Islam menetapkan hukuman yang sama untuk semua, meskipun yang bersalah itu terdiri daripada anak pemimpin atau rakyat bawahan. Justeru, kita yang berada di zon akhir zaman ini mesti terus meneladani jejak Baginda dalam menegakkan keadilan dan hak saksama (Mohd Rizal, 2012). Manakala Abdul Rahman (1998, hlm. 175) menyatakan bahawa keadilan dalam Islam adalah bersifat universal, iaitu keadilan dalam erti kata meletakkan nilai Islam dalam setiap struktur pemerintahan sama ada dalam membangunkan ekonomi negara, mengukuhkan politik negara dan menyejahterakan sosial rakyat.

Harun Din (2007, hlm. viii) meletakkan keadilan dalam Islam adalah sama dengan keadilan yang bersifat universal iaitu meletakkan sesuatu perkara pada tempat yang sepatutnya. Sebagai contohnya jika berlaku penindasan dan ketidaksamaan dalam undang-undang universal, maka begitulah juga dalam Islam. Contoh lainnya seseorang pemimpin itu akan dianggap adil apabila dia menunaikan tanggungjawabnya dan dia dikategorikan zalim jika sebaliknya berlaku.

Secara keseluruhannya, dapat disimpulkan bahawa keadilan dalam Islam melangkaui keadilan global yang dibentuk oleh barat. Akan tetapi keadilan dalam Islam tidak dapat tidak mesti berlandaskan kepada hukum-hukum yang digariskan al-Quran dan al-Hadis sama ada dalam membentuk sistem bernegara, ekonomi, politik dan sosial. Firman Allah SWT berkaitan keadilan adalah:

“Sesungguhnya Allah menyuruh kamu menyampaikan amanat kepada yang berhak menerimanya, dan (menyuruh kamu) apabila menetapkan hukum di antara manusia supaya kamu menetapkan dengan adil. Sesungguhnya Allah

memberi pengajaran yang sebaik-baiknya kepadamu. Sesungguhnya Allah adalah Maha Mendengar lagi Maha Melihat” (An-Nisa’: 58).¹¹

Dalam surah An-Nisa’ ayat ke-58, Allah SWT menegaskan bahawa kita sebagai umat manusia (Islam) adalah wajib menyampaikan sesuatu sama ada berita, hukuman, pemberian kepada yang berhak menerima (adil) dan memerlukan mengikut kepada hukum-hukum yang telah ditetapkan syarak. Jika sebaliknya maka ia akan merampas hak dan kedudukan yang berhak dan mereka adalah pendusta kepada hak yang ditetapkan oleh Allah SWT. Selain itu terdapat surah-surah lain dalam al-Quran yang menerangkan berkaitan keadilan dalam Islam seperti dalam surah al-Ma’idah ayat ke-8, as-Syura’ ayat ke-15, an-Nahl ayat ke-60 dan 76 dan surah al-Hujarat ayat ke-9 (Nasiruddin S. Ag, 2008).

2.4.2 Semangat Musyawarah

Menurut Wahyuddin *et al.* (2009, hlm. 77) musyawarah merupakan keputusan secara kolektif yang dikeluarkan oleh pemimpin hasil dari sebarang permasalahan yang wujud. Dalam sistem demokrasi musyawarah dalam mendapat keputusan untuk memerintah negara contohnya pelantikan pemimpin dari semua peringkat dijalankan secara bermusyawarah. Manakala Al-Buthy (2010) menyatakan bahawa musyawarah adalah menghimpun pelbagai pandangan dari pelbagai lapisan (pemimpin) dalam mencari satu jalan kebenaran mengikut al-Quran dan Sunnah. Sebagai contohnya jika seseorang pemimpin itu menemukan pendapat seseorang itu benar maka dia boleh mengambilnya untuk diguna pakai dan jika sebaliknya maka harus mencari pendapat lain yang selari dengan kehendak agama.

¹¹ Lihat Tafsir Al-Quran Rasm Uthmani. Surah an-Nisa’ ayat ke-58. Terjemahan: Abu Hasan Din Al-Hafiz. (2008). Kuala Lumpur: Dar El-Fajr. Hlm. 87

Syamsul Bahri (2000, hlm. 42) pula meletakkan musyawarah dalam Islam tidak boleh disamakan dengan semangat kesepakatan yang ada dalam sistem demokrasi walaupun terdapat kesamaan dalam perlaksanaannya. Dalam Islam musyawarah akan berlaku apabila wujudnya persoalan yang tidak secara jelas dan tegas oleh Allah SWT sehingga perlunya kepada penjelasan yang jelas, atau memusyawarahkan persoalan yang belum pernah terjadi pada masa kehidupan Rasulullah SAW sehingga perlu digali keputusan hukum atas persoalan yang baru mengikut kepada aturan-aturan Allah SWT.

Manakala Ismail Noor (2000) menyatakan musyawarah adalah satu proses perundingan bersama yang perlu dilaksanakan oleh sesiapa sahaja yang mempunyai kedudukan dan kuasa bagi memastikan penglibatan semua dan kesaksamaan dalam menyelesaikan masalah dan membuat keputusan. Objektif utama proses perbincangan adalah untuk memperoleh satu keputusan bersama dan dapat diterima oleh semua tanpa terjerumus dalam fitnah atau sabotaj apabila keputusan dicapai.¹²

Oleh itu, tidak dapat tidak musyawarah dalam Islam merupakan satu jalan penyelesaian secara bersama atau kolektif dalam mendapat keputusan yang benar dan selari dengan kehendak hukum yang ditetapkan. Sebagai sebuah negara Islam semangat musyawarah adalah salah satu kewajiban yang perlu diutamakan dalam mengurus tadbir negara mengikut acuan sendiri tanpa meminggirkan hukum Allah SWT dalam membuat keputusan.

¹² Ismail Noor (2000:2) *Kepimpinan Nabi Muhammad S.A.W Pengurusan Altruistik Model Ikutan Sepanjang Masa*

2.4.3 Kesamarataan

Abdul Hadi (2007) menyatakan kesamarataan dalam Islam perlu diletakan dalam aspek keadilan secara menyeluruh dalam semua perkara seperti dalam ekonomi, politik dan kelangsungan sosial. Manakala bagi umat Islam pula lelaki dan wanita mempunyai tanggungjawab yang telah dikhususkan seperti termaktub dalam al-Quran.¹³ Manakala Dr. Mahathir menyatakan bahawa kesamarataan mesti berpandukan kepada keadilan yang dipersetujui bersama seperti termaktub dalam Perlembagaan Negara (Malaysia). Sebagai contohnya setiap rakyat Malaysia tidak disekat dalam memiliki ekonomi dan kekayaan mana-mana kaum di Malaysia akan tetapi ia mesti berpandukan kepada keadilan yang dibentuk mengikut kaum masing-masing (Dr. Mahathir Mohamad, *temu bual individu*, 25 Oktober 2012).

Manakala dalam Perlembagaan Persekutuan Perkara 8 menyatakan bahawa kesamarataan dimaksudkan sebagai yang sama rata bagi semua rakyat tanpa mengira warna kulit, keturunan, bangsa dan budaya. Setiap rakyat berwarga negara Malaysia berhak untuk mendapatkan hak masing-masing seperti yang termaktub.

Pendapat Dr. Mahathir telah dilanjutkan dalam konsep 1Malaysia yang diperkenalkan oleh Perdana Menteri Dato' Sri Najib yang menyatakan kesamarataan adalah berpandukan kepada Perlembagaan Malaysia tanpa mengubah sedikit pun maknanya.¹⁴ Firman Allah SWT berkaitan kesamarataan dalam surah al-Hujurat ayat ke 13

¹³ Demokrasi dan Islam (2007;143-144)

¹⁴ Lihat Konsep 1Malaysia (2009), Bahagian Penerbitan Dasar Negara.

“Wahai umat manusia! Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu dari lelaki dan perempuan, dan Kami telah menjadikan kamu berbagai bangsa dan bersuku puak, supaya kamu berkenal-kenalan (dan beramah mesra antara satu dengan yang lain). Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang yang lebih takwanya di antara kamu, (bukan yang lebih keturunan atau bangsanya). Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui, lagi Maha mendalam pengetahuan-Nya (akan keadaan dan amalan kamu).”¹⁵

Menurut Nazri Muslim & Ahmad Hidayat (2011), Islam mengiktiraf kemuliaan setiap manusia tanpa mengira etnik. Oleh itu, tidak boleh berlaku perbezaan atau penafian hak berdasarkan etnik. Hal ini menjelaskan manusia secara fitrah dijadikan Allah dalam bentuk, kelompok dan budaya yang berbeza dan semua mesti menerima dan menghormati kepelbagaian dan perbezaan itu sebagai satu lumrah dan hukum alam yang akan terus berlaku. Kepelbagaian dan perbezaan itu bukanlah faktor untuk berpecah-belah dan bermusuhan. Seharusnya kita perlu kenal-mengenal dan membantu antara satu sama lain agar kedamaian dan kemakmuran hidup bersama dapat dicapai.

Ayat tersebut secara khusus meletakkan asas kemajmukan dan menyatakan bahawa kepelbagaian manusia ini adalah bagi merangsang serta menggalakkan berlakunya interaksi, kerjasama serta saling melengkapi dan bukannya pengasingan atau konflik. Manusia secara keseluruhannya tanpa mengira batas tempat dan masa adalah sama di sisi Islam dalam konteks kemanusiaan dan harga diri lantaran dipandang satu di sisi Allah meskipun berbeza sifat fizikal dan budaya. Begitu juga perbezaan agama di kalangan manusia adalah berlaku dengan kehendak Allah yang memberi kebebasan kepada makhluknya untuk membuat pilihan sama ada untuk beriman atau tidak. Ia menepati firman Allah Surah an-Nisaa’ 4:1 yang bermaksud:

¹⁵ Lihat Tafsir Al-Quran Rasm Uthmani. Surah Al-Hujurat ayat ke-13. Terjemahan: Abu Hasan Din Al-Hafiz. (2008). Kuala Lumpur: Dar El-Fajr. Hlm. 517.

Wahai sekalian manusia! Bertakwalah kepada Tuhan kamu yang telah menjadikan kamu (bermula) dari diri yang satu (Adam), dan yang menjadikan daripada (Adam) itu pasangannya (isterinya – Hawa), dan juga yang membiakkan dari keduanya – zuriat keturunan – lelaki dan perempuan yang ramai. Dan bertaqwalah kepada Allah yang kamu selalu meminta dengan menyebut-nyebut nama-Nya, serta peliharalah hubungan (silaturahmi) kaum kerabat; kerana sesungguhnya Allah sentiasa memerhati (mengawas) kamu.

Ini jelas menunjukkan dalam Islam telah digariskan kesemua hak umat Islam dan bukan Islam. Kesamarataan di sisi Allah SWT adalah satu set kesamaan untuk semua umat Islam mengikut landasan-landasan yang teratur (Nazri Muslim & Ahmad Hidayat, 2011).

2.4.4 Kebebasan

Zulkifli Abdul Ghani & Mohd. Syukri (2005) menyatakan kebebasan dalam Islam mestilah berlandaskan kepada hukum yang digariskan dalam al-Quran. Setiap umat Islam diberi kebebasan dalam menentukan hidup dengan menggunakan akal yang dianugerahkan. Ini jelas dapat kita lihat dalam surah al-Kafirun ayat 1 hingga ayat 5 di mana Allah SWT memberi kebebasan menentukan agama yang bermaksud:

Katakanlah (wahai Muhammad): “Hai orang-orang kafir! Aku tidak akan menyembah apa yang kamu sembah. Dan kamu tidak mahu menyembah (Allah) yang aku sembah. Dan aku tidak akan beribadat secara kamu beribadat. Dan kamu pula tidak mahu beribadat secara aku beribadat. Bagi kamu agama kamu, dan bagiku agamaku”.¹⁶

Dalam surah ini jelas menggambarkan Allah SWT mengutamakan kebebasan untuk manusia menentukan kehidupan sama ada dari sudut agama, kehidupan di atas muka bumi ini tanpa ada halangan yang membatasinya. Walaupun begitu bagi umat Islam Allah SWT telah menetapkan kaedah-kaedah tertentu dalam menguruskan segalanya.

¹⁶ Lihat Tafsir Al-Quran Rasm Uthmani. Surah Al-Kafirun ayat 1 hingga 5. Terjemahan: Abu Hasan Din Al-Hafiz. (2008). Kuala Lumpur: Dar El-Fajr. Hlm. 603

Manakala bagi bukan Islam mereka tidak akan dipaksa untuk menerima apa yang ditetapkan dalam Islam.

Menurut Abdul Hadi (2013), kebebasan dalam Islam ialah memberi hak kebebasan kepada rakyat sesuai dengan fitrah manusia kerana ia merupakan keperluan hidup manusia. Semua makhluk di dunia ini mempunyai fitrahnya yang tersendiri. Islam menjamin kebebasan manusia kerana dalam Islam tiada sebarang paksaan walaupun dalam soal agama. Tidak ada paksaan ke atas manusia untuk menganut Islam walaupun telah jelas agama yang lain daripada Islam adalah agama yang tidak benar. Islam memberikan kebebasan berfikir tanpa mengganggu kepentingan orang lain, memberi kebebasan bekerja untuk keperluan manusia. Islam melihat manusia itu dengan adil dari segi kemanusiaan dan asal usul mereka secara menyeluruh, iaitu daripada keturunan Adam tanpa mengira keturunan menurut kasta yang direka-reka atau warna kulit dan bangsa.

Mereka diberi hak yang sama sebagai rakyat dalam negara Islam untuk mendapat keadilan melalui kebebasan walaupun mereka tidak menganut agama Islam. Orang yang bukan Islam turut dipelihara hak peribadinya, harta bendanya dan maruahnyanya dalam perkara yang tidak menjejaskan kepentingan umat Islam dan penganutnya. Kebebasan menganut agama Islam adalah satu-satunya agama dan cara hidup yang benar. Allah menyebut perkara ini dalam al-Quran seperti firman-Nya dalam ayat 19 surah Ali-Imran yang berbunyi:

“Sesungguhnya agama (yang benar dan diredai) di sisi Allah ialah Islam. Dan orang-orang (Yahudi dan Nasrani) yang diberikan Kitab itu tidak berselisih (mengenai agama Islam dan enggan menerimanya) melainkan setelah sampai kepada mereka pengetahuan yang sah tentang kebenarannya; (perselisihan itu pula) semata-mata kerana hasad dengki yang ada dalam kalangan mereka. Dan

(ingatlah), sesiapa yang kufur ingkar akan ayat-ayat keterangan Allah, maka sesungguhnya Allah Amat segera hitungan hisab-Nya.”¹⁷

Manakala dalam surah Ali-Imran ayat ke-85 Allah SWT bertegas bermaksud:

“Dan sesiapa yang mencari agama selain agama Islam, maka tidak akan diterima daripadanya, dan ia pada hari akhirat kelak dari orang-orang yang rugi.”¹⁸

Islam yang sebenar adalah suatu keyakinan di dalam hati dan perkara ini tidak berlaku dengan paksaan, kerana paksaan hanyalah akan membanyakkan golongan munafik. Sebuah pemerintahan Islam tidak memaksa rakyatnya yang bukan Islam supaya menganut Islam (Abdul Hadi, 2013).

Shihabudin Ahmad (2010) juga menegaskan dalam penulisannya berkaitan kebebasan dalam Islam. Beliau menggariskan empat kebebasan iaitu kebebasan dalam beragama, keduanya kebebasan dalam berpolitik, ketiga kebebasan dalam member pendapat dan yang keempat adalah kebebasan individu. Fazlur Rahman (2008) pula menyatakan kebebasan dalam Islam adalah kebebasan seperti dalam aktiviti pergerakan alam yang bergantung kepada timbangan kehendak ketuhanan dan apabila manusia mencapai kepada tahap dipengaruhi kefahaman ketetapan takdir dan kebebasan perbuatan menggubal doktrin mereka maka akan menjadi antitesis langsung di antara satu sama lain.

Oleh itu secara amnya dapat disimpulkan bahawa dalam Islam kebebasan telah termaktub mengikut kehendak Allah SWT berlandaskan kepada syariat dan hukum hakam yang ditetapkan dalam kitab panduan umat Islam iaitu al-Quran dan Hadis Rasulullah SAW.

¹⁷ Lihat Tafsir Al-Quran Rasm Uthmani. Surah Al-Imran ayat 19. Terjemahan: Abu Hasan Din Al-Hafiz. (2008). Kuala Lumpur: Dar El-Fajr. Hlm.52

¹⁸ Lihat Tafsir Al-Quran Rasm Uthmani. Surah Al-Imran ayat 85. Terjemahan: Abu Hasan Din Al-Hafiz. (2008). Kuala Lumpur: Dar El-Fajr. Hlm.61

2.5 Konsep Islamisme

Menurut sarjana dari barat seperti, Olivier Roy (1992), seorang ahli sosiologi Perancis, menyatakan Islamisme sebagai *Islamic Political* atau *Islamic Movement*. Graham Fuller (1999) pula menyatakan Islamisme sebagai Ideologi yang meletakkan hukum syarak (syariah) sebagai asas dalam kehidupan masyarakat.

Gareth Evans (2007) dari International Crisis Group (ICG) mentakrifkan Islamisme ke dalam tiga kategori utama. Pertama, Islamisme ialah satu pergerakan politik. Pergerakan ini umumnya dikenali kedaulatan kerajaan dan langkah itu berdasarkan kerangka perlembagaan dan mengelakkan keganasan dalam berjuang untuk ideal. Manakala keduanya pula ialah Dakwah. Pergerakan ini bertujuan untuk memperkukuhkan kepercayaan dan moraliti Islam dan kenaikan identiti Islam sejajar dengan undang-undang Islam. Terakhir ialah Jihad yang bermaksud, pergerakan Islamisme yang menjalankan penentangan bersenjata (Jihad). Pergerakan ini mempunyai tiga kelainan, iaitu dalaman, rintangan untuk pihak-pihak berkuasa yang dianggap tidak adil, manakala rintangan mempertahankan tanah air diduduki oleh bukan Islam dan global, rintangan menentang dunia barat.

Daniel Paip-paip (1998) menyatakan Islamisme adalah ideologi-ideologi yang berlapis diterima oleh kebanyakan negara di dunia seperti kapitalisme dan komunisme. Islamisme ialah sebuah pemodenan manakala ideologi-ideologi lain tidak boleh memberi satu jawapan bagi keperluan orang di Timur Tengah. Paip-paip (1998) menyatakan yang terdapat perbezaan asas antara Islam dan Islamisme, katanya bukan semua Muslim ialah Islamik, seorang Islam yang Islamik ialah

mereka yang memecahkan tradisi yang dirasai bukan sejajar dengan prinsip Islam, sementara lainnya hanya mengendalikan sejajar dengan hukum sesuai dan tradisi. Tetapi terdapat satu soalan yang dinafikan pada perbezaan ini. Jika Islam ialah satu cara hidup, bagaimana boleh seseorang yang mahu untuk berlatih prinsip Islam dalam setiap aspek politik, sah, ekonomi, dan Islam lain tidak tahu belum lagi memanggil Islamists, dan ideologi mereka memanggil Islamisme dan tidak Islam.

2.6 Pemikiran Islam Dr. Mahathir

Dr. Mahathir melihat Islam sebagai agama yang sering disalah tafsir dan disalah fahami. Disebabkan tafsiran yang sempit dan salah faham inilah yang mengakibatkan umat Islam mundur. Maka usaha harus dilakukan untuk meletak kembali Islam di landasan yang sepatutnya seperti mana era kegemilangannya suatu ketika dahulu.

2.6.1 Islam Sebagai Addin

Addin merujuk kepada cara hidup yang sempurna. Maka, Islam itu merupakan cara hidup yang memandu umat Islam. Sebagai cara hidup sudah tentu Islam tidak hanya terbatas kepada konteks ibadah yang sememangnya wajib dilaksanakan oleh umatnya tetapi meliputi segala bentuk aspek dalam kehidupan sama ada dalam konteks hubungan manusia dengan Penciptanya, hubungan manusia sesama manusia dan manusia dengan alam.

Dr. Mahathir (1999a) berpandangan, Islam sebagai cara hidup bagi umat Islam tidak arus terbatas kepada soal ibadat ritual semata-mata, tetapi harus meliputi hal-hal

pembangunan dan kemakmuran, kerajaan yang cekap, sistem perundangan, peraturan dan undang-undang yang adil dan saksama. Bahkan segala yang berkaitan dengan dunia ini merupakan sebahagian dari cara hidup.

Malangnya sehingga kini, Islam disalahertikan, bukan dari kalangan orang-orang bukan Muslim sahaja bahkan juga dalam kalangan orang-orang Islam itu sendiri sehingga orang-orang bukan Islam sering kali melabelkan Islam itu dengan pelbagai label seperti penghalang hubungan antara Islam dan bukan Islam, ganas dan sebagainya. Salah faham dan kurang faham orang Islam terhadap agamanya menyebabkan orang bukan Islam terhalang untuk mendekati Islam (Dr. Mahathir, 2003). Walhal kebanyakan orang Islam juga mempunyai keturunan yang bukan Islam. Mereka memeluk Islam setelah bertemu dengan orang Islam.

"I accepted this invitation because I hold very strongly to my religion and I regret the perceptions about it both by non-Muslims and Muslims which have lead to Islam and Muslims being vilified, being associated with unsavoury activities and even made fun of. All these perception and vilification are due not to Islam itself but to the interpretations given to it by Muslims and non-Muslims with vested interest, wanting to justify the wrongs that they have done or intend to do." (Dr. Mahathir, 1998)

Dr. Mahathir (2003) melihat kurangnya pemahaman ini disebabkan oleh sikap permusuhan berdasarkan perbezaan mazhab. Ini kerana ada kalangan mazhab yang berpandangan bahawa pengikut mazhab lain tidak cukup Islam atau tidak mengikuti ajaran Islam yang sepatutnya, bahkan ada juga yang melabelkan keluar dari Islam. Tambahan pula pada hari ini, parti-parti politik semakin meningkatkan pertentangan sesama Islam dengan mengisytiharkan mereka lebih Islam dari parti yang lain.

Dalam konteks Malaysia, Dr. Mahathir menganggap PAS sebagai punca utama perpecahan Melayu. PAS pada hemat Dr. Mahathir telah menggunakan nama Islam untuk mengaburi masyarakat sehingga masyarakat sanggup mengatakan UMNO tidak Islam. Sedangkan pada hari ini, PAS akhirnya bekerjasama dengan DAP yang terang-terangan menolak penubuhan negara Islam PAS (Dr. Mahathir, 2012).

Islam juga merupakan agama yang mementingkan keseimbangan, maka ia menitikberatkan kepada umatnya untuk mencari kebahagiaan di dunia dan di akhirat, memandangkan keperluan hidup di dunia ini sebagai kelangsungan kejayaan di akhirat kelak. Islam adalah agama yang amat menekankan keseimbangan kebendaan dengan kerohanian dan, dunia dan akhirat. Di Barat nilai rohani semakin luntur akibat terlalu mementingkan kebendaan sehingga menghalalkan cara untuk mendapatkannya. Umpamanya, memusnahkan ekonomi negara lain, orang ramai dijadikan korban dan kanak-kanak dibiarkan kebuluran. Bahkan masyarakat barat menganggap nilai rohani dan agama sesuatu yang ketinggalan zaman (Dr. Mahathir, 1999b). Bahkan Dr. Mahathir percaya bahawa Islam tidak menyuruh umatnya berfikiran sempit, mementingkan diri dan melakukan ibadat untuk akhirat semata-mata. Malah semasa mendalami al-Quran, Dr. Mahathir terkesan bahawa seseorang itu harus berusaha untuk mensejahterakan ummah dan manusia sejagat (Dr. Mahathir, 2012).

Bahkan sebilangan orang Islam percaya bahawa mereka hanya perlu mencari kebahagiaan di akhirat sahaja. Pemikiran sebegini telah menyebabkan mereka terus-terusan kekal dalam kemiskinan dan ditindas oleh orang lain. Di dalam Islam tidak terdapat sebarang pemisah antara dunia dan akhirat, maka tidak timbul persoalan

agama sebagai penghalang kepada kemajuan dunia dan dunia hanya semata-mata untuk akhirat (Dr. Mahathir, 1981a). Maka, Islam memerintahkan kepada umatnya untuk mengejar kebahagiaan di dunia dan juga kebahagiaan di akhirat seperti mana Firman Allah:

“Dan tuntutlah dengan harta kekayaan yang telah dikurniakan Allah kepadamu akan pahala dan kebahagiaan hari akhirat dan janganlah engkau melupakan bahagianmu (keperluan dan bekalanmu) dari dunia dan berbuat baiklah (kepada hamba-hamba Allah) sebagaimana Allah berbuat baik kepadamu (dengan pemberian nikmatNya yang melimpah-limpah) dan janganlah engkau melakukan kerosakan di muka bumi sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang-orang yang berbuat kerosakan.” (Surah Al-Qasas: 77)

Persepsi yang silap ini telah menyebabkan kemunduran umat Islam, dari umat yang paling berilmu dan paling maju menjadi umat yang ketinggalan. Bahkan umat Islam tidak pernah mengkaji sebab-sebab kemunduran dan hanya menyalahkan musuh mereka sepenuhnya. Padahal ia disebabkan oleh tafsiran sempit tentang agama selepas perkembangan tamadun mereka. Akibat mengetepikan pengetahuan duniawi dan bertelagah tentang ajaran Islam yang sebenar.

“Umat Islam pada masa kini makin lemah, berpuak-puak dan bermusuhan sesama sendiri, tidak memiliki sains dan teknologi yang canggih dan mundur dalam segala-galanya. Ini kerana umat Islam makin lama semakin banyak tafsiran yang berbeza-beza yang dibuat oleh orang tertentu sehingga mereka keliru dan berpecah belah.” (Dr. Mahathir, 1981b)

Dr. Mahathir melihat Islam adalah agama kemajuan yang bersifat dinamik untuk mencapai kemajuan, meninggalkan kemunduran dan mengejar ketinggalan supaya setanding bahkan melampaui pencapaian kaum yang lain. Inilah yang dipamerkan oleh bangsa Arab ketika mula-mula menerima Islam sebagai agama dan sistem hidup. Bermula dari bangsa yang amat mundur, akhirnya menjadi masyarakat yang maju dan bertamadun.

“Pendek kata orang Arab Jahiliah adalah bangsa yang amat mundur, yang tidak maju, yang tidak dihormati oleh sesiapa, yang tidak berpengetahuan, tidak berilmu, tidak boleh menulis dan membaca. Inilah budaya Arab Jahiliah. Kemudian bangsa yang jahil ini menerima agama Islam yang bukan sahaja membawa kepercayaan kepada Tuhan yang satu iaitu Allah Subhanahu wa Ta’ala dan Rasulnya Muhammad, tetapi juga nilai-nilai hidup yang mulia. Mereka disatukan dalam Islam sehingga mereka bersaudara, mereka menghormati kaum perempuan, mereka mengutamakan keadilan, mereka menghargai dan menghormati al-Quran dan kitab-kitab lain, mereka menganggap ilmu sebagai penting dan mereka mempelajari ilmu yang telah diterokai oleh orang Yunani dan bangsa-bangsa lain. Budaya orang Arab berubah secara radikal selepas mereka memeluk agama Islam. Daripada orang yang jahil dan lemah yang hanya tahu hidup di padang pasir dalam keadaan yang primitif, bangsa ini dapat mendirikan sebuah empayar yang meliputi hampir seluruh dunia masa itu, iaitu sebelum Amerika ditemui. Mereka bukan sahaja dapat menguasai ilmu sains, ilmu hisab, ilmu alam dan ilmu-ilmu lama yang lain yang dimiliki oleh orang Yunani dan Rumawi, tetapi mereka menerokai ilmu-ilmu baru seperti pelayaran, astronomi, algebra dan logaritma. Mereka mencatat hasil kajian mereka sehingga ramai saintis dari Eropah datang mempelajari ilmu di madrasah-madrasah mereka.” (Dr. Mahathir, 1997)

Ini bermakna Islam adalah agama yang mengimbangi pembangunan rohani dengan pembangunan material. Oleh itu, dunia dan akhirat mesti diberi perhatian dan penghargaan yang sama.

Dr. Mahathir juga menggunakan model hijrah untuk mengubah nasib orang Melayu dan bumiputera. Dari bangsa yang hanya tahu bercucuk tanam dan kerja tangan kini maju dalam dunia keilmuan dan industri. Dari sebuah bangsa yang kurang disiplin dan keyakinan diri, sedikit demi sedikit diubah menjadi bangsa berdisiplin dan mempunyai yakin diri. Melaluinya mereka lebih berjaya, lebih mampu bersaing serta sanggup berhadapan cabaran (Dr. Mahathir, 2003).

Zaman kegemilangan Islam sudah berlalu dan kini secara langsung dan tidak langsung dijajah oleh orang lain. Lebih Malang lagi mereka tidak memiliki upaya untuk melepaskan diri dari penjajahan ini. Maka adalah perlu umat Islam disedarkan tentang warisan mereka, tentang kelemahan mereka sekarang berbanding dahulu agar

mereka bangkit berusaha supaya zaman kegemilangan Islam itu kembali semula. Bagi Dr. Mahathir (2005), jika dahulu orang Islam dapat menegakkan tamadun di seluruh dunia, maka sekarang tidak ada sebab tamadun Islam tidak boleh dibangkitkan untuk menguasai dunia (Dr. Mahathir, 2005).

“... jika tidak kita sendiri, generasi akan datang mungkin akan dapat menikmati tamadun Islam yang gemilang semula. Kalaupun kita tidak mungkin dapat menyaksikannya tidak mengapa. Tugas kita ialah membina asas yang kukuh untuk generasi yang akan datang dan tugas ini patut menjadi satu tanggungjawab yang mulia yang harus kita pikul dengan bangganya.” (Dr. Mahathir, 2005, hlm. 32-33)

Kejayaan hanya akan dicapai andai umat Islam berpegang teguh kepada ajaran agama dan menguasai ilmu pengetahuan. Umat Islam harus menjadi pengamal ajaran Islam yang sebenar bukan sahaja dalam hal-hal ibadat bahkan juga memartabatkan Islam itu sebagai cara hidup yang sempurna (Dr. Mahathir, 2003).

Maka dalam konteks ini, Dr. Mahathir sebagai ketua eksekutif negara sebenarnya telah melaksanakan kempen untuk menerapkan nilai-nilai Islam dalam etika kerja masyarakat Malaysia (Noritah & Washima, 2006) sebagai usaha awal membentuk masyarakat madani. Dr. Mahathir ketika itu telah memilih untuk melaksanakan penerapan nilai-nilai Islam ini melalui dasar-dasar kerajaan. Antara yang dapat dilihat secara jelas dasar-dasar yang sememangnya mempunyai perkaitan yang kuat dengan nilai-nilai Islam ialah Dasar Pandang Ke Timur, Dasar Bersih, Cekap dan Amanah, Kepimpinan Melalui Teladan dan Dasar Penerapan Nilai-nilai Islam itu sendiri.

Dr. Mahathir memilih untuk melaksana penerapan nilai-nilai Islam ini dalam kalangan penjawat awam kerana penjawat awam merupakan jentera penggerak

dasar-dasar dan program-program yang dijalankan oleh kerajaan. Sebagai jentera penggerak, maka sudah tentu perkhidmatan awam ini perlu ditransformasikan sebelum menjadi ikutan rakyat Malaysia.

2.6.2 Hukum Islam

Konsep keadilan adalah perkara dasar dalam hukum Islam dari perspektif Dr. Mahathir. Konsep keadilan dalam Islam tiada bezanya dengan konsep keadilan universal. Tetapi penekanan tentang konsep keadilan dalam Islam adalah lebih jelas. Bahkan dalam sistem kehakiman Islam, konsep keadilan ini tiada tolak ansurnya kerana ia merupakan asas kepada sistem undang-undang. Al-Quran sendiri menyuruh umat Islam berlaku adil dan melarang kezaliman. Jika terdapat perbuatan yang tidak adil yang dilakukan oleh umat Islam atau kerajaan Islam, ia bukanlah disebabkan oleh ajaran Islam itu sendiri tetapi disebabkan oleh orang-orang Islam atau kerajaan-kerajaan Islam yang tidak menghiraukan ajaran Islam dan bertindak mengikut nafsu (Dr. Mahathir, 1995).

Keadilan adalah penting bagi umat Islam bagi menjamin kestabilan dan pembangunan negara. Adalah mustahil membentuk sebuah masyarakat maju tanpa keadilan. Apabila Islam membawa konsep keadilan ini dalam masyarakat jahiliyah, mereka bersatu dan akhirnya maju. Apabila konsep keadilan ini terpesong, tamadun Islam mulai merosot (Dr. Mahathir, 2003).

Keadilan dalam Islam juga bersandarkan kepada perimbangan antara jenayah dan hukuman. Namun demikian selalu terlepas pandang konsep kesederhanaan dan tahap

pengampunan dalam memberi keadilan. Mereka yang teraniaya berhak untuk menuntut keadilan. Walaupun menjadi prinsip keadilan dalam Islam hukumannya mestilah sama dan setimpal dengan jenayah yang dilakukan tetapi Allah juga menyukai orang yang bertimbang rasa dan sanggup memaafkan (Dr. Mahathir, 1995).

Dalam konteks ini juga, undang-undang Islam bukanlah bersifat mendera atau menghukum tetapi lebih kepada mendidik demi kebaikan masyarakat. Bersandarkan kepada konsep ini, Dr. Mahathir menolak pelaksanaan hukum hudud yang dicadangkan untuk dilaksanakan di Kelantan oleh PAS yang mana dari perspektif Dr. Mahathir lebih cenderung kepada bentuk menghukum, selain tidak menepati konsep keadilan dalam pelaksanaan hukuman.

Dr. Mahathir menolak hukum hudud ini kerana berpandangan bahawa sistem *Common Law* yang diamalkan di Malaysia hari telah pun melaksanakan konsep keadilan dalam Islam. Bahkan mahukan nilai keadilan ditegakkan dan bukannya bentuk hukuman. Disebabkan ketidaksesuaian visi keadilan yang difahami oleh dr. Mahathir inilah yang menyebabkan beliau menolak hukum hudud (Abdul Rahman Abdullah, 1998).

2.7 Definisi Operasional

Dalam menjalankan kajian ini, penyelidik menggunakan tiga istilah yang penting iaitu Politik Islam, Pengurusan Konflik mengikut Islam dan Pendekatan berhemah

(penerapan nilai-nilai Islam). Ketiga-tiga ini digunakan untuk melihat sejauh manakah Dr. Mahathir mengamalkannya semasa menjadi perdana menteri.

2.7.1 Politik Islam

Politik secara amnya dapat diistilahkan sebagai ilmu untuk memerintah atau cara untuk menjalankan pemerintahan. Dalam Islam pemerintahan diterangkan panjang lebar melalui wahyu Allah SWT (al-Quran) kepada Rasulullah SAW untuk disampaikan kepada manusia sejagat dan ditindankan pula oleh Rasulullah kepada umat manusia macam mana cara memerintah dalam Islam (Siti Zarizah MD Ismail, 2008/2009).

Walaupun begitu ada juga yang mengistilahkan politik ini sebagai suatu ilmu kemahiran kerana ia mempunyai prinsip dan nilai-nilai yang mana kesemuanya dikumpulkan dan dengan sendirinya menjadi ilmu politik. Kamus Dewan edisi ke-4 (2005) meletakkan politik sebagai ilmu pengetahuan berkenaan cara atau dasar-dasar pemerintahan. Ia juga dipanggil ilmu siasah (daripada bahasa Arab) atau ilmu kenegaraan. Politik Islam dikenali sebagai siasah syariyyah yang bererti mengurus atau mengatur perkara mengikut syariat Islam yang dibawa oleh Nabi Muhammad SAW. Oleh itu, siasah dapat dirumuskan sebagai suatu tata cara mengurus dan mentadbir orang yang diurus. Kata-kata tersebut digunakan dalam pengurusan urusan-urusan manusia. Pihak yang melaksanakan urusan-urusan manusia tersebut dinamakan ahli politik (siasiyun) (Siti Zarizah MD Ismail, 2008/2009).

Menurut bahasa Arab, politik dikenali sebagai *siyasah* yang membawa erti pengurusan terhadap sesuatu urusan dan memperbaikinya. *Siasah* atau politik

mempunyai beberapa maksud yang tersendiri. Antara maksudnya ialah mentadbir urusan negara. Politik adalah suatu ilmu atau kemahiran pemerintahan. Pada hakikatnya politik merupakan ilmu dan kemahiran yang mempunyai prinsip-prinsip dan disiplin-disiplin tertentu keseluruhannya membentuk ilmu politik.

Nik Abdul Aziz (2011) menyatakan asas politik Islam adalah terletak kepada perkataan (laailahailallah) kerana semua orang Islam mesti mengakui bahawa apa yang dilakukan adalah kerana Allah SWT. Politik Islam juga membaluti kepada semua perkara tidak kira pentadbir, kehidupan dan sebagainya menuju kepada keredaan Allah SWT.

Mohd Asri (2012) pula mendefinisikan politik Islam merupakan suatu asas kepada kehidupan manusia atau masalah kehidupan, kepentingan kehidupan manusia yang membolehkan manusia mendapatkan kehidupan yang aman, adil dan diberikan hak kepada yang berhak. Selain itu pemimpin negara mestilah terdiri dari orang Islam yang baik dan taat kepada perintah Allah SWT dalam menguruskan negara dan jika sebaliknya maka pemimpin tersebut akan menggunakan Islam sebagai alat demi kepentingan politik mereka semata-mata. Begitu juga Yusoff Qaradhawi (1999) menyatakan politik Islam adalah sebuah negara yang dipimpin oleh orang Islam, menjalankan pemerintahan secara Islam dari segi undang-undang, cara hidup, ekonomi dan sosial.

Idris Zakaria (1986) Islam merupakan Ad-din yang merangkumi seluruh aspek kehidupan seorang manusia. Justeru sebagai seorang Muslim, memahami Islam dan prinsip-prinsipnya dalam bidang politik dan pentadbiran adalah satu keperluan yang

perlu dititikberatkan. Politik dalam Islam juga menjurus kegiatan ummah kepada usaha untuk mendukung dan melaksanakan syariat bertujuan untuk menyimpulkan segala sudut Islam melalui satu institusi yang mempunyai sahshiah untuk menerajui dan melaksanakan undang-undang. Pengertian ini bertepatan dengan firman Allah:

Dan katakanlah: “Ya Tuhanku, masukkanlah aku secara masuk yang benar dan keluarkanlah pula aku secara keluar yang benar dan berikanlah kepadaku dari sisi Engkau kekuasaan yang menolong” (Al-Isra’: 80)¹⁹

Al-Farabi pula menyatakan politik merupakan proses mentadbir negara, wilayah atau pun disamakan dengan satu keluarga (Manzil). Dalam perkara tersebut terdapat beberapa elemen yang penting perlu ada iaitu pentadbir yang adil dan saksama dalam menjalankan tugas yang diamanahkan. Al-Farabi juga menekankan tentang masyarakat yang banyak amat perlu dalam sesebuah negara untuk menjadikan sebuah negara yang baik, iaitu lebih besar masyarakat maka lebih baiklah kemudahan-kemudahan yang dapat diwujudkan dengan itu dapat mewujudkan sebuah masyarakat yang sempurna (Idris Zakaria, 1986).

Manakala menurut Al-Ghazali²⁰ politik Islam adalah perlu kepada beberapa perkara utama. Al-Ghazali telah berpegang kepada dua tema utama dalam teori politik Islam. Perkara yang diberi penekanan oleh Al-Ghazali adalah seperti syariah ataupun undang-undang Islam dan yang keduanya ialah kestabilan atau dalam bahasa Arabnya *Nizam*. Dengan bersandarkan kepada dua perkara tersebut Al-Ghazali menegaskan bahawa sesebuah negara memerlukan kepada pemimpin atau khalifah bagi mengurus tadbir negara dengan baik. Pemimpin adalah yang mempunyai jati

¹⁹ *Tafsir Al-Quran Rasm Uthmani. Surah al-Isra’ ayat ke 80*. Terjemahan: Abu Hasan Din Al-Hafiz. (2008). Kuala Lumpur: Dar El-Fajr. Hlm. 282

²⁰ Al-Ghazali dilahirkan di Tunisia, suatu kota di Khurasan dalam tahun 450 Hijrah (1058M) telah meninggal dunia pada 505 Hijrah (1111M) merupakan seorang tokoh sosiologi dan ekonomi ulung Islam.

diri agama yang tebal dan mendalam supaya keduanya dapat dijalankan, bagi Al-Ghazali jika syariah dan juga *Nizam* tidak berjalan maka negara akan menjadi pincang dan kucar kacir. Pemikiran politik Al-Ghazali tidak selari dengan apa yang diperkenalkan oleh Al-Farabi dan juga Al-Mawardi (Anthony Black, 2006, hlm. 193)

Iqbal²¹ juga ada memberi definisi berkaitan politik dalam Islam. Beliau menyatakan bahawa, politik Islam adalah mesti berlandaskan kepada keimanan, prinsip ketakwaan dan juga nilai egalitarianisme Islam. Iqbal mengatakan untuk menjadi umat yang unggul, perkara tersebut harus diamati dan diikuti dalam pelbagai peringkat sama ada dalam pemerintahan, pentadbiran yang berkaitan ekonomi, politik mahu pun sosial Iqbal juga menekankan kepada kesempurnaan dalam kehidupan melalui konsep “Insan Kamil”. Pendekatan ini merupakan satu pendekatan yang menolak pendekatan golongan klasik Islam yang menggalakkan sikap pasif iaitu berserah kepada takdir (Shaari Shughib, 2007).

Al-Maududi telah menggariskan dalam teori politiknya seperti pemilihan pemimpin (Amir) akan dipilih dengan merujuk pengisytaran ayat Al-Quran:

“Sesungguhnya orang yang termulia di antara kamu di sisi Allah ialah orang yang lebih bertakwa” (Al-Hujurat:13).²²

Al-Maududi²³ juga mengatakan bahawa pemimpin yang dilantik boleh dikritik bagi membetulkan apa yang dilakukan salah. Al-Maududi menekankan bahawa pemimpin yang dilantik adalah dengan mendapat nasihat daripada Majlis Penasihat yang

²¹ Iqbal dilahirkan di Punjabi tahun 1877 dan meninggal dunia pada 1938 tokoh pejuang penubuhan Pakistan.

²² *Tafsir Al-Quran Rasm Uthmani. Surah al-Hujarat ayat ke 13.* Terjemahan: Abu Hasan Din Al-Hafiz. (2008). Kuala Lumpur: Dar El-Fajr. Hlm. 282

²³ Al-Maududi tokoh politik Islam dilahirkan tahun 1903 dan meninggal dunia pada 1979.

ditubuhkan serta mendapat persetujuan dari rakyat. Penekanan kepada perkara seperti pelantikan pemimpin melalui undi majoriti dari majlis penasihat (Mustafa Haji Daud. 1989).

Manakala perkara lain yang diberi perhatian adalah berkenaan dengan individu yang menawarkan pencalonannya atau cuba memenangi kepimpinan, keahlian majlis penasihat atau mana-mana jawatan penting, tidak boleh dipilih dan pembentukan majlis penasihat negara adalah bebas dari sebarang unsur politik atau puak untuk mengelak daripada mempengaruhi keputusan dalam majlis dan yang terakhir Al-Maududi menggariskan bahawa perlunya badan kehakiman dalam Islam mempunyai kebebasan secara total dari badan pentadbir (Mustafa Haji Daud. 1989).

Pelbagai pentafsiran yang diberikan oleh alih-ahli akademik, ulama, pemimpin politik berkaitan politik Islam walaupun mempunyai perbezaan dalam memberi definisi, akan tetapi secara umumnya ia mempunyai kesamaan. Pada pandangan penyelidik, politik Islam adalah satu bentuk pemerintahan sesebuah negara yang dihuni oleh orang Islam di mana pemimpin utamanya beragama Islam, membela nasib orang Islam, meniadakan hak bukan Islam yang ada dalam negara, meletakkan asas utama pemerintahan berpandukan kepada hukum-hukum Islam. Walaupun tidak mencapai keseluruhan akan tetapi jika pemerintah negara telah menjalankan lebih daripada separuh prinsip-prinsipnya maka ia boleh dikategorikan sebagai politik yang berteraskan kepada Islam.

2.7.2 Pengurusan Konflik dalam Islam

Menurut Abdul Aziz Harjin (2008), Ahmad Ibrahim Abu Sin mendefinisikan pengurusan satu kajian ilmiah terhadap bakat dan kebolehan serta kemahiran seseorang menjadi pengurus. Taji, sarjana India menyatakan bahawa pengurusan sebagai melaksanakan perintah dan menyelaraskan kegiatan bersama kelompok. Muhammad A. Buraey menjelaskan pengurusan sebagai menyelaraskan tenaga manusia untuk mencapai matlamat kelompok sebagai makhluk sosial yang perlu berinteraksi antara satu sama lain. Manakala L. D. White mentakrifkan pengurusan sebagai menyelaraskan tenaga kerja untuk mencapai matlamat Negara. Umar bin al-Khattab pula mendefinisikan pengurusan sebagai melayani kehendak awam atau rakyat. Tuntasnya, rumusan yang dapat disimpulkan daripada pendapat para sarjana ialah pengurusan boleh didefinisikan sebagai kemahiran dalam perancangan dan pelaksanaan untuk mencapai sesuatu matlamat pelaksanaan dasar pemerintahan untuk kebajikan awam atau rakyat dan untuk penyelarasan antara agensi kerajaan untuk melaksanakan dasar yang telah diputuskan bagi mencapai matlamat Negara iaitu kebajikan dan keperluan awam.

Manakala konflik menurut (Ab. Mumin & Fadilah Mansor, 2006, hlm. 182) merupakan perselisihan atau pertentangan yang wujud sama ada melibatkan Individu, kumpulan, pengurusan dan sebagainya dalam pemikiran, idea serta kepentingan. Syarifah Hayati (2006, hlm. 1) pula menyatakan konflik boleh ditakrifkan sebagai fenomena semula jadi yang berlaku dalam kehidupan berkumpulan. Istilah ini boleh dianggap sebagai elemen yang akan mengurangkan produktiviti dan membantut pertumbuhan sesebuah kumpulan atau organisasi.

Namun begitu adalah sukar untuk menyangkal pendapat yang mengatakan konflik merupakan suatu lumrah apabila manusia saling berhubung di antara satu sama lain.

Oleh itu, Dalam pengurusan Islam, manusia melaksanakan kerja dan tugasnya secara ikhlas dalam bidang kepakaran masing-masing. Dalam satu hadis Rasulullah SAW yang bermaksud, “Sesungguhnya Allah suka seseorang itu bekerja, maka ia bekerja dengan tekun” (Hadith riwayat al-Baihaqi). Hadis ini menekankan setiap orang Islam perlu menjalankan kerjanya dengan kuat dan berlipat ganda, kerana Allah SWT menggesa hamba-hamba-Nya bekerja kerana pekerjaannya akan dinilai dan dilihat oleh Allah SWT, oleh Rasul-Nya dan oleh orang-orang yang beriman seluruhnya. Dalam pengurusan Islam, berlaku adil dalam semua aspek kehidupan sangat dituntut. Islam juga mengajar umatnya menghormati manusia, walaupun berlainan fahaman dan anutan (Sapora Sipon, 2008).

Bekerja dengan semangat gotong-royong dan berpadu fikiran adalah juga etika pengurusan Islam. Seseorang pekerja itu bertugas dengan suatu kumpulan pekerja yang tertentu. Dalam usaha untuk menghasilkan perkhidmatan yang baik, sesuatu kumpulan pekerja itu mestilah mempunyai sikap seperti dapat bekerjasama dan bergotong-royong dalam melaksanakan tugas masing-masing. Perbincangan serta pertukaran fikiran seperti ini akan meningkatkan rasa kekitaan di antara pekerja dan dengan sendirinya pula meningkatkan rasa tanggungjawab bersama terhadap sebarang kegiatan kumpulan pekerja yang berkenaan (Sapora Sipon, 2008).

2.7.3 Pendekatan Berhemah (Penerapan Nilai-nilai Islam)

Pendekatan merupakan cara-cara atau langkah-langkah yang diambil dalam memulakan atau menjalankan sesuatu tugas. Terdapat empat jenis pendekatan utama yang digariskan iaitu pendekatan induktif, deduktif, integrative dan elektif (Soong Sang Mok, 2008). Apabila melihat konsep pendekatan iaitu cara mendekati sesuatu, ia merujuk kepada cara bagaimana sesuatu perkara yang dilakukan untuk mencapai objektifnya. Maka dengan itu dapatlah dikenal pasti akan kepentingan pendekatan dalam melakukan sesuatu sama ada dasar atau pentadbiran negara.

Pendekatan berhemah boleh ditakrifkan sebagai satu pendekatan yang mulia dalam melakukan sesuatu perkara sama ada dari segi pemerintahan negara, urusan tadbir syarikat atau urusan tadbir rumah tangga. Pendekatan mulia adalah suatu yang dituntut dalam Islam kerana dengan pendekatan tersebut maka, perkara yang dilakukan akan mencapai kepada sasaran yang dikehendaki dan ia juga tidak akan menjadi beban kepada yang melaksanakannya dan yang menerimanya (Abdul Ghalib Isa, 1998). Sebagai contoh pendekatan mulia adalah dalam merangka dasar-dasar negara seperti Bersih Cekap dan Amanah, Penerapan Nilai-nilai Islam, Mesra Cepat dan Betul dan dasar-dasar lain yang memberi perhatian dalam meletakkan umat Islam di Malaysia sebagai umat yang dimuliakan.

Dr. Mahathir (*temu bual individu*, 15 Oktober 2012) pula menyatakan pendekatan berhemah Penerapan Nilai-nilai Islam merupakan suatu pendekatan yang mencirikan kepada satu tindakan yang diambil mengikut lunas dan hukum hakam agama. Sebagai contohnya untuk membina masjid perlu kepada dana di mana hasilnya

adalah halal berdasarkan hukum syarak. Begitu juga dalam membuat dan melaksanakan dasar yang bercirikan kepada Islam perlu kepada semangat musyawarah, keadilan, kebebasan dan kesamarataan. Islam meletakkan setiap perkara yang dilaksanakan adalah mesti berpandukan kepada syariat yang ditetapkan dan jika tidak perkara tersebut tidak mencapai kepada Islam yang sebenar (Mahathir Mohamad, wawancara individu, 25 Oktober 2012).

2.6 Rumusan

Secara amnya sorotan karya yang dijelaskan di atas adalah bagi memenuhi penyelidikan yang dilakukan supaya lebih sempurna. Sorotan karya merupakan satu elemen penting yang memandu untuk menulis atau menyelidik. Di dalam bab dua secara keseluruhannya adalah berkaitan dengan politik Islam. Berdasarkan perbincangan yang dibuat dapat dilihat bahawa banyak teori dan pendekatan Islam yang boleh diguna pakai. Akan tetapi dalam tesis ini hanya sebahagian daripada keseluruhan sahaja dapat diadaptasikan.

BAB 3

METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pengenalan

Metodologi penyelidikan merupakan kaedah dan teknik mereka-bentuk, mengumpul dan menganalisis data supaya dapat menghasilkan bukti yang boleh menyokong sesuatu rumusan. Metodologi menerangkan cara-cara sesuatu masalah disiasat dan sebab sesuatu kaedah dan teknik tertentu digunakan. Tujuan metodologi ialah untuk membantu memahami dengan lebih luas lagi tentang pengaplikasian kaedah dengan membuat huraian tentang proses kajian.

Bab tiga ini merupakan bab berkaitan dengan perjalanan terhadap kajian yang dijalankan atau dikenali juga sebagai metodologi kajian. Dalam penyelidikan ini, penyelidik memfokuskan kepada beberapa perkara seperti (i) Kaedah kajian yang digunakan dalam menyiapkan tesis ini, dan (ii) skop masa kajian dijalankan, (iii) sumber data yang diperoleh hasil dari media massa, temu ramah kemudiannya dihimpunkan, (iv) dirangka sebelum dianalisis, dan (iv) dianalisis sepenuhnya untuk menulis tesis tersebut.

Sub tajuk ini menerangkan apakah bentuk kajian yang dijalankan oleh penyelidik dalam mengkaji pemikiran politik Islam Dr. Mahathir semasa pemerintahan. Dalam menyiapkan sesuatu kajian, metodologi kajian merupakan perkara yang penting

untuk menentukan cara, jenis atau bentuk kajian yang dilakukan. Jika metodologi kajian tidak diutarakan maka kajian tersebut tidak mencapai kepada status sebuah kajian.

Menurut Graziano dan Raulin (1996) menyatakan kajian merupakan suatu proses untuk mendapatkan sebarang maklumat untuk membuktikan kebenarannya. Brew (2001) pula menyatakan kajian adalah (i) pencarian sesuatu untuk hebahkan; (ii) penghasilan, pengujian dan pengesahan; (iii) Suatu Himpunan ilmu; dan (iv) pemahaman dan lanjutan. Manakala metodologi pula didefinisikan Rosdy Ruslan (2003:24) sebagai satu kegiatan berorientasikan cara kerja untuk mendapatkan sesuatu yang sah. B.Ostle dan R.W. Mensing (1975) pula menyatakan bahawa metodologi merupakan suatu pencarian maklumat berkaitan sesuatu perkara yang tidak pasti untuk dibuktikan.

Oleh itu, metodologi kajian dapat disimpulkan sebagai suatu bentuk, cara atau jenis kajian yang digunakan untuk mendapatkan pembuktian kepada sesuatu perkara yang dikaji. Gerold Adams dan Jay Schaneveldt (1985) menyatakan bahawa metodologi kajian merupakan suatu proses untuk mendapatkan maklumat terhadap penyelidikan yang dilakukan.

3.2 Reka Bentuk Kajian

Reka bentuk kajian ialah pelan tindakan yang memperlihatkan secara terperinci bagaimana sesuatu kajian itu dijalankan (Sabitha, 2005). Ia juga berfungsi sebagai panduan dalam membantu penyelidik dalam proses memungut, menganalisis dan membuat pentafsiran hasil daripada penyelidikan yang dijalankan. Reka bentuk

penyelidikan juga menjadi model bagi membolehkan penyelidik membuat inferens berkenaan pemboleh ubah yang dikaji.

Penyelidikan yang dijalankan ini merupakan kajian tokoh dengan fokus kajian terhadap pemikiran politik dan usaha Tun Dr. Mahathir menerapkan nilai-nilai Islam sepanjang 22 tahun pentadbiran beliau. Menurut Furchan dan Maimun (2005), kajian tokoh ini membolehkan seseorang penyelidik itu memandang tokoh dalam konteks seluruh kehidupannya. Dalam hal ini, seseorang tokoh yang dikaji (subjek) akan dinilai kejayaannya dan juga kegagalannya serta pandangan tokoh tersebut sama ada pandangan masa hadapan mahupun kekhuatirannya. Furchan dan Maimun (2005) juga menjelaskan bahawa kajian tokoh ini merupakan sebahagian daripada penyelidikan kualitatif dengan menggunakan prosedur penelitian terhadap ucapan, tulisan dan tingkah laku subjek yang dikaji. Reka bentuk kajian ini seperti di dalam Jadual 3.1.

Jadual 3.1
Reka Bentuk Kajian

Reka Kajian	Bentuk	Kaedah Pengumpulan Data	Tokoh Dikaji	Yang	Jenis Data
Kajian Tokoh		Temuramah Kajian Pustaka Media Massa Forum/Ceramah	Tun Dr. Mahathir		Kualitatif

3.3 Kaedah Kajian yang Digunakan

Kaedah kajian merupakan satu dari komponen utama metodologi bagi menyiapkan suatu kajian kerana kaedah kajianlah yang akan menentukan sesebuah kajian sama

ada bersifat kualitatif ataupun kuantitatif. Dalam menyiapkan tesis ini, penyelidik memilih kaedah kualitatif kerana data kualitatif boleh memberikan penghuraian yang jelas dan penjelasan yang menunjukkan aliran peristiwa serta selalu memberikan penemuan yang lebih baik. Bahkan melalui penyelidikan kualitatif juga, penyelidik dapat memahami perspektif subjek kajian melalui pemahaman terhadap pendapat, pengalaman dan perasaan subjek. Pemahaman tentang sesuatu subjek diperoleh melalui perspektif yang menyeluruh dan holistik kerana kepelbagaian faktor yang tidak boleh dipisahkan dan saling berinteraksi.

Penyelidikan kualitatif bersifat deskriptif yang lebih kepada penghuraian makna perkara-perkara yang dikaji. Ia tidak mengutamakan data-data yang berbentuk *numerical*, kurang berstruktur, terbuka dan lebih menumpukan kepada proses. Kaedah kualitatif juga merupakan satu proses yang tegas dan logik melalui erti data yang diberikan. Melalui analisis, kita boleh terus maju dalam satu penerangan awal selepas data, terus kepada satu proses menganalisis data dengan terperinci kepada bahagian-bahagian lebih kecil, melihat bagaimana ia menghubungkan konsep-konsep baru, menyediakan asas untuk satu gambaran baru.

Pendekatan ini merupakan satu penggunaan kaedah penyelidikan perpustakaan iaitu hanya data sekunder yang digunakan. Data sekunder adalah merujuk kepada sumber-sumber penerbitan ilmiah dan juga bukan ilmiah seperti buku-buku, artikel-artikel dalam akhbar, makalah dan majalah. Selain itu, sumber-sumber lain juga digunakan. Antaranya seperti jurnal, kertas projek serta teks-teks ucapan turut digunakan bagi menyiapkan tesis ini. Oleh yang demikian maka dengan itu penggunaan kaedah penulisan secara kualitatif adalah sangat bertepatan dengan kajian yang dijalankan.

3.4 Skop Masa Kajian yang Dijalankan

Skop masa kajian adalah satu ruang lingkup masa kajian yang ditetapkan dan merupakan satu komponen yang penting dalam mengkaji dan menulis tesis. Ini kerana skop kajian memainkan peranan utama dalam menyiapkan dan menyusun atur tesis. Dalam menyiapkan tesis ini, penyelidik telah mengambil masa selama satu tahun lapan bulan iaitu bermula pada April 2012 sehingga November 2013. Selain itu, ruang lingkup kedua yang penyelidik gunakan untuk kajian ini adalah masa lingkungan tahun yang dikaji iaitu dari tahun 1981 sehingga 2003 semasa Dr. Mahathir memegang tampuk pemerintahan negara (Perdana Menteri Malaysia).

Ruang lingkup masa yang pertama merupakan jangka masa saya mengumpul, mencari bahan serta menganalisis dan menulis tesis. Di dalam jangka masa tersebut, pelbagai cara yang telah penyelidik gunakan untuk menyiapkan tesis.

Skop masa kedua saya ialah skop kajian yang dilakukan iaitu di zaman pemerintahan Dr. Mahathir sebagai Perdana Menteri Malaysia dari tahun 1981 hingga tahun 2003 berkaitan politik yang berteraskan Islam sahaja.²⁴

3.5 Himpunan dan Sumber Data

Himpunan dan sumber data yang diperoleh untuk menyiapkan tesis ini adalah daripada proses temu ramah tokoh, kajian pustaka dan media cetak dan elektronik.

²⁴ Pemikiran politik Mahathir berteraskan Islam akan dibincangkan dalam bab empat dan lima.

Selain dari itu forum-forum juga telah banyak memberi input dalam menghimpun sumber data.

3.5.1 Temu bual

Penyelidik menggunakan temu bual berstruktur dan tidak berstruktur sebagai kaedah utama untuk mendapatkan data kajian.

Kaedah temu bual berstruktur telah dijalankan secara bersemuka dengan subjek utama kajian yakni Tun Dr. Mahathir Mohamad di Yayasan Kepimpinan Perdana, Putrajaya pada 15, 22 dan 25 Oktober 2012. Memandangkan subjek kajian penyelidik adalah seorang tokoh negarawan ulung, soalan-soalan telah dikenal pasti terlebih dahulu oleh penyelidik bersandarkan kepada persoalan dan tujuan kajian, dan seterusnya dikemukakan terlebih dahulu kepada subjek kajian. Oleh itu, maklum balas yang diberikan kepada penyelidik adalah berdasarkan kepada soalan yang dikemukakan. Dalam hal ini penyelidik akan memerhati, mendengar dan merekod segala maklumat dan maklum balas yang diberikan oleh subjek yang dikaji.

Di samping itu, penyelidik juga telah mengadakan temu bual tidak berstruktur dan dilakukan secara bersemuka dengan tokoh-tokoh lain seperti berikut:

- i. Datuk Ibrahim Ali semasa beliau menghadiri Perhimpunan Anak Kelantan di Putrajaya pada bulan April 2012.
- ii. Penolong Pesuruhjaya Polis (ACP) Tuan Mazli Mazlan di Yayasan Kepimpinan Perdana, Putrajaya pada 15 dan 25 Oktober 2012.

- iii. Profesor Madya Dato' Dr. Samsul Adabi Mamat di Kolej Tun Hussein Onn pada 13 April 2013.
- iv. Encik Amiruddin Abdul Rashid di Jabatan Perdana Menteri pada 3 Mei 2013.

Temu bual tidak berstruktur ini digunakan oleh penyelidik untuk meneroka dengan lebih mendalam dan terperinci berkaitan dengan persoalan yang hendak dikaji selain untuk meningkatkan pengetahuan penyelidik tentang kajian yang dijalankan. Temu bual tidak berstruktur ini juga digunakan untuk memperkukuhkan data-data utama yang diberikan oleh subjek utama kajian ini. Penyelidik telah menggunakan soalan terbuka bagi memberi peluang kepada responden memberi tindak balas mengikut budi bicaranya dan tidak terikat dengan sebarang jawapan alternatif atau dikekang oleh panjang atau pendek soalan.

Dalam hal ini, responden yang dipilih oleh penyelidik adalah berdasarkan pengetahuan, pengalaman dan juga hubungan dengan subjek utama kajian. Dengan latar belakang dan pengalaman yang luas, responden yang dipilih telah berjaya menjelaskan persoalan-persoalan yang berkaitan dengan subjek kajian. Justeru, penyelidik yakin dengan kepelbagaian latar belakang responden yang dimiliki adalah bersesuaian bagi memperkukuhkan dapatan dalam kajian ini.

3.5.2 Forum dan Ceramah

Pusat Rujukan Persuratan Melayu menyatakan bahawa forum memberi makna perjumpaan untuk perbincangan terbuka tentang perkara yang menjadi kepentingan awam dan juga didefinisikan sebagai satu cara berinteraksi, berkongsi maklumat atau

menyampaikan sesuatu mengikut kesesuaian masa dan keadaan tertentu. Kebanyakan negara-negara di dunia hari ini menggunakan forum dalam menerangkan atau menyampaikan sesuatu kepada orang ramai atau rakyat jelata. Terdapat pelbagai jenis forum yang diadakan pada hari ini mengikut kepada kelangsungan dan kesesuaiannya.

Dalam menyiapkan tesis ini, penyelidik juga menggunakan forum sebagai salah satu bahan penulisan. Pelbagai jenis forum yang telah penyelidik ikuti terutama forum yang melibatkan Dr. Mahathir antaranya:

- (i) Ucapan Dr. Mahathir di Majlis Pelancaran al-Quran Mushaf Malaysia di Kompleks Taman seni Islam di Shah Alam, Selangor pada 18 Julai 2003.
- (ii) Ucapan Dr. Mahathir di Majlis Pelancaran E-Syariah di Hotel Marriott, Putrajaya pada 7 Februari 2003.
- (iii) Ucapan Dr. Mahathir di Seminar Kebangsaan “Memahami Malaysia sebagai Sebuah Negara Islam di Dewan Jubli, Selangor pada 17 September 2002.
- (iv) Ucapan Dr. Mahathir semasa Pembukaan *the tenth session of the Islamic Summit Conference*, di Pusat Konvensyen Putrajaya pada 16 Oktober 2003.

3.5.3 Kajian Pustaka

Manakala kajian pustaka yang dijalankan adalah beberapa perputakaan seperti;


- (i) Institut Pemikiran Tun Dr. Mahathir (IPDM)
- (ii) Perpustakaan Yayasan Kepimpinan Perdana

- (iii) Perpustakaan Jabatan Perdana Menteri
- (iv) Perpustakaan Negara
- (v) Perpustakaan Univesiti Utara Malaysia
- (vi) Perpustakaan Universiti Kebangsaan Malaysia
- (vii) Perpustakaan Universiti Putra Malaysia

3.5.4 Media Massa

Pada hari ini media merupakan alat yang amat mempengaruhi dalam apa jua keadaan sama ada dalam membuat kajian atau perkara lain. Jika media tidak ada kita akan terputus hubungan dengan dunia luar. Pelbagai bentuk media yang wujud pada masa sekarang. Dalam menyiapkan tesis, penyelidik juga tidak terlepas dalam menggunakan media sebagai sumber sekunder dalam penyelidikan ini. Ia bertujuan untuk mengukuhkan data dan maklumat penyelidikan ini. Antara media yang digunakan oleh penyelidik ialah buku online, YouTube, akhbar, dan makalah.

3.6 Kerangka Konsep Metod Kajian



Rajah 3.1: Kerangka Konseptual Metod Kajian

Rajah 3.1 merupakan susunan metod kajian yang dijalankan untuk menyiapkan tesis ini. Permulaannya ialah pemilihan tajuk yang dipilih mengikut kepada persetujuan penyelia.²⁵ Selepas tajuk telah dipersetujui penghitungan ruang lingkup masa kajian juga diambil kira dalam menyiapkan sepenuhnya tesis ini. Dalam kajian ini ruang lingkup masa terbahagi kepada dua bahagian iaitu masa kajian dijalankan dan yang kedua ialah berkaitan dengan tajuk kajian itu sendiri iaitu kajian semasa Dr. Mahathir

²⁵ Profesor Dr. Abdul Rahman bin Abdul Aziz

memegang tampuk pemerintahan negara dari tahun 1981 hinggalah beliau bersara pada tahun 2003.

Kemudiannya, menentukan permasalahan yang wujud mengikut kepada tajuk yang dikaji. Permasalahan kajian yang hendak dikaji ialah berkaitan Dr. Mahathir mengenai politik beliau sama ada beliau menjalankan politik Islam atau sebaliknya dan sejauh manakah betulnya penerapan pemikiran politiknya berteraskan kepada politik Islam seperti yang digariskan oleh para cendekiawan Islam seperti Al-Maududi, Al-Ghazali, Hasan Al-Bana', Dr. Yussof Qaradhawi dan lain-lain cendekiawan Islam dalam dan luar negara.²⁶

Selepas mengenal pasti permasalahan yang wujud, maka kaedah kajian pun ditentukan dan ini telah dipersetujui juga oleh penyelia. Kaedah kajian yang penyelidik gunakan adalah bersifat kualitatif iaitu melibatkan proses temu ramah secara rasmi Dr. Mahathir sebanyak tiga kali pertemuan dan secara tidak rasmi melalui ketua pegawai keselamatan beliau.²⁷ Selain itu, ia juga melibatkan beberapa orang yang rapat dengan beliau seperti pegawai khas dan kaki tangan kerajaan yang pernah bekerja dengannya. Selain dari temu ramah, kajian ini juga melibatkan kajian ke atas buku-buku yang ditulis berkaitan Dr. Mahathir dan apa yang dilakukannya semasa memerintah Malaysia. Buku-buku, makalah-makalah, jurnal serta majalah banyak dapati oleh penyelidik di perpustakaan-perpustakaan seperti Perpustakaan Negara, Perpustakaan Jabatan Perdana Menteri, Perpustakaan Yayasan Kepimpinan Perdana serta beberapa perpustakaan lain.

²⁶ Lihat Bab Dua, telah dibincangkan berkaitan konsep Politik para cendekiawan Islam seperti Al-Maududi, Al-Ghazali, Hasan Al-Bana', Dr. Yussof Qaradhawi

²⁷ Mazli bin Mazlan Ketua Pegawai Keselamatan (ACD) Tun Dr. Mahathir

Selepas kesemua bahan dikumpul dan dihimpun, proses seterusnya ialah mengolah atau menganalisis data tersebut. Pengolahan dan penyusunan adalah perkara yang agak rumit dan perlu dilakukan dengan teliti supaya tidak tercicir dan akan menyebabkan kehilangan data. Setelah siap pengolahan dan analisis, maka proses merumuskan kesemua analisis yang dilakukan untuk mendapatkan dapatan kajian terhadap penyelidikan yang dilakukan.

3.7 Analisis Data yang Diperoleh

Data dalam kajian ini dianalisis secara berterusan dari awal kajian bagi membolehkan reka bentuk kajian berkembang dan memberi hala tuju kepada pengumpulan seterusnya. Sebagai permulaan analisis, penyelidik menggunakan proses Epoche untuk membantu penyelidik mengkaji sesuatu fenomena dari pandangan yang baharu tanpa penilaian atau tanpa memberi makna terlalu awal kepada sesuatu data. Tujuannya ialah untuk memastikan penyelidik melihat pengalaman subjek kajian tanpa bias dan anggapan awal. Dalam hal ini penyelidik cuba memahami sistem makna subjek yang dikaji dan pada masa yang sama sedar akan bias yang mungkin akan mempengaruhi perkara-perkara yang penyelidik cuba fahami.

Kajian ini akan menggunakan analisis kandungan. Menurut Bell (2003), analisis kandungan merupakan kaedah pengumpulan data dan menganalisis kandungan dari sebuah teks secara mendalam. Teks boleh merupakan bahan-bahan bertulis, kata-kata, makna gambar, simbol, gagasan, tema dan bermacam-macam bentuk mesej yang dapat dikomunikasikan. Pendekatan analisis kandungan ini akan membolehkan

penyelidik memahami data, bukan sebagai kumpulan peristiwa fizikal tetapi sebagai gejala simbolik dalam mengungkap makna yang terkandung dalam sesebuah teks.

Analisis kandungan menurut Krippendorff (1993) adalah teknik penyelidikan untuk membuat kesimpulan-kesimpulan yang datanya boleh dan sah digunakan melalui pemerhatian kepada konteksnya. Analisis kandungan juga merupakan satu metod yang amat efisien untuk mengkaji isi media, sama ada media cetak mahupun media yang berbentuk *broadcast* (Burhan Bungin, 2003). Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa analisis kandungan merupakan kajian yang bersifat pembahasan mendalam terhadap kandungan atau makna dari suatu maklumat bertulis.

Dalam analisis kandungan ini, penyelidik menggunakan analisis konseptual bersesuaian dengan skop kajian penyelidik yang memberi fokus kepada huraian atau penjelasan tentang konsep dalam sesuatu kandungan yang dikaji khususnya ucapan-ucapan yang diperoleh dari sesi temu bual dan juga ucapan-ucapan yang disampaikan oleh Dr. Mahathir dalam seminar. Penyelidik akan memilih perkataan atau ungkapan dan kemudiannya dikelaskan kepada beberapa kategori mengikut keutamaan penyelidik.

3.8 Rumusan

Bab ini menjelaskan tentang cara-cara kajian yang diguna pakai dalam menjalankan kajian ini. Sebelum penulisan sebenar dijalankan, kaedah mencari dan mengumpul sumber data telah dijalankan bagi memastikan ia adalah sah dan boleh dipercayai.

Melalui kaedah kajian secara kualitatif dalam mendapatkan data digunakan sepenuhnya bagi pembuktian terhadap apa yang hendak dikaji.

BAB 4

ANALISIS PEMIKIRAN POLITIK ISLAM DR. MAHATHIR 1981-2003

4.1 Pengenalan

Di dalam bab ini, fokus utama adalah berkaitan dengan pemikiran Dr. Mahathir yang berlandaskan kepada politik Islam semasa memegang tampuk pemerintahan negara dari tahun 1981 hingga 2003. Perkara yang cuba dibangkitkan mengenai politik Islam dan Dr. Mahathir yang melibatkan sudut pandangan beliau berkaitan politik Islam. Contohnya seperti keadaan politik Islam di Malaysia, bagaimanakah keadaan politik umat Islam dalam negara dan adakah ia bersatu atau berpecah?

Selain itu, ia juga meliputi hubung kait beliau dan Malaysia sebagai sebuah negara Islam. Perkara ini yang menjadi perbualan dan perbahasan hangat antara parti-parti politik orang Islam di Malaysia, yang mempersoalkan adakah Malaysia sebuah negara Islam? Adakah Malaysia semasa pemerintahan beliau mencapai identiti sebuah negara Islam sebagaimana yang digariskan oleh ilmuwan-ilmuwan Islam.

Perkara yang menjadi teras utama dalam penyelidikan ini ialah berkaitan dengan penerapan nilai-nilai Islam yang merangkumi beberapa aspek lain seperti pembangunan ekonomi umat Islam, menyejahterakan kehidupan sosial umat Islam, pengukuhan politik umat Islam, menyusun-aturl birokrasi berteraskan Islam dan membentuk dasar-dasar Islam serta memperkenalkan sains dan teknologi berteraskan

Islam. Bagaimanakah Dr. Mahathir sebagai Perdana Menteri, melaksanakan perkara tersebut semasa memerintah? Sebagai contohnya sejauh manakah beliau telah melaksanakan sistem perekonomian Islam di Malaysia dan apakah impak yang wujud selepas pelaksanaan sistem tersebut?.

4.2 Politik Islam dan Dr. Mahathir

Politik Islam merupakan suatu kaedah politik yang berlandaskan kepada syariat Islam yang diturunkan oleh Allah SWT kepada junjungan kita Nabi Muhammad SAW untuk memimpin dunia yang penuh dengan pancaroba dan dunia sebagai pentas percubaan untuk menuju ke alam akhirat selepas kematian. Apa yang telah dilakukan oleh umat Islam di muka bumi pada hari ini dan masa akan datang semuanya akan dihisab secara satu persatu tanpa prejudis (Dr. Mahathir Mohamad, *Tem bual individu*, 22 Oktober 2012).²⁸

Politik Islam dan Dr. Mahathir adalah perkara yang utama untuk dibincangkan dalam kajian ini. Segala yang dilakukan adalah diterangkan dalam pelbagai kaedah bagi memahami dengan lebih lanjut. Adakah yang dilakukan itu berkaitan dengan politik Islam atau tidak? Bagi membuktikan perkara tersebut perbincangan dalam bab ini adalah hubungan pemerintahan beliau dengan politik Islam melalui beberapa kaedah seperti mengetahui sejauh mana pandangan beliau dalam politik Islam dan berkaitan negara Islam. Perbincangan ini juga tentang pandangan politik beliau meliputi hal ekonomi, politik dan juga sosial, segala pandangan politik Islam beliau diterjemahkan dalam bentuk fizikal tanpa memperbesarkan politik Islam seperti yang

²⁸ Temu bual bersama Yang Amat Berbahagia Tun Dr. Mahathir Mohamad pada 22 Oktober 2012 di Yayasan Kepimpinan Perdana, Putrajaya.

diperjuangkan oleh PAS yang secara langsung menggunakan nama Islam dalam politiknya. Pandangan politik Islam beliau yang meluas itu telah berjaya diadaptasikan kepada semua supaya perkara tersebut boleh dirasakan oleh semua umat yang ada.

Selain itu juga perbincangan mengenai politik Islam dan Dr. Mahathir juga meliputi kepada negara Islam dan beliau sendiri. Mengupas dengan lebih kritis pendapat dan juga pemikiran beliau tentang negara Islam. Pengupasan yang melibatkan kepada Malaysia sebagai sebuah negara yang dikatakan negara Islam dan telah mencapai status yang dapat diterima serta diiktiraf oleh seluruh dunia sama ada dunia Islam atau dunia barat bahawa Malaysia sebuah negara Islam.

Ciri-ciri sebuah negara Islam telah dicapai dengan jayanya walaupun secara realitinya masih lagi tidak menyeluruh, akan tetapi segala pendekatan yang dibawa oleh beliau dalam menerajui negara mengikut lunas-lunas Islam sememangnya akan mengambil masa yang lama. Seperti juga yang dilakukan oleh Nabi Muhammad SAW dalam mewujudkan negara Islam pertama dunia iaitu Madinah. Bagi mencapai status tersebut baginda terpaksa mengambil masa yang agak lama dalam mengkaji cara-cara untuk mewujudkannya dan diterima oleh semua lapisan masyarakat yang ada di Madinah pada masa itu.

Sebagai pemimpin utama negara dan juga parti UMNO serta sebagai Pengerusi BN telah menyumbangkan pelbagai perkara yang telah dapat dirasakan oleh generasi kita pada hari ini. Sumbangan beliau yang dibincangkan adalah meliputi kepada politik Islam. Bagaimana beliau telah menerapkan politik Islam dalam bab ekonomi, politik

dan juga sosial sehingga telah melahirkan sebuah negara yang aman dan dikenali serata dunia bukan sahaja di kalangan dunia Islam, bahkan dunia barat juga telah mengiktiraf Malaysia sebagai sebuah negara Islam yang paling '*versetile*' (Samsul Adabi bin Mamat, *temu bual individu*, 13 April 2013). Pemikiran beliau juga dalam bentuk lain, selain dari politik Islam juga dibincangkan secara ringkas.

4.2.1 Sudut Pandangan Dr. Mahathir berkaitan Politik Islam

Politik Islam adalah sesuatu yang amat diperlukan dalam mentadbir negara yang majoritinya penganut agama Islam. Politik lahir sebelum barat mentafsir politik dari sudut pandangan mereka lagi, iaitu bila turunnya al-Quran dan dibantu dengan hadis Rasulullah SAW. Walaupun pada dasarnya ia tidaklah menjelaskan secara terus apa itu politik dalam al-Quran, akan tetapi pembicaraan berkenaan pentadbiran dan pemerintahan telah dibincangkan dengan panjang lebar dalam segenap juzuk.

Chamil Wariya (1998) pemikiran politik Islam Dr. Mahathir dapat dilihat secara amnya apabila memegang jawatan presiden UMNO dan Perdana Menteri. Pada April 1981, maka telah bermulalah UMNO di bawah kepimpinan Dr. Mahathir. Kepimpinan Dr. Mahathir dalam UMNO boleh dibahagikan kepada dua fasa iaitu kepimpinan dalam UMNO lama dan juga UMNO baru. Pada zaman UMNO lama bermula dari tahun 1981 hingga 1987 yang merupakan fasa pertama pemerintahan sebelum UMNO diharamkan

Sejajar dengan itu perkara utama yang diambil kira oleh Dr. Mahathir ialah seperti mengubah pemikiran rakyat dari kuno kepada yang lebih maju dari pelbagai segi

seperti yang dinyatakan dalam buku tulisan beliau “Dilema Melayu” persepsi orang Melayu (Islam) yang tidak pentingkan kepada pembangunan insaniah dan juga pembangunan ukhrawiah. Semangat kemelayuan ingin berubah yang ada pada beliau membuatnya telah berusaha kuat bagi mencapai matlamat tersebut (Sivamurugan, 2005).

Walaupun mendapat tentangan hebat daripada elit UMNO pada masa itu sehingga beliau telah digugurkan dari UMNO, namun tidak mematahkan matlamat beliau untuk mengubah kaumnya (Samsul Adabi Mamat, 13 April 2013). Seperti firman Allah SWT dalam surah Ar-Ra’du ayat ke-11.

Bagi manusia ada malaikat-malaikat yang selalu mengikutinya bergiliran, di muka dan di belakangnya; mereka menjaganya atas perintah Allah SWT. Sesungguhnya Allah SWT tidak mengubah keadaan sesuatu kaum sehingga mereka mengubah keadaan yang ada pada diri mereka sendiri. Apabila Allah SWT menghendaki keburukan terhadap sesuatu kaum, maka tidak ada yang dapat menolaknya; sekali-kali tidak ada pelindung bagi mereka selain Dia.²⁹

Seperti dinyatakan oleh ramai ulama Islam bahawa umat perlu mengubah sendiri kaum mereka, jika mereka inginkan sesuatu yang lebih dari apa yang ada pada hari ini. Oleh itu yang dilakukan oleh Dr. Mahathir adalah amat bermakna dalam mengubah umat Islam di Malaysia. Pada awal pengambilalihan UMNO, beliau telah berjaya mengubah persepsi tersebut melalui beberapa dasar seperti Dasar Padang Ke-Timur, Bersih Cekap dan Amanah, Nilai-nilai Murni dan sebagainya bagi melahirkan umat Islam yang berpotensi dan berdaya saing dengan orang bukan Islam.³⁰

²⁹ Lihat al-Quran, Surah Ar-Ra’d ayat ke-11. Tafsir Al-Quran Rasm Uthmani. Terjemahan Abu Hasan Din Al-Hafiz. Kuala Lumpur: Dar El-Fajr.

³⁰ Temu bual bersama Yang Amat Berbahagia Tun Dr. Mahathir pada 25 Oktober 2012 di Yayasan Kepimpinan Perdana, Putrajaya.

Fasa kedua pemerintahan beliau dalam UMNO ialah selepas UMNO diharamkan dan ditubuhkan UMNO baru. Dr. Mahathir mengetuai UMNO baru selama 16 tahun sebagai Presiden dan banyak perkara telah dilakukan oleh beliau (Samsul Adabi Mamat, *temu bual individu*, 13 April 2013). Antaranya seperti menyelesaikan permasalahan pemilihan pemimpin supaya ia tidak menjadi perebutan oleh semua. Beliau menghadkan pemilihan Presiden, Timbalan Presiden dan juga Naib Presiden supaya calon yang betul-betul layak sahaja yang boleh bertanding. Ini adalah bagi mengelakkan daripada berlakunya masalah seperti tahun 1987 yang telah menghancurkan UMNO itu sendiri dan perjuangan orang Islam secara amnya (Abdul Karim, 1993).

Beliau juga telah melakukan perubahan dalam UMNO seperti taat kepada pemimpin. Setiap ahli dalam UMNO perlu taat yang tidak berbelah bagi kepada para pemimpin yang telah dipilih orang semua ahli. Walaupun secara langsung, kita tidak nampak pemilihan yang dilakukan adalah oleh semua ahli akan tetapi pemilihan adalah bermula dari cawangan di mana ketua cawangan dipilih oleh ahli di peringkat cawangan. Manakala di peringkat bahagian pula ketua dipilih oleh para ketua cawangan yang mendapat mandat daripada ahli-ahli. Begitu juga di peringkat tertinggi di mana setiap yang bertanding akan diundi oleh ahli bahagian yang dipilih. Ketaatan merupakan satu instrumen yang penting dalam sesebuah pentadbiran jika ketaatan kepada pemimpin tidak ada maka pentadbiran tidak akan bernyawa.

Penerapan nilai-nilai Islam juga merupakan sesuatu yang telah berjaya beliau terapkan dalam UMNO di mana setiap kali perhimpunan agung UMNO berlangsung maka akan dimulakan dengan bacaan doa dan juga membaca surah-surah dalam al-

Quran yang berkaitan dengan perjuangan dan juga kepimpinan ini adalah bagi menyuburkan lagi nilai-nilai Islam dalam UMNO. Begitu juga apabila semasa penggulungan atau penutup perhimpunan yang akan membaca doa-doa oleh bahagian agama UMNO (Abd. Karim 1993, hlm. 73). Beliau juga telah berjaya mengUMNOkan Sabah, pada masa dahulunya tidak menerima parti politik dari Semenanjung untuk bertanding. Hasil kebijaksanaannya, Sabah telah menerima parti UMNO sebagai parti yang dominan di Sabah.

Dr. Mahathir juga adalah pengasas kepada UMNO, apabila UMNO mengalami krisis dan akhirnya diharamkan oleh mahkamah pada 1987, tindakan bijak beliau telah membawa kepada penubuhan UMNO baru bagi meneruskan perjuangan UMNO. Semua yang dilakukan oleh beliau kepada negara atau pun UMNO secara khususnya adalah untuk menjadikan Melayu itu sebagai sebuah bangsa yang mempunyai identiti yang dibanggakan oleh semua manusia khususnya dalam negara dan luar negara secara amnya.

Walaupun begitu setiap tindakan yang diambil adalah berpandukan kepada agama juga. Beliau tidak meminggirkan golongan agama dalam mentadbir negara dan diberi peluang yang secukupnya kepada mereka kerana Islam merupakan perjuangan kepada negara walaupun dalam UMNO ia tidak diletakan sebagai asas yang pertama dalam perjuangan. Di Malaysia jika sebut perkataan Melayu ia berkait rapat dengan Islam seperti dalam Perlembagaan Persekutuan Perkara 3, 152 dan 153 telah menyatakan agama Persekutuan adalah agama Islam (Abd. Aziz Bari, 2008).

Politik Islam dari sudut pandangan Dr. Mahathir, dapat dilihat dari pelbagai sudut. Segala yang dilakukan oleh beliau adalah menggambarkan kepada politik Islam itu sendiri. Beliau yang merupakan seorang pemerintah yang paling lantang memperjuangkan hal berkaitan Islam dari segenap sudut telah menjadikan negara sebagai hub politik Islam yang mempunyai pelbagai bentuk sama ada dari segi ekonomi, politik dan juga sosial (Amiruddin bin Abdul Rashid, *temu bual individu*, 3 Mei 2013). Perjuangan kepada politik Islam yang diterajui oleh beliau semasa memegang jawatan yang tertinggi dalam kerajaan dan juga UMNO telah membolehkan beliau mengadaptasikan pandangan beliau dalam bentuk fizikal bukannya secara halimunan sahaja.

Dr. Mahathir telah menyatakan politik Islam beliau dalam pelbagai bentuk dan dasar kerajaan. Antaranya dapat dilihat dalam Dasar Pandang Ke Timur di mana rakyat dan juga kakitangan kerajaan diminta melakukan kerja dengan cara yang bersih, cekap dan juga amanah. Selain itu beliau juga menyatakan perlunya sebuah masyarakat mempunyai dan menghargai masa dalam melakukan sesuatu pekerjaan. Ini kerana masa merupakan sesuatu yang amat berharga sesuai dengan apa yang telah diturunkan oleh Allah SWT dalam surah Al-Asr yang menceritakan tentang masa adalah amat berharga.³¹ Penerapan nilai-nilai Islam kepada masyarakat dalam negara juga adalah merupakan pandangan beliau tentang politik Islam dan dalam Islam nilai murni merupakan suatu yang dituntut oleh agama.

Oleh kerana umat Islam merupakan umat yang paling baik dalam dunia seperti apa yang telah dijelaskan dalam al-Quran maka beliau telah mengambil penerapan untuk

³¹ Lihat Perenggan 5.3.5 berkaitan Menyusun atur Birokrasi Negara untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang mempunyai birokrasi kelas pertama dalam memberi khidmat kepada rakyat.

memajukan umat Islam dalam negara. Pelbagai bentuk kemajuan yang telah beliau cipta supaya umat Islam dapat mengambil bahagian yang aktif dalam menjadi satu umat yang disegani dan juga membuktikan bahawa Islamlah yang terbaik dalam dunia pada hari ini. Kita juga telah lihat pembangunan yang telah dilakukan sama ada dari segi rohani atau fizikal, yang mana dari segi fizikal kita dapat lihat beliau telah mencuba sedaya upaya untuk mengubah pemikiran umat lain bahawa umat Islam adalah bukan umat yang paling lemah dalam dunia. Dengan pembangunan yang amat terancang yang dilakukan oleh beliau kepada negara telah menjadikan negara dipandang tinggi oleh negara bukan Islam dan juga negara Islam yang lain.

Konsep pembangunan yang dilakukan juga adalah berkonsepkan pembangunan negara Islam contohnya Putrajaya, di mana beliau mengadaptasi Putrajaya sebagai bandar raya Islam yang mempunyai ciri-ciri bangunan yang berteraskan kepada Islam seperti rumah rasmi PM, pejabat PM, masjid yang mempunyai pelbagai bentuk ciri-ciri keislaman negara Islam lain dan sebagainya. Kepadatan penduduk Islam juga diutamakan dalam Putrajaya, di mana populasi penduduk Putrajaya adalah orang Melayu yang beragama Islam. Selain itu bagi memajukan Islam juga beliau telah menubuhkan pelbagai institusi yang berkaitan dengan Islam antaranya seperti Universiti Islam Antarabangsa, PERKIM, ILIM, MPI dan sebagainya. Ini adalah pandangan beliau tentang politik Islam yang memerlukan semua perkara yang berkaitan Islam sama ada ia melibatkan kehidupan atau sebagainya (Sivamurugan, 2005, hlm. 189).

Dr. Mahathir juga menyatakan pandangan beliau di mana Islam memerlukan ekonomi yang kukuh bagi menyaingi kedudukan kuasa yang bukan Islam dalam

dunia hari ini. Maka bagi menyainginya beliau telah mempelbagaikan ekonomi umat Islam di Malaysia dengan penubuhan Bank Islam, pelaburan Islam, institusi perniagaan yang berasaskan Islam (Dr. Mahathir Mohamad, Wawancara individu, 25 Oktober 2013). Sebagai contohnya MAIWP sebuah badan kerajaan yang mempunyai perniagaan sendiri dalam mempelbagaikan dan juga mengukuhkan ekonomi umat Islam secara lebih komprehensif. Pelaburan yang dilakukan oleh MAIWP dalam bidang perubatan menjadikan ekonomi Islam lebih maju. Selain dalam bidang perubatan, MAIWP juga melabur dalam bidang pertanian dan juga pembelajaran dengan menubuhkan kolej kejururawatannya sendiri bagi membuka peluang kepada semua umat Islam supaya lebih maju dalam hal pembelajaran dan perubatan.³²

Selain itu skim-skim pelaburan Islam yang diwujudkan seperti ASN, ASB, ASW2020 dan sebagainya telah meningkatkan lagi pelaburan umat Islam dan ini telah menjadikan ekonomi umat Islam semakin baik khasnya dalam negara bagi menyaingi kaum lain. Begitu juga dalam sistem perbankan di mana seluruh bank konvensional yang ada telah mula menerima sistem dan konsep perbankan Islam walaupun tidaklah secara menyeluruh. Namun dapat dilihat semua bank konvensional yang ada telah memperkenalkan sistem Islam dalam pelbagai urusan seperti sewa beli, pinjaman dan sebagainya.

Penglibatan beliau dalam UMNO telah mengubah senario politik semasa apabila secara lantang mengkritik ketidakprihatinan Tunku Abdul Rahman dalam hal berkaitan kaum Melayu yang merupakan umat Islam dalam negara. Oleh kerana

³² Lihat syarikat berkaitan MAIWP dalam <http://www.maiwp.gov.my/i/index.php/component/content/category/40-info-maiwp>. Dicapai pada 13 Mei 2012.

kritikan beliau, maka beliau telah ditendang keluar dari UMNO. Akan tetapi hasil dari kebenaran yang dibawa olehnya Allah SWT telah membuktikan bahawa kebenaran adalah segalanya maka beliau telah dipujuk kembali kepada UMNO dan kemasukan beliau maka telah kembali mempergiatkan usaha dalam memperjuangkan hak umat Islam (Melayu). Apabila mengambil tampuk kepimpinan dari Tun Hussien Onn pada 1981 maka beliau telah merubah senario politik negara kepada yang lebih baik. Pelbagai usaha telah dilakukan oleh beliau supaya politik negara kekal stabil dari sebarang unsur-unsur yang tidak diingini.

Pandangan beliau terhadap politik Islam dari sudut politik juga telah diterjemahkan dalam pelbagai bentuk seperti keamanan. Bagi menjaga keamanan negara beliau telah melakukan pelbagai perkara walaupun perkara tersebut mendapat tentangan dari pelbagai pihak. Seperti Operasi Lalang di mana telah ditentang oleh kebanyakan kaum yang ada kerana dikatakan sebagai zalim. Selain itu terdapat pelbagai lagi perkara yang dilakukan bagi mengekalkan keamanan negara. Ini kerana Nabi Allah, Muhammad SAW juga dalam banyak hadis beliau menerangkan tentang keamanan sebuah negara adalah perlu dan dituntut oleh agama tanpa mengira kedudukan sesebuah kaum yang ada.

Menentukan pemimpin yang layak untuk memimpin negara juga diambil kira. Sebagai contohnya dapat dilihat dalam pemilihan UMNO itu sendiri beliau sebagai ketua telah membuat dasar parti dalam pemilihan pemimpin. Pemilihan yang dilakukan berdasarkan kepada undian ramai dan calon berkeelayakan telah ditetapkan. Ini adalah untuk menjaga keharmonian supaya tidak berebut jawatan yang melampau seperti berlaku di antara tahun 1987 di mana berlakunya krisis UMNO yang terpaksa

diharamkan oleh mahkamah. Begitu juga dalam mentadbir negara, sistem permuafakatan atau konsesionalisme telah diamalkan bagi mengekalkan keamanan serta berkongsi pemerintahan seperti yang diperkatakan oleh Ibn Khaldun iaitu perlu ada kerjasama yang baik di antara bangsa yang ada dalam negara dari pelbagai aspek.

Dr. Mahathir juga mengadaptasikan pandangan beliau tentang politik Islam melalui sistem sosial dalam negara. Seperti yang kita sedia maklum bahawa Malaysia merupakan sebuah negara yang mempunyai penduduk terdiri dari pelbagai kaum dan etnik supaya sesuatu yang amat penting dapat dipersetujui bersama. Walaupun Islam adalah agama rasmi negara, penganut agama lain tidak dinafikan hak dan diberi kebebasan untuk mengamalkannya. Semua etnik yang ada berhak ke atas negara mengikut apa yang telah dipersetujui sebelum ini oleh pemimpin semasa mendapatkan kemerdekaan. Dengan pada itu beliau, telah memainkan peranan yang cukup besar dalam menguruskan hal-hal yang berkaitan. Sesuai dengan kehendak Islam bahawa tiada paksaan dalam menganut agama seperti yang telah diterangkan oleh Nabi Muhammad SAW semasa menyebarkan agama Islam pada zaman awal kemunculan-Nya.

Selain dari itu, sosial umat Islam juga telah dimantapkan contohnya pemakaian umat Islam di institusi yang formal seperti pejabat kerajaan, universiti-universiti dan sebagainya dikuatkuasakan. Pembinaan institusi yang berkaitan Islam juga ditambah dan diperbanyakkan seperti penubuhan UIA, PERKIM, USIM dan sebagainya (Mohd Rumaizudin Ghazali, 2011).

Justeru, hak orang bukan Islam yang ada dalam negara tidaklah dinafikan. Kaum dan agama lain yang ada diberi kebebasan yang cukup dalam mengamalkan adat resam dan hak agama mereka tanpa diganggu gugat oleh kaum lain (Abd. Munir, 2005, hlm. 535). Pelbagai kebaikan dan keistimewaan yang diberi sama ada dalam ekonomi yang secara sah telah dimonopoli oleh kaum bukan bumiputera, begitu juga dalam hal politik di mana mereka juga diberi peluang yang sama dalam menguruskan negara bagi mencapai satu tahap yang telah dirancang manakala dalam sosial pula tidak disekat.

4.2.2 Dr. Mahathir dan Malaysia sebagai Sebuah Negara Islam

Menurut *al-Munjid fi al-Lughah wa al-A'lam* (1987), perkataan *al-dawlah* berasal daripada perkataan *dala-adulu-dawlatan*, yang bermaksud geografi sesebuah kawasan, daerah atau negara di mana ia akan didiami dan ditadbir oleh segolongan manusia sama ada daripada bangsa yang satu atau berbilang bangsa. Perkataan *al-dawlah* juga sama ertinya dengan perkataan *al-bilad*, yang bermaksud daerah penempatan sekumpulan manusia dan ia ditadbir oleh golongan tersebut (Mohd Izhar Arif *et al.*, 2012).

Yusoff Qaradhawi menyatakan dalam tulisannya *Fiqh al-Daulah* bahawa negara Islam mempunyai lapan kriteria tertentu seperti (i) sebuah negara berdimensinya antarabangsa, (ii) negara madani dengan Islam sebagai sumber rujukan, (iii) sebuah negara hukum, (iv) sebuah negara hidayah, (v) melindungi hak kebebasan, (vi) melindungi kaum yang lemah, (vii) semangat musyawarah dan (viii) berprinsip dan berakhlak. Al-Ghazali pula menggariskan bahawa negara Islam adalah perlu

mempunyai ciri-ciri keislaman seperti (i) majoriti didiami oleh umat Islam, (ii) menggunakan hukum Islam sebagai undang-undang negara, (iii) ekonomi berteraskan Islam, (iv) umat Islam perlu mempunyai semangat kesepakatan dan (v) penguasa Negara adalah beragama Islam. Manakala al-Mawdudi menyatakan Negara Islam perlu kepada tiga prinsip utama iaitu (i) puncak segala kekuasaan adalah Allah SWT, (ii) hukum Allah SWT sebagai undang-undang utama negara dan (iii) pembentukan Negara adalah berlandaskan kepada syariat yang ditetapkan dalam Islam (Mohd Rumaizuddin, 2011).

Pada zaman pemerintahan Dr. Mahathir wujud pelbagai tohmahan yang dilemparkan mengenai sistem pentadbiran negara yang dikatakan tidak bercirikan sebuah negara Islam. Kritikan ini khususnya datang dari parti pembangkang PAS yang mempertikaikan status Malaysia sebagai sebuah negara Islam. Patutkah kita menerima kesimpulan tersebut semata-mata kerana Malaysia tidak mengamalkan hukum hudud? Adakah hukum hudud merupakan satu kriteria yang penting untuk sesebuah negara itu diiktiraf sebagai negara Islam.

Hakikatnya, seperti termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan, bukan sahaja mengiktiraf Islam sebagai agama rasmi negara, tetapi juga memenuhi ciri-ciri dan tanggungjawab sebagai sebuah negara Islam. Malaysia merupakan sebuah negara yang menjaga kepentingan agama dan mentadbir dengan berasaskan ajaran-ajaran yang berlandaskan ciri-ciri keislaman (Mahathir, 2005, hlm. 7).

Keseluruhan tanggungjawab sebuah kerajaan Islam telah dan sedang dilaksanakan, ini termasuklah usaha untuk mengimbangkan pembangunan fizikal dan

pembangunan rohani. Usaha Dr. Mahathir untuk mengadaptasi dan mengislamisasi nilai Islam dalam konteks pemerintahan masyarakat majmuk perlu dilakukan dengan bijaksana supaya rakyat Malaysia dapat hidup dalam keadaan aman, makmur dan sejahtera.

Menurut Imam Syafie, mana-mana negara yang pernah menjadi negara Islam, status ini tidak akan hilang menurut fiqah Islam, sekalipun umat Islam telah dikalahkan di negara berkenaan. Ini bermakna bahawa republik-republik Islam yang berada di bawah pemerintahan komunis dan juga kuasa-kuasa lain hari ini adalah dianggap sebagai negara Islam yang dijajah dan menjadi kewajipan umat Islam membebaskannya apabila mereka mampu (Wan Zahidi, 2005).

Adalah nyata daripada definisi-definisi yang dibuat oleh para ulama tentang negara-negara Islam seperti yang dibentangkan di atas bahawa Malaysia adalah sebuah negara Islam tanpa sebarang keraguan dan tidak perlu dipertikaikan. Status Malaysia sebagai sebuah negara Islam ini tidak akan terjejas sekalipun di sini ahli-ahli perundangan moden mengatakan Malaysia sebagai sebuah negara sekular kerana penilaian seperti ini dibuat berasaskan kaedah undang-undang ciptaan manusia (Wan Zahidi, 2005).

Kedudukan Malaysia sebagai sebuah negara Islam telah diperkukuhkan melalui peruntukan dalam Perlembagaan Persekutuan yang mengiktiraf Islam sebagai agama rasmi negara (Mahathir, 2005, hlm. 3). Peruntukan ini telah diwujudkan melalui perjuangan para pemimpin UMNO ketika memperjuangkan kemerdekaan negara. Justeru, parti UMNO telah didukung oleh segenap lapisan masyarakat Islam,

termasuk ulama-ulama, tokoh-tokoh agama dan para pejuang Islam tanah air. Mereka melibatkan diri sama ada secara langsung di dalam UMNO dan juga kerajaan dalam menuju, mengembang dan meninggikan ajaran Islam di negara ini.

4.3 Pendekatan Berhemah (Penerapan Nilai-Nilai Islam [PNI])

Dasar Penerapan Nilai-nilai Islam yang dicetuskan oleh bekas Perdana Menteri Tun Dr. Mahathir Mohamad pada 1982, tidak dapat dinafikan masih mempunyai kesannya hingga sekarang. Meskipun dasar itu sudah tidak dilaksanakan lagi, namun dalam konteks pembangunan insan dan pembangunan material, dasar berkenaan telah merubah secara fundamental landskap negara dari segi ekonomi, politik, pendidikan, budaya kerja dan perilaku pentadbir negara. Dalam aspek pembangunan insan, penerapan nilai-nilai Islam yang diambil daripada prinsip-prinsip Islam seperti amanah, tanggungjawab, bersih, tekun dan disiplin diimplementasikan menerusi pembinaan jati diri umat Islam dan kakitangan kerajaan untuk lebih menghayati dan mengamalkan ajaran Islam sebenar.

Fenomena kebangkitan Islam di seluruh dunia, antara faktor utama yang menjadi pencetus pelaksanaan Penerapan Nilai-nilai Islam di Malaysia. Sebaik sahaja Dr. Mahathir memegang jawatan sebagai Perdana Menteri pada 1 Julai 1981, beliau meletakkan Islam sebagai roh utama dalam pentadbirannya pada tahun 1982. Ini merupakan permulaan yang menjadikan Malaysia dikenali dunia sebagai negara yang lebih Islamik tanpa menjadikannya sebagai negara Islam.

Penerapan Nilai-nilai Islam yang dicetuskan oleh beliau pada mula mentadbir negara telah menampakkan kesan yang positif kepada negara. Beliau telah menerapkan

nilai-nilai Islam dalam pelbagai bidang antaranya seperti dalam pengukuhan ekonomi negara ke arah menjadikan negara sebagai pusat ekonomi Islam serantau dan yang utamanya adalah untuk orang Islam. Begitu juga dengan menyuburkan sosiopolitik yang berasaskan kepada Islam yang telah menjadikan sosiopolitik negara semakin kukuh dan dimonopoli oleh umat Islam semasa pemerintahannya. Demikian juga dalam pembangunan sosial rakyat yang mengutamakan Islam sebagai tunjang utama dalam menjadikan rakyat Malaysia sebagai rakyat yang mempunyai kehidupan berteraskan Islam (Muhammad Yusuff Hussain. 2005).

Justeru, Dr. Mahathir juga tidak melupakan untuk memajukan rakyat terutama umat Islam di Malaysia berkaitan sains dan teknologi yang meletakkan pakar-pakar sains Islam yang terdahulu sebagai rujukan utama supaya umat Islam tidak ketinggalan dalam arus kemodenan yang serba canggih pada hari ini.

4.3.1 Pengukuhan Pembangunan Ekonomi Islam di Malaysia

Bagi memastikan keadaan umat Islam dalam negara mencapai kepada satu tahap ekonomi yang setanding dengan umat lain, Dr. Mahathir telah memperkenalkan pelbagai kaedah pada zaman pemerintahannya. Sama ada secara formal atau tidak formal itu tidak diambil kira oleh Dr. Mahathir sebagai seorang pemimpin. Perjuangan dalam membangun dan memajukan ekonomi umat Islam secara jujurnya telah bermula apabila Dr. Mahathir mula menceburi dalam politik. Melalui penulisan dengan mengkritik keadaan umat Islam pada masa itu yang masih jauh ketinggalan dan tidak mencapai kepada kemajuan ekonomi secara keseluruhannya. Bagi menyedarkan perkara tersebut melalui tulisan seperti dalam buku Dr. Mahathir iaitu

“Dilema Melayu” yang menyentuh keadaan umat secara menyeluruh walaupun ia telah ditentang hebat dan menyebabkan buku Dr. Mahathir itu diharamkan.

Memegang jawatan Perdana Menteri pada 1981 maka Dr. Mahathir telah mengorak langkah yang agak drastik dalam membangunkan umat Islam Malaysia. Pelbagai bentuk dan kaedah yang telah diperkenalkan supaya ekonomi umat menjadi maju antaranya Dr. Mahathir telah memperkenalkan sistem perbankan Islam pada 1983. Melalui Bank Islam pelbagai bentuk sistem mengikut Islam telah diperkenalkan seperti Al-Mudharabah, Al-Islah dan pelbagai sistem yang berpandukan kepada ekonomi Islam.³³

Mengorak langkah bagi memartabatkan ekonomi umat Islam, seterusnya Dr. Mahathir telah memperkenalkan unit pelaburan untuk umat Islam yang berteraskan kepada hukum Islam seperti ASB, ASN1, ASN2, ASN3, ASW2020. Dengan pengenalan sistem pelaburan tersebut adalah untuk menggalakkan umat Islam melabur dan mendapat keuntungan berdasarkan kepada prinsip Islam (Mustafa Dakian, 2005). Pengenalan skim pelaburan ini dapat kita lihat pada hari ini di mana umat Islam telah berjaya mencapai satu tahap yang baharu dalam pelaburan.

Seperti yang kita tahu, kebanyakan orang Islam di Malaysia ini suka menyimpan barang kemas untuk masa akan datang. Setelah lama perkara ini telah dikuasai oleh golongan kaum lain dalam Sistem Pajak Gadai, maka pada 1993 Dr. Mahathir selaku Perdana Menteri pada masa itu telah menubuhkan sistem pajak gadai Islam yang berteraskan kepada hukum dan syariat Islam. Jika dahulu untuk menggadaikan

³³ Lihat Sistem Bank Islam Malaysia. Dipetik daripada www.bankislam.com.my pada 25 Mac 2013.

barang kemas mereka terpaksa pergi ke pajak gadai kaum Cina yang mengenakan bunga yang melampau ke atas gadaian yang dipajak dan ini telah menyebabkan bebanan kepada para penggadaai dan juga terdapat unsur riba' dalam gadaian yang berlaku. Bagi mengatasi perkara tersebut Dr. Mahathir telah memperkenalkan sistem pajak gadai yang berteraskan kepada Islam bagi menjamin tidak berlaku penindasan kepada rakyat terutama orang Islam (Zunaidah, 2006).

Pemikiran politik Islam Dr. Mahathir dalam membangunkan ekonomi Islam juga dapat kita lihat dengan pemberian pinjaman kepada bumiputera yang pastinya orang Melayu beragama Islam bagi menjalankan perniagaan secara kecil-kecilan dengan memfokuskan kepada golongan miskin dan juga ibu tunggal. Pelancaran Skim IKS, TEKUN, MARA dan sebagainya secara langsung dapat merakyatkan ekonomi umat Islam secara menyeluruh (Shamsul Amri, 2008).

Begitu juga dengan pemerksaan tanah-tanah rancangan dalam menjadikan ekonomi Islam semakin maju. Pemerksaan tanah-tanah rancangan seperti FELDA, RISDA, FELCRA³⁴ dan FAMA³⁵ juga telah membina kekuatan ekonomi orang Islam. Walaupun ini telah diwujudkan oleh Perdana Menteri kedua iaitu Tun Abdul Razak, akan tetapi Dr. Mahathir telah memperkasakan tanah-tanah rancangan tersebut dengan kaedah yang lebih teratur dan juga sistematik dengan penggunaan mesin-mesin yang lebih moden, membuka kilang-kilang pemprosesan sendiri serta mewujudkan perniagaan alternatif seperti ternakan dan juga tanaman sayuran sebagai

³⁴ FELDA, RISDA, FELCRA merupakan tanah-tanah rancangan yang diperkenalkan oleh Perdana Menteri kedua iaitu Allahyarham Tun Abdul Razak untuk memajukan kaum bumiputera yang keseluruhannya beragama Islam.

³⁵ FAMA ialah satu lembaga pemasaran hasil pertanian negara yang ditubuhkan pada tahun 1965.

tanaman hiran. Hasil yang diperoleh semakin bertambah dengan kerja sampingan seperti itu dan secara tidak langsung dapat meningkatkan ekonomi umat Islam. Selain itu organisasi-organisasi ini juga telah digalakkan membuka dan melabur dalam pelbagai jenis pelaburan seperti ICT, hartanah dan sebagainya.

Dr. Mahathir juga telah menubuhkan pelbagai sektor seperti automotif, ICT, permotoran, perkilangan dan banyak lagi untuk umat Islam. Penubuhan-penubuhan tersebut menjadikan umat Islam di Malaysia semakin maju dalam ekonomi untuk bersaing dengan umat lain.

4.3.2 Penyuburan Sosiopolitik Berasaskan Islam

Dr. Mahathir tidak sahaja menjuruskan kepada membangunkan ekonomi, malah ia juga melibatkan hal pemerintahan dan pentadbiran negara yang mencakupi kepada politik. Politik merupakan satu instrumen yang penting dalam sesebuah negara, jika politik tidak stabil maka negara juga tidak akan menjadi stabil dalam semua aspek. Oleh kerana politik merupakan satu instrumen yang cukup penting, maka kestabilan politik akan membawa kepada kestabilan dari pelbagai aspek dalam negara. Politik merupakan suatu cara untuk memperoleh kuasa, bagi memastikan negara menuju ke arah yang lebih baik, maka kuasa politik amat diperlukan (Mahathir, *temu bual individu*, 25 Oktober 2012). Kuasa politik boleh didapati melalui pilihan raya yang diadakan yang disertai oleh parti-parti politik yang bertanding dalam proses untuk mendapatkan kuasa memerintah (Abdul Karim, 1993).

Pelbagai perkara yang telah buat oleh Dr. Mahathir dalam politik yang melibatkan Islam, kecenderungan Dr. Mahathir dalam memartabatkan Islam dapat dilihat dalam senario politik negara. Kehebatan beliau dalam merencanakan perkara ini dapat kita lihat dalam pemilihan pemimpin negara di mana Dr. Mahathir menitikberatkan pemilihan pemimpin supaya pemimpin yang dilahirkan adalah berkualiti (Muhammad Yusuff Hussain, 2005).

Beberapa perkara yang diambil kira dalam pemilihan pemimpin antaranya seperti memperkenalkan Dasar Bersih, Cekap dan Amanah pada 1983, dengan adanya prinsip tersebut seseorang itu akan menjadi seorang pemimpin yang mempunyai kualiti dalam mentadbir negara. Perkara ini tidak terikat kepada pemilihan pemimpin politik semata-mata, akan tetapi melibatkan kepada pemimpin dalam pelbagai peringkat sama ada dalam kerajaan ataupun tidak. Selain itu pemimpin yang berilmu juga adalah sesuatu yang penting kerana dengan ilmulah seseorang pemimpin itu dapat mentadbir dengan baik dan memajukan negara. Prinsip seperti pemimpin yang selalu bermuhasabah, keterbukaan dalam memberikan pendapat dan sebagainya merupakan perkara yang diambil kira oleh Dr. Mahathir dalam melahirkan pemimpin yang berkualiti.

Seperti konsep politik Islam yang telah digariskan oleh cendekiawan Islam pada masa terdahulu seperti Ibnu Khaldun, Al-Ghazali, Al-Maududi dan ramai lagi, di mana politik Islam perlu kepada beberapa perkara yang penting. Antaranya seperti keadilan, kebebasan, kesepakatan dan kesamarataan. Kesungguhan Dr. Mahathir yang meliputi kepada perkara tersebut amat disanjung dan telah dipandang tinggi

oleh negara luar di mana sebuah negara yang mempunyai pelbagai jenis bangsa dan agama dapat hidup secara aman dan bekerjasama dalam membangunkan negara.

Pengukuhan Islam dapat dilihat dalam dasar-dasar yang telah diketengahkan semasa pemerintahannya iaitu dasar yang berteraskan kepada Islam adalah seperti Dasar Kepimpinan Melalui Teladan, Bersih Cekap dan Amanah, Masyarakat Berilmu, Malaysia Boleh, Wawasan 2020 dan pelbagai lagi dasar yang menjuruskan kepada pemerintahan Islam. Pengenalan dasar-dasar tersebut telah menjadikan pemerintahan Dr. Mahathir sebuah pemerintahan yang bercirikan kepada Islam. Selain itu dalam parti Dr. Mahathir telah menerapkan unsur-unsur Islam dan mengamalkan nilai-nilai Islam. Sebagai contohnya pembacaan doa setiap kali pembukaan Persidangan Agung UMNO, pemakaian yang bercirikan kepada Islam, penghujahan yang berteraskan kepada Islam dan sebagainya. Penerapan unsur-unsur Islam ini akan membentuk satu nilai yang baik dalam kalangan ahli dan juga rakyat.

4.3.3 Menyejahterakan Pembangunan Kehidupan Sosial Rakyat

Pembangunan sosial merupakan suatu perkara yang cukup penting dalam sesebuah negara. Bagi melahirkan negara yang aman, pembangunan sosial sesebuah masyarakat perlu diambil kira dan dijelaskan dengan terperinci supaya tidak berlaku pertelingkahan kaum. Dalam Islam, pembangunan sosial merupakan satu perkara yang cukup penting bagi menjadikan ia sebuah negara sejahtera. Pembentukan dasar bagi mengatasi perkara yang berkaitan sosial ini adalah satu tuntutan dalam agama di mana apa yang dilakukan adalah tidak dapat tidak mesti bersandarkan kepada hukum-hakam agama.

Dr. Mahathir juga telah menitikberatkan dalam soal menyejahterakan kehidupan sosial rakyat. Pelbagai bentuk telah diperkenalkan untuk menyejahterakan kehidupan rakyat supaya semua rakyat berasa sejahtera. Dapat dilihat secara umumnya pelbagai dasar yang dibentuk dalam merealisasikan Islam sebagai satu wadah yang begitu konkrit di Malaysia. Dr. Mahathir telah mendapat pengiktirafan dunia dalam mentadbir negara yang mempunyai pelbagai kaum dan budaya yang berada di bawah satu bumbung yang sama. Perkara ini sering kali diperkatakan dalam konsep politik Islam Ibnu Khaldun berkenaan yang mana perlu menjaga keadaan dan menghormati di antara satu dengan yang lain walaupun berlainan agama dan juga adat resam utama.

Dalam menyejahterakan umat Islam di Malaysia Dr. Mahathir memperkenalkan dasar PPSMI yang diperkenalkan pada tahun 2002 iaitu satu dasar Pembelajaran dan Pengajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris³⁶ di peringkat sekolah rendah dan menengah supaya orang Islam dapat menandingi orang bukan Islam dalam bidang sains dan matematik. Pengenalan dasar ini dilihat sebagai satu sumbangan yang cukup besar dalam memajukan orang Islam supaya dapat melahirkan pakar-pakar sains yang setanding dengan semua. Akan tetapi dengan desakkan oleh individu dan pertubuhan-pertubuhan tertentu, maka ia telah dibubarkan dan ini merupakan satu kerugian yang besar kepada masyarakat Islam dalam menyaingi masyarakat bukan Islam di persada dunia.

³⁶ PPSMI ialah Pembelajaran dan Pengajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris yang diperkenalkan pada tahun 2002 oleh Dr. Mahathir semasa menjadi Perdana Menteri

Pengenalan pusat-pusat pengajian Islam bagi melahirkan umat Islam yang maju dalam pelbagai bidang seperti UAI, USIM, KUIS merupakan buah fikiran Dr. Mahathir dalam memartabatkan Islam ke arah yang lebih baik. Selain itu juga dengan menubuhkan institusi yang berkaitan Islam seperti ILIM, MPI sebagai merencanakan dan mendidik umat Islam dalam kehidupan yang melibatkan dunia dan juga akhirat. Pusat dan institusi ini secara langsung telah dapat membina umat Islam dari segi rohaniah dan juga batiniah. Dr. Mahathir juga telah melaksanakan sistem pendidikan Islam di sekolah-sekolah dan juga IPTA dan IPTS. Pengenalan sistem pendidikan Islam dari peringkat rendah hingga ke peringkat yang lebih tinggi telah membuktikan bahawa Dr. Mahathir membawa amalan politik Islam dalam negara. Perkara ini juga akan mendidik masyarakat yang akan datang ke arah yang lebih celik dalam pelbagai bidang berteraskan kepada Islam (Mazli Mazlan, *temu bual individu*, 15 Oktober 2012).

Pengukuhan Islam amat diperlukan dalam membentuk sahsiah diri yang lebih baik dan tersusun rapi dan mengutamakan tuntutan agama daripada kepentingan diri yang boleh merosakkan aqidah umat pada masa akan datang. Dengan memperbanyakkan institusi masjid dan surau-surau dalam negara maka sahsiah umat Islam secara amnya dapat dibentuk melalui program-program yang dijalankan. Semangat ukhuwah juga dapat dibentuk dan diterapkan dalam diri umat Islam. Ini secara langsung akan membentuk umat yang tidak akan melupakan institusi atau juga rumah Allah SWT dan juga semangat bersembahyang berjemaah akan dapat dilahirkan dalam kalangan masyarakat.

Kuala Lumpur yang sudah tidak relevan lagi untuk umat Islam dalam kehidupan seharian kerana bergelumang dengan pelbagai masalah sosial yang amat teruk. Kepesatan yang telah menjadikan keadaan itu kalut dan tidak dapat dikawal. Pergerakan arus kemodenan yang begitu pantas dan tidak mementingkan nilai-nilai agama telah menyebabkan Dr. Mahathir menubuhkan sebuah bandar untuk umat Islam di mana struktur pembinaan yang berteraskan kepada Islam, penduduk Islam yang menguasai kepadatan penduduk, nilai-nilai Islam diterapkan secara menyeluruh, dibuat oleh orang Islam sendiri dan merupakan sebuah pusat pentadbiran negara yang baru iaitu Putrajaya (Mazli Mazlan, *temu bual individu*, 15 Oktober 2012).

Justeru, hari ini dapat kita semua lihat hasil dari kerja keras Dr. Mahathir dalam memartabatkan pembangunan sosial rakyat Malaysia khasnya orang Islam dengan kehidupan yang selesa tanpa wujud ketegangan antara kaum lain yang ada. Kejayaan beliau dalam perkara ini menjadikan beliau diingati oleh semua lapisan rakyat sampai hari ini.

4.3.4 Membangunkan Sains dan Teknologi

Penemuan daripada hasil kajian sains dan perkembangan teknologi telah banyak membantu manusia melakukan pelbagai aktiviti serta membolehkan kita berkomunikasi kerana jarak atau destinasi yang jauh tidak lagi menjadi penghalang untuk kita menjalankan sebarang aktiviti pekerjaan. Malah melalui penemuan daripada hasil kajian sains dan teknologi, manusia dapat menemui pelbagai jenis penawar kepada penyakit.

Sains dan teknologi juga mempunyai kaitan yang rapat dengan ajaran-ajaran Islam yang luhur dan murni. Dalam Islam juga tidak mengizinkan kita mengasingkan kehidupan termasuk sains dan teknologi dengan dasar-dasar dan prinsip yang ditetapkan dalam Islam. Oleh itu disebabkan kurangnya maklumat yang diperoleh menyebabkan kita menganggap sains dan teknologi adalah perkara asing dari Islam. Perkara ini disangkal oleh para ilmuwan-ilmuwan Islam apabila pembuktian melalui ayat-ayat dalam al-Quran dan hadis menceritakan berkaitan sains dan teknologi.

Terdapat banyak ayat dalam al-Quran menyeru supaya manusia mengkaji dan meneliti fenomena alam untuk memahami dan mendalami ilmu pengetahuan agar dapat membina suatu tamadun yang sempurna. Berdasarkan ayat di bawah jelas bahawa alam yang dicipta Allah SWT tertakluk kepada hukum-hukum tertentu dan apa yang ada di langit dan di bumi adalah hak Allah SWT untuk kemudahan dan kegunaan manusia. Islam tidak terbatas kepada hubungan manusia dengan Tuhan, bahkan merangkumi semua aspek kehidupan.

Firman Allah dalam surah al-A'raf (7):185 yang bermaksud:

“Patutkah mereka (membutakan mata) tidak mahu memerhatikan alam langit dan bumi dan segala yang diciptakan Allah dan (memikirkan) bahawa harus telah dekat ajal kebinasaan mereka”.

Firman Allah dalam Surah Ali Imran (3):190 yang bermaksud:

“Sesungguhnya pada kejadian langit dan bumi dan pada pertukaran malam dan siang ada tanda-tanda kekuasaan, kebijaksanaan dan kekuasaan rahmat Allah bagi orang-orang yang berakal”.

Firman Allah dalam Surah Fussilat (41):53 yang bermaksud:

“Kami akanlihatkan kepada mereka tanda-tanda kekuasaan Kami di mana-mana tempat dalam alam yang terbentang luas ini dan pada diri mereka sendiri, sehingga ternyata jelas kepada mereka bahawa al-Quran adalah benar”.

Firman Allah dalam Surah Luqman: 20

“Tidakkah kamu perhatikan bahawa Allah memudahkan untuk kemudahanmu apa yang ada di langit dan di bumi, dan telah memudahkan untuk kegunaan kamu apa yang ada di langit dan di bumi, dan telah melimpahkan kepada kamu nikmat-nikmat-Nya yang zahir dan batin.”

Maksud ayat-ayat al-Quran di atas telah menjadi titik tolak bermulanya umat Islam mengkaji sains dan teknologi. Melaluinya maka telah lahir ramai para ilmuwan Islam yang mahir dengan sains dan teknologi contohnya seperti Abu Hasyim Khalid b Yazib b Mu’awiyah b Abu Sufian al Umawi, hakim Quraissy, adalah tokoh ilmuwan sains terawal khusus dalam disiplin ilmu kimia dan perubatan, Khalifah Umawiyah dan Abbasiyyah memberi perhatian dalam penterjemahan buku Yunani ke bahasa Arab bagi pengembangan pembelajaran sains dan teknologi. Antara khalifah yang memainkan peranan penting ialah Abu Ja’far al Mansur. Manakala khalifah al-Ma’mun membangunkan institusi seperti *Bayt al Hikmah* untuk pengkajian sains dan teknologi.

Perkembangan ini menyebabkan lahirnya tokoh penterjemah dan pengkajian sains seperti Hunain b Ishak, al Kandi al Fazari, Ibn Musa, Ibn al Haitham, al Khawarizm dan selainnya. Maka lahirlah institusi bagi pembelajaran dan penyelidikan sains dan teknologi seperti balai cerap, maristan (hospital besar), Dar al Hikmah, Bayt al Hikmah dan juga telah melahirkan beberapa teori sains, matematik dan selainnya yang diperkenal di peringkat awal oleh umat Islam.

Di Malaysia, Dr. Mahathir telah meneruskan kesinambungan tersebut bagi melahirkan umat Islam yang mempunyai ilmu sains dan teknologi dalam kalangan umat Islam. Oleh itu Dr. Mahathir telah melancarkan dasar sains dan teknologi negara pada tahun 1986 bertujuan menggalakkan penggunaan Sains dan teknologi sebagai satu alat untuk pembangunan ekonomi, memperbaiki kedudukan fizikal dan kesejahteraan rakyat dan untuk melindungi kedaulatan negara, yang merupakan sebahagian daripada dasar pembangunan sosioekonomi negara. Dasar Sains dan Teknologi Negara memberi fokus kepada usaha-usaha meningkatkan keupayaan berdikari dalam bidang saintifik dan teknologi untuk membantu aktiviti ekonomi dengan cara mewujudkan suasana yang baik untuk menggalakkan penciptaan saintifik dan memperbaiki infrastruktur dalam bidang saintifik, pelajaran dan lain-lain bidang yang berkaitan.

Perkara utama dilakukan oleh Dr. Mahathir dalam melahirkan umat Islam yang maju adalah memastikan pemakanan umat Islam halal, bersih dan suci. Allah SWT telah memandu umat Islam secara menyeluruh berkaitan makanan dan minuman yang halal dan suci melalui qalam-Nya iaitu al-Quran. Antaranya:-

“Dan makanlah makanan yang halal lagi baik dari apa yang Allah telah berikan rezekinya kepadamu bertaqwalah pada Allah yang kamu beriman pada-Nya.” (Surah al-Maidah: 88).

“Wahai sekalian manusia, makanlah yang halal lagi baik dari apa yang terdapat di bumi.” (Surah Al-Baqarah: 168)

“Wahai orang-orang yang beriman, makanlah yang baik dari yang telah Kami rezekikan kepadamu.” (Surah Al-Baqarah: 172).

“Sesungguhnya Allah telah menjelaskan kepada kamu apa yang diharamkan-Nya atasmu, kecuali apa yang terpaksa kamu memakannya”. (Surah Al-An’am: 119)

Ayat-ayat dalam surah di atas jelas menunjukkan bahawa Allah SWT berkehendakkan manusia memakan makanan yang halal dan bersih. Oleh itu, Dr.

Mahathir telah merencanakan untuk menjadikan Malaysia sebagai hab halal dunia menerusi dasar sains dan teknologi negara. Maka, pada tahun 1994 beliau telah memperkenalkan hab halal Malaysia melalui pemberian sijil halal kepada semua premis makanan di seluruh negara dan JAKIM telah dipertanggungjawabkan.

Sains dan teknologi menjadikan Malaysia juga mempunyai kelebihan dan mampu menjadi peneraju sektor ini kerana mempunyai pengalaman, infrastruktur serta institusi yang dapat membantu membangun serta menggalakkan industri ini. Keutamaan produk halal bukan sahaja terletak pada sijil dan logo untuk memastikan kehalalannya tetapi penghasilan produk-produk tersebut yang harus mementingkan aspek kualiti, kebersihan dan kesejahteraan dari penggunaan produk tersebut.

Justeru melalui sains dan teknologi membolehkan Industri halal bukan hanya terhad kepada industri produk yang berasaskan makanan dan minuman sahaja malah merangkumi sektor yang lebih besar merangkumi farmaseutikal, kosmetik, penjagaan kesihatan, pembungkusan, logistik, perbankan dan kewangan, jentera pemprosesan dan pembungkusan makanan, pelancongan dan bidang-bidang lain di dalam ekosistem industri halal.

Pemikiran Islam Dr. Mahathir tidak terbatas dengan pengenalan kepada dasar semata-mata. Beliau melihat sains dan teknologi merupakan keperluan penting pada abad akan datang kepada umat Islam. Untuk tujuan itu pelbagai perancangan yang telah dirangka untuk mengisi dasar tersebut. Antaranya ialah membangunkan Pusat Sains Negara pada tahun 1996 bagi tujuan memperkenalkan sains dan teknologi

kepada rakyat khasnya umat Islam dan bagi melahirkan umat Islam yang celik sains dan teknologi.

Manakala pada tahun 1997 Dr. Mahathir telah menganjurkan LIMA 97 (*Langkawi International Maritime and Aerospace exhibition*). Ini adalah bertujuan mendedahkan umat Islam tentang teknologi angkasa yang sebenar dan ini dibuktikan dengan ayat-ayat al-Quran di atas betapa peri pentingnya sains dan teknologi. Dalam penganjuran tersebut sebanyak 40 buah negara telah mengambil bahagian bagi mempromosi dan menunjukkan kemampuan mereka untuk beraksi di angkasa dan secara tidak langsung umat Islam di Malaysia dapat mempelajarinya. Oleh demikian pada tahun 2002 juga satu persefahaman telah dibentuk antara kerajaan Malaysia dan Russia dalam membeli pesawat pejuang Shukoi. Akan tetapi perjanjian ini ditandatangani pada tahun 2003. Bagi tujuan tersebut pihak Russia telah berjanji akan melatih dan menghantar angkasawan dari Malaysia pada tahun 2005. Program ini adalah timbal balik apabila kerajaan Malaysia bersedia membeli pesawat pejuang Sukhoi sebanyak 18 unit.³⁷

Beliau juga telah menubuhkan Akademi Sains Islam Malaysia pada tahun 2002 bagi mengembalikan kesinambungan dan kegemilangan sarjana-sarjana sains Islam yang terdahulu contohnya seperti Ibn-Sina 980-1037 Masihi seorang sarjana perubatan terkemuka, Al- Razi 826-925 Masihi seorang tokoh kimia Islam dan Al-Khawarisme 780-850 Masihi. Akademi ini juga adalah untuk mengumpulkan seluruh saintis Islam

³⁷ Lihat *Hubungan Malaysia Rusia*. Dipetik daripada Wikipedia.org.my pada 10 Mac 2012.

seluruh dunia bagi tujuan menjalankan penyelidikan saintifik berkaitan sains dan teknologi dalam Islam.³⁸

4.3.5 Menyusun Atur Sistem Birokrasi Negara berasaskan Islam

Birokrasi merupakan perkara paling penting dalam memastikan perjalanan pentadbiran negara berjalan lancar. Jika tidak wujud birokrasi maka perjalanan pentadbiran negara pun tidak akan wujud. Birokrasi merupakan kakitangan yang menjalankan tanggungjawab kerajaan. Birokrasi juga merupakan ejen kerajaan dalam memastikan kelancaran pentadbiran kerajaan yang memerintah. Birokrasi sering diperdebatkan tentang unsur-unsur negatif terhadap ciri-ciri dan pengalaman birokrasi yang ketat oleh pegawai dalam organisasi semasa menjalankan tugasnya dan dikenali sebagai kerenah birokrasi. Kerenah birokrasi ialah ragam dalam sistem pemerintahan atau pentadbiran yang dikendalikan atau dijalankan oleh pegawai-pegawai kerajaan yang tidak dipilih oleh rakyat. Ia juga merupakan cara pemerintahan atau pentadbiran dengan pegawai-pegawai kerajaan yang mempunyai kuasa yang besar cara pentadbiran yang melibatkan berbagai-bagai peringkat atau proses pengurusan dan banyak peraturan (Ramlan Surbakti 2005).

Perkataan birokrasi asalnya adalah dari perkataan “biro” yang digunakan pada awal abad ke-18 di Eropah Barat, bukan untuk merujuk kepada meja tulis tetapi untuk pejabat, iaitu tempat bekerja. Maksud bahasa Perancis yang asal bagi perkataan biro ialah *baize* yang digunakan untuk melitupi meja-meja. Istilah birokrasi mula digunakan tidak lama sebelum Revolusi Perancis pada tahun 1789 dan dari sini,

³⁸ Lihat *Sejarah Penubuhan Akedemi Sains*. Dipetik daripada www.akedemisains.gov.my pada 13 Jun 2012.

tersebar dengan pantas ke negara-negara yang lain. Akhiran bahasa Greek “kratia” atau “kratos” bermaksud kuasa atau pemerintahan (Farid Linggi, 2009).

Di Malaysia, Dr. Mahathir telah memberi perhatian utama bagi memastikan pentadbiran berjalan lancar dan tidak lari dari amalan Islam. Beliau telah menetapkan beberapa dasar penting untuk menjadikan pentadbiran lebih teratur dan efisien. Sebagai contohnya Dr. Mahathir memperkenalkan Dasar Pandang ke Timur. Dalam dasar tersebut salah satu perkara yang dititik beratkan adalah berkaitan masa. Ini kerana masa adalah penting dalam memastikan negara mencapai matlamat dan jika masa tidak dititikberatkan maka pencapaian negara juga akan lambat dan tidak mencapai matlamat yang ditetapkan. Sesuai dengan firman Allah SWT dalam surah al-Asr ayat 1-3 yang bermaksud:

“Demi Masa. Sesungguhnya manusia itu dalam kerugian. Kecuali orang-orang yang beriman dan beramal soleh, dan mereka pula berpesan-pesan dengan kebenaran serta berpesan-pesan dengan sabar.”³⁹

Oleh yang demikian beliau telah memperkenalkan sistem perakam waktu⁴⁰ dalam mendidik kakitangan kerajaan menjadi birokrasi yang efisien dan berhemah. Sebagai contohnya setiap penjawat awam perlu menepati waktu kerja (i) WP 1 (7.30 Pagi-4.30 Petang) (ii) WP 2 (8.00 Pagi-5.00 Petang) dan (iii) WP 3 (8.30 Pagi-5.30 Petang) iaitu mengikut prosedur yang ditetapkan dalam Pekeliling Perkhidmatan Awam Bil 1 Tahun 1998 dan telah ditambah baik melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 2007.⁴¹

³⁹ Lihat *Tafsir Al-Quran Rasm Uthmani. Surah Al-Hujurat ayat ke-13*. Terjemahan: Abu Hasan Din Al-Hafiz. (2008). Kuala Lumpur: Dar El-Fajr. Hlm. 517.

⁴⁰ Lihat Surat Pekeliling Am Bil. 11 Tahun 1981. Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA). Malaysia.

⁴¹ Pekeliling Perkhidmatan Awam. Waktu Berkerja Berperingkat (WBB) Penjawat Awam 1997 dan 2007. Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA). Malaysia.

Dr. Mahathir juga memperkenalkan slogan kepada Bersih, Cekap dan Amanah dalam pentadbirannya. Tujuan slogan ini adalah untuk melahirkan penjawat awam yang bersih, cekap dan amanah dalam melaksanakan tanggungjawab yang diberikan, ini bersesuaian dengan sifat Rasulullah SAW iaitu Siddiq, Amanah, Tabligh dan Fatanah dan bagi mengelakkan berlakunya kerenah birokrasi dalam perkhidmatan awam khasnya (Dr. Mahathir, *temu bual individu*, 22 Oktober 2012). Sesuai dengan firman Allah SWT dalam Surah An Nisa' dalam ayat 58 yang membawa maksud:

“Sesungguhnya Allah SWT menyuruh kamu supaya menyerahkan segala jenis amanah kepada ahlinya (yang berhak menerimanya). Dan apabila kamu menjalankan hukum di antara manusia (Allah menyuruh) kamu menghukum dengan adil. Sesungguhnya Allah dengan (suruhan-Nya) itu memberi pengajaran yang sebaik-baiknya kepada kamu. Sesungguhnya Allah sentiasa Mendengar dan sentiasa Melihat.”⁴²

Selain itu, Dr. Mahathir juga memperkenalkan pelbagai sistem-sistem lain dalam merekayasa kerajaan pimpinan beliau supaya selaras dengan kehendak Islam. Antara yang dilakukan olehnya adalah seperti sistem penurunan kuasa, sistem pembahagian kerja dan sistem pelantikan pekerja mengikut kepada kepakaran dan kemampuan masing-masing.

Kecanggihan teknologi pengkomputeran semakin merebak di serata dunia pada hari ini dan setiap negara mengambil kesempatan untuk memperkemaskan lagi pentadbiran kerajaan dengan sistem dan teknologi tersebut. Dr. Mahathir juga tidak melepaskan peluang yang ada dalam menjadikan pentadbiran kerajaan lebih lancar dalam memberikan perkhidmatan kepada rakyat. Oleh yang demikian beliau telah mengubah sistem manual kepada sistem yang berasaskan teknologi komputer. Setiap kementerian dan jabatan kerajaan disediakan komputer setiap seorang supaya kerja

⁴² Lihat *Tafsir Al-Quran Rasm Uthmani. Surah an-Nisa' ayat ke-58*. Terjemahan: Abu Hasan Din Al-Hafiz. (2008). Kuala Lumpur: Dar El-Fajr. Hlm. 87

dan tanggungjawab yang dijalankan berjalan lancar. Ditambah lagi dengan Internet yang boleh menghubungkan antara jabatan dengan cepat seperti menghantar surat melalui e-mel yang dikhaskan kepada setiap kakitangan kerajaan. Selain itu juga, dengan teknologi yang ada beliau telah mengorak langkah yang drastik untuk memajukan negara mengikut ajaran Islam.

Keprihatinan Dr. Mahathir dalam menjadikan pentadbiran kerajaan mencapai kepada kehendak Islam tidak boleh dipandang enteng oleh mana-mana pihak. Ini kerana kesungguhan beliau menampakkan hasil yang lumayan kepada negara dan ini telah diteruskan oleh pengganti-pengganti beliau dalam memantapkan lagi pentadbiran kerajaan supaya mencapai apa yang telah beliau sasarkan.

4.3.6 Memperkenalkan Dasar-dasar yang Berteraskan kepada Keislaman

Dasar merupakan satu garis panduan yang merangkumi kesemua perkara bagi memastikan negara menjadi sebuah negara yang berjaya. Setiap dasar yang dibuat mempunyai kesinambungan tersendiri. Dasar juga adalah pemacu kepada sebuah kerajaan yang memerintah dalam memastikan kerajaan yang dibentuk dapat bertahan. Jika dasar yang dibuat tidak mencapai kepada kehendak rakyat dan tidak membantu negara maka dasar yang dibuat dianggap tidak berjaya dan kerajaan yang dibentuk juga kemungkinan akan jatuh dan kerajaan baru akan dibentuk.

Semasa memegang tampuk kepimpinan negara bermula tahun 1981 hingga tahun 2003 pelbagai dasar yang telah Dr. Mahathir perkenalkan. Kebanyakan dasar-dasar yang dibuat adalah berteraskan kepada keislaman. Tujuan utama dasar-dasar

berbentuk keislaman yang perkenalkan adalah disebabkan Malaysia merupakan sebuah negara majoriti rakyatnya beragama Islam (orang Melayu). Antara dasar Islam beliau perkenalkan adalah Dasar Pandang ke Timur pada tahun 1982 bertujuan mendidik rakyat terutama orang Islam (Melayu) untuk menghargai masa seperti dalam Islam yang menekankan masa adalah penting dalam apa juga keadaan. Ini telah diwahyukan oleh Allah SWT dalam surah Al-Asr yang menceritakan tentang kepentingan masa kepada kita umat Islam.

Selain dasar tersebut Dr. Mahathir juga memperkenalkan dasar Penerapan Nilai-Nilai Islam dalam pentadbirannya. Dasar ini telah diperkenalkan pada tahun 1983 bertujuan memupuk rakyat mengamalkan pendekatan nilai-nilai Islam secara menyeluruh. Dalam Islam perkara ini diletakkan dalam bidang adab dan akhlak dan ini telah menjadi subjek di kesemua peringkat bermula dari prasekolah sehinggalah ke peringkat yang paling tinggi. Apabila tamat pengajian kelak maka apa yang dipelajari dapat diterapkan dalam alam pekerjaan dan secara tidak langsung syiar Islam dapat dikembangkan.

Selain itu terdapat banyak Dasar-dasar berteraskan Islam yang telah Dr. Mahathir perkenalkan selain di atas. Antaranya seperti:

- (i) Dasar Wawasan 2020 sebagai dasar yang menjadikan negara umat Islam sebagai sebuah negara maju;
- (ii) Dasar Pembangunan Negara (DPN) sebagai dasar membangunkan orang Islam di Malaysia;

- (iii) Dasar Pengajaran dan Pembelajaran sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris (PPSMI) untuk melahirkan umat Islam yang boleh bersaing dengan kaum lain serta dengan negara maju yang lain;
- (iv) Dasar 70 juta Penduduk bertujuan melahirkan umat Islam yang lebih ramai dari agama lain selaras dengan seruan Rasulullah SAW supaya meramaikan umat Islam.
- (i) Dasar Sains dan Teknologi bertujuan melahirkan umat Islam yang mempunyai kepakaran berkaitan sains dan teknologi seperti tokoh-tokoh Islam sebelumnya dan menjadikan tokoh-tokoh tersebut sebagai panduan utama.
- (ii) Dasar Pendidikan Islam Negara bagi melahirkan masyarakat Islam yang mempunyai Ilmu Islam yang kukuh untuk mentadbir negara pada masa akan datang.

Setiap dasar-dasar yang Dr. Mahathir perkenalkan bertepatan dengan Islam seperti yang diterangkan di atas. Oleh yang demikian ini dapat menyangkal tuduhan sesetengah pihak yang menyatakan bahawa beliau tidak melaksanakan Islam dalam pemerintahan beliau.

4.4 Rumusan

Pelbagai bentuk pemikiran berteraskan kepada politik Islam dilakukan oleh Dr. Mahathir kepada dunia Islam sama ada ekonomi, politik dan juga sosial. Apa yang telah dilakukan dalam membolehkan Islam khususnya di Malaysia menjadi sebuah umat yang lebih maju dan juga disegani. Apa yang telah dilakukan oleh Dr. Mahathir untuk memajukan masyarakat Islam di Malaysia meliputi kepada pelbagai aspek keislaman telah berjaya Dr. Mahathir terapkan menerusi pelbagai kaedah dan juga dasar-dasar negara.

Peringkat antarabangsa juga suaranya tidak kurang hebatnya dalam memperjuangkan hak Islam serta bertindak balas terhadap sebarang penindasan ke atas negara Islam. Bagi merungkai segala kekusutan dan pandangan masyarakat bukan Islam kepada masyarakat Islam dunia telah disuarakan oleh Dr. Mahathir tanpa timbul perasaan takut kepada kuasa besar dunia. Kelantangan Dr. Mahathir dan penjelasan tentang Islam kepada masyarakat bukan Islam diterima dan difahami serta memberi faedah kepada negara-negara Islam lain dalam bentuk material seperti pembinaan masjid, sekolah-sekolah, makanan dan sebagainya dengan tujuan membantu umat seagama.

BAB 5

RUMUSAN

5.1 Pengenalan

Bab ini bertujuan membuat rumusan hasil daripada penyelidikan yang dijalankan. Bagi tujuan berkenaan bab ini terlebih dahulu akan menggariskan beberapa penemuan yang diperoleh selaras dengan persoalan dan objektif kajian yang ditetapkan. Selanjutnya, bab ini akan membuat rumusan dan menarik kesimpulan muktamad terhadap penemuan yang diperoleh sama ada pemikiran Dr. Mahathir berlandaskan kepada politik Islam atau sebaliknya.

Dr. Mahathir bin Mohamad sudah menjadi amat sinonim dan amat istimewa di hati rakyat Malaysia dan orang Melayu. Bagi Orang Islam Dr. Mahathir merupakan Presiden parti politik terbesar Melayu (Islam) (UMNO) paling lama dan paling berjaya membawa pembaharuan yang begitu besar dalam proses pembangunan dan ketamadunan Umat Melayu Islam di Malaysia. Selain itu beliau adalah seorang tokoh negarawan yang telah berjaya mengangkat nama Malaysia di mata dunia sehingga Malaysia menjadi negara yang amat berpengaruh dan dihormati kawan dan lawan.

Bagi dunia Islam Dr. Mahathir merupakan idola dan lambang keberanian memperjuangkan kebenaran walaupun berdepan dengan negara-negara kuasa besar

dunia dan merupakan seorang tokoh yang sentiasa dicurigai dan dicemburui tetapi amat dinanti-nanti kemunculannya dan bakal menjadi legenda dunia satu hari nanti.

5.2 Dapatan Kajian

Hasil dari penyelidikan yang dijalankan terdapat beberapa penemuan seperti berikut:

5.2.1 Meletakan Islam di tempat yang Sepatutnya

Sepanjang tempoh pemerintahan sebagai Perdana Menteri Malaysia, Dr. Mahathir sememangnya telah berjaya meletakan Islam di tempat yang sepatutnya selaras dengan apa yang diperuntukan Perlembagaan. Bahkan Dr. Mahathir berani membuat kenyataan dan menegaskan bahawa Malaysia adalah sebuah negara Islam pada 29 September 2001. Malah lebih ‘manis’ lagi, kenyataan ini dibuat dalam Perhimpunan Perwakilan Parti Gerakan, sebuah parti komponen dalam Barisan Nasional yang mana keahlian walaupun terbuka tetapi tetap kelihatan sebagai sebuah parti yang didominasi oleh satu kaum sahaja.

Pengumuman yang dibuat oleh Dr. Mahathir ini adalah selepas berlakunya peristiwa 11 September 2001. Peristiwa 11 September ini telah memberikan gambaran negatif kepada masyarakat dunia terhadap Islam sehingga Islam dilabelkan sebagai agama keganasan dan merebaknya *islamphobia* di sesetengah tempat. Maka, tindakan Dr. Mahathir mengisytiharkan Malaysia sebagai sebuah negara Islam itu sebenarnya merupakan satu tindak balas untuk memperbetulkan persepsi masyarakat dunia terhadap Islam itu sendiri. Melalui pengisytiharan ini, Malaysia sebagai sebuah

negara yang majoritinya dihuni oleh masyarakat beragama Islam telah menunjukkan kepada dunia luar akan sebuah *role model* sistem pentadbiran yang diuruskan oleh orang Islam, pada masa yang sama tidak menindas mahupun menafikan hak kaum-kaum lain yang diam di Malaysia.

Dalam hal ini, keputusan Dr. Mahathir mengisytiharkan Malaysia sebagai sebuah negara Islam harus dilihat dalam konteks yang lebih luas, bukan disebabkan kaitannya dengan Peristiwa 11 September semata-mata tetapi tentang pendekatan yang ditekankan oleh Dr. Mahathir dalam sistem pemerintahan yang diyakini oleh beliau dan bersesuaian dengan tuntutan Islam yakni konsep kesederhanaan dan keadilan dalam Islam.

Konsep kesederhanaan dalam Islam yang diterapkan oleh Dr. Mahathir adalah amat jelas diperhatikan. Beliau menolak karakter dan pendekatan ekstrem, baik dilakukan secara individu mahupun berkumpul. Bahkan semasa memerintah negara, Dr. Mahathir terpaksa berhadapan dengan beberapa kes ekstrem dalam Islam seperti gerakan al-Maunah pada tahun 2000.

Bahkan penekanan Dr. Mahathir dalam konsep kesederhanaan ini khususnya dalam bidang politik negara sering dibandingkan dengan parti PAS. Dr. Mahathir semasa berkuasa mampu meletakkan persepsi negatif dalam kalangan masyarakat khususnya orang bukan Melayu terhadap gaya politik yang diketengahkan oleh PAS. PAS dikatakan lebih bersifat ekstrem dalam pendekatan Islamnya khususnya isu untuk melaksanakan hukum hudud.

Dr. Mahathir juga berpegang teguh kepada konsep keadilan dalam Islam semasa mentadbir negara. Maka tidak hairanlah, semasa zaman pentadbiran beliau, ekonomi orang Melayu diperkasakan melalui penglibatan dalam bidang perniagaan. Pemerkasaan ini pada peringkat awal dilakukan untuk memenuhi hasrat Dasar Ekonomi Baru (DEB) yang menyasarkan pemilikan ekuiti bumiputera sebanyak 30 peratus. Walaupun Dr. Mahathir tidak melanjutkan Dasar Ekonomi Baru ini setelah tamat tempohnya pada tahun 1990, dan digantikan dengan Dasar Pembangunan Nasional bermula tahun 1991 namun 'roh' Dasar Ekonomi Baru itu tetap terlaksana dalam mana-mana dasar yang dilancarkan di bawah pemerintahan beliau, bahkan dalam Wawasan 2020 sekalipun, konsep keadilan ini dapat dilihat dalam cabaran kelapan;

Pengahihan kekayaan negara secara adil dan saksama di mana wujud perkongsian sepenuhnya bagi setiap rakyat dalam perkembangan ekonomi. Masyarakat sedemikian tidak akan wujud jika masih ada pengenalan kaum berdasarkan fungsi ekonomi, dan kesemua kemunduran ekonomi berdasarkan kaum.

Selain itu, pengisytiharan Malaysia sebagai sebuah negara Islam juga mematahkan hasrat untuk mentafsirkan Malaysia sebagai sebuah negara sekular yang bertujuan untuk membolehkan fahaman liberal dan bebas dibawa masuk seperti mana yang berlaku di negara-negara maju yang lain. Lantas terus memastikan kestabilan Malaysia terutamanya dalam pemeliharaan budaya beragama khususnya orang Islam daripada amalan dan budaya liberal yang keterlaluan yang terang-terangan bercanggah dengan amalan beragama masyarakat Malaysia seperti perkahwinan dan hubungan sejenis, hubungan tanpa perkahwinan dan kebebasan melampau.

Dalam aspek perekonomian pula, Dr. Mahathir sedar akan sensitiviti terhadap isu riba dalam perbankan konvensional yang menyelubungi masyarakat Melayu. Kesannya masyarakat Melayu kurang berminat untuk menyimpan wang dan berurus niaga dengan bank-bank tempatan. Maka dengan itu Bank Islam ditubuhkan pada tahun 1983 sebagai alternatif khususnya bagi masyarakat Islam dan menjadi perintis kepada perkembangan sistem perbankan dan kewangan Islam di Malaysia. Perkembangan sistem perbankan dan kewangan Islam kini turut meliputi konsep pajak gadai yang dikenali sebagai ar-Rahnu dan juga syarikat-syarikat insurans takaful.

Beberapa pendekatan ini jelas membuktikan bahawasanya Dr. Mahathir tidak pernah membelakangi Islam. Pendekatan beliau secara umumnya boleh dikatakan berjaya walaupun tidak sepenuhnya. Perkara ini diakui oleh Dr. Ismail Ibrahim (2002) dalam bukunya berjudul *Pendekatan Islam Mahathir* mengatakan bahawa Dr. Mahathir telah meletakkan Islam sebagai hala tuju negara walaupun pendekatan yang dilakukan itu tidak disenangi oleh kebanyakan pihak yang menentanginya. Selain itu Astora Jabat (2001) juga menyatakan pendekatan meletakkan Islam di tempat sepatutnya oleh Dr. Mahathir mencapai kepada sasaran dan mengikut perlembagaan negara. Beliau menyatakan lagi Dr. Mahathir melalui pembinaan Putrajaya sebagai sebuah Bandar orang Islam dan bercirikan Islam adalah bukti yang paling jelas dapat dilihat oleh semua.

Manakala dalam politik juga beliau telah meletakkan pendekatan Islam. Sebagai contohnya yang jelas dapat kita lihat setiap kali perhimpunan agung UMNO akan didahulukan memanjat kesyukuran kepada Allah SWT melalui doa-doa yang dibaca.

Selain itu dalam pemilihan kepimpinan juga telah diterapkan pendekatan Islam di mana setiap wakil diberi hak sama rata dalam pemilihan kepimpinan. Semangat musyawarah yang merupakan salah satu daripada syarat politik Islam adalah tunjang utama dalam pentadbirannya. Bermula dari perkara kecil sehinggalah sebesar-besar apa yang hendak dilakukan diputuskan dalam musyawarah.

5.2.2 Memartabatkan Kedudukan Malaysia Sebagai Sebuah Negara Islam Contoh

Tidak dapat dinafikan akan peranan yang dimainkan oleh Dr. Mahathir telah meletakkan Malaysia sebagai sebuah negara Islam contoh di mata dunia hari ini. Malaysia sebuah negara Islam bekas kolonial yang paling pesat membangun selepas merdeka telah menarik perhatian dunia, apatah lagi didiami oleh masyarakat berbilang kaum. Dr. Mahathir berjaya membangunkan orang Melayu (Islam), khususnya dalam bidang profesional dan ekonomi tetapi pada masa yang sama tidak meminggirkan kaum-kaum yang lain. Bahkan semasa pentadbiran Dr. Mahathir, isu perkauman sukar mendapat tempat. Ini kerana pendekatan Dr. Mahathir agak ‘keras’ kepada sesiapa yang cuba untuk menyemarakkan api perkauman kerana ia melibatkan permasalahan umat yang akan mengancam kesejahteraan dan merosakan negara.

Sewaktu Dr. Mahathir mengambil alih pentadbiran, Malaysia merupakan sebuah negara berasaskan pertanian. Maka, Dr. Mahathir telah merubah Malaysia kepada sebuah negara perindustrian dan memperkenalkan Dasar Perindustrian Negara, Dasar

Perindustrian Berat di Maaysia dan Pelan Induk Perindustrian. Penekanan kepada perindustrian ini telah berjaya memodenisasikan Malaysia.

Penekanan kepada sektor perindustrian ini sebenarnya menuntut kemajuan dalam bidang pendidikan khususnya sains dan teknologi bagi memenuhi keperluan tenaga kerja mahir Malaysia. Bagi memenuhi keperluan guna tenaga ini, berlakunya petumbuhan universiti awam dan swasta. Bahkan Dr. Mahathir juga mengilhamkan kewujudan kolej universiti bertujuan untuk memberikan pendedahan yang lebih bersifat *hands-on* kepada pelajar. Kemajuan dalam bidang pendidikan ini juga sebenarnya satu strategi untuk mencapai sasaran negara maju, yakni mempunyai rakyat yang berpengetahuan tinggi. Seterusnya menjadi pekerja berpengetahuan (*knowledge worker*).

Dr. Mahathir berpandangan bahawa untuk menjadi negara maju, rakyat Malaysia juga harus memainkan peranan penting dalam inovasi. Sebagai sebuah negara maju Malaysia harus menjadi sebuah negara pengeluar dan bukan semata-mata menjadi negara pengguna. Atas dasar inilah maka Dr. Mahathir telah merealisasikan pengeluaran kereta nasional negara bertujuan untuk memperlihatkan kepada dunia bahawa kemampuan masyarakat Islam bukan semata-mata dalam aspek pembinaan kereta tetapi juga pembangunan enjin.

Kemampuan Dr. Mahathir dalam mentadbir negara yang berbilang kaum hidup dalam aman dan damai dan kemampuan memodenisasi Malaysia sehingga menjadi salah sebuah negara membangun yang maju telah memartabatkan Islam di mata dunia.

Di arena antarabangsa pula, Malaysia memainkan peranan aktif dalam hubungan luar dengan negara-negara Pertubuhan Negara Islam. Malah, polisis luar Dr. Mahathir telah diubah pada awal pemerintahan dengan meletakkan prioriti kepada negara-negara Asean, negara-negara OIC, negara dunia ketiga, Komanwel dan lain-lain. Malaysia di era Dr. Mahathir juga menjadi negara pertama dari Asia Tenggara dan kedua di dunia selepas Pakistan yang mengiktiraf penuh kedutaan Palestin di Kuala Lumpur. Walaupun Malaysia sebuah negara Islam kecil dan sedang membangun di era Dr. Mahathir, tetapi memiliki suara lantang di pentas antarabangsa dalam mengkritik kuasa-kuasa utama dunia yang pada hemat Dr. Mahathir gagal menjalankan kewajipan yang diamanahkan, khususnya kepada dunia ketiga. Perasaan ketidakpuasan hati ini diketengahkan melalui forum-forum rasmi dan media massa sehingga pernah mencetuskan fenomena yang tersendiri apabila ucapan beliau dalam Perhimpunan Negara-negara Islam di Kuala Lumpur yang terus terang menyindir Israel mendapat reaksi seluruh dunia baik yang mengkritik mahupun memuji.

5.2.3 Mendidik Rakyat untuk Mengamalkan Pendekatan Islam

Dr. Mahathir juga telah banyak melaksanakan pelbagai dasar, program dan pendidikan dalam mendidik rakyat mengamalkan pendekatan Islam. Sebagai contohnya melalui dasar-dasar utama kerajaan seperti Dasar Pandang Ke Timur di mana menyuruh rakyat mengutamakan masa khususnya pada waktu menjalankan tugas. Pengenalan kad perakam waktu kepada semua kaki tangan awam sesuai dengan suruhan Allah SWT dalam surah al-Asr ayat 1 hingga 5 berkaitan dengan

masa. Kesungguhan beliau itu membuahkan hasil di mana ia diikuti oleh pihak swasta dan juga rakyat secara amnya. Selain itu Dasar Wawasan 2020 sebagai wawasan Islam juga member banyak manfaat kepada umat Islam di mana dalam objektif dasar tersebut menyebut bahawasanya keutamaan adalah untuk umat Islam. Begitu juga slogan Bersih Cekap dan Amanah, DPM, MNC dan sebagainya.

Dalam mendidik rakyat supaya mengutamakan pendekatan Islam Dr. Mahathir juga membina banyak masjid di seluruh negara supaya umat Islam mudah mengerjakan suruhan Allah di setiap waktu. Masjid-masjid yang dibina dengan keselesaan dapat menarik umat Islam untuk bersembahyang di masjid. Selain membina masjid beliau juga menyediakan pusat-pusat pendidikan Islam seperti UIAM, KUIM, ILIM, JAKIM, dan sebagainya supaya umat Islam mendapat Ilmu dan mengembangkannya.

Dalam memastikan Islam dapat dilaksanakan secara berperingkat maka mata pelajaran pendidikan Islam diperkenalkan dari peringkat paling bawah sehinggalah peringkat teratas supaya perkembangan Islam semakin tinggi dan dapat melahirkan bijak pandai Islam lebih ramai dan secara tidak langsung menjadikan negara pusat Islam terkemuka seperti UIAM. Maka dengan itu dapat dirumuskan bahawa Dr. Mahathir telah berjaya mendidik umat Islam di Malaysia berada di tahap yang membanggakan walaupun ada yang melawannya setelah mempunyai pendidikan yang disediakan.

Bahkan Dr. Mahathir telah memperkenalkan mata pelajaran Tamadun Islam dan Tamadun Asia (TITAS) di institut pengajian tinggi awam. Tujuan memperkenalkan mata pelajaran ini adalah memberi kefahaman kepada pelajar-pelajar bukan Islam tentang agama Islam yang menjadi agama persekutuan bagi Malaysia. Bahkan

pendekatan penerapan mata pelajaran ini yang diperkenalkan pada tahun 1983 juga akan memudahkan usaha kerajaan untuk melaksanakan dasar-dasar negara.

5.2.4 Membangunkan Umat Islam yang Mempunyai Nilai-nilai Islam yang Tinggi

Dapat dikesan bahawa 10 tahun di awal pentadbiran, Dr. Mahathir telah melancarkan beberapa dasar dan jika diamati dasar-dasar ini akan menyentuh tentang nilai bagi masyarakat Malaysia. Dasar Pandang ke Timur, Dasar Bersih, Cekap dan Amanah, Dasar Penerapan Nilai-nilai Islam, Dasar Perindustrian Negara sehinggalah Wawasan 2020 kesemuanya akan menyentuh tentang nilai-nilai yang perlu dipertingkatkan oleh masyarakat Malaysia, khususnya orang Melayu.

Walaupun dasar-dasar ini tidak menekankan secara langsung tentang nilai-nilai Islam, melainkan Dasar Penerapan Nilai-nilai Islam, tetapi nilai-nilai yang ditekankan itu tidak lain dan tidak bukan adalah nilai-nilai Islam yang terpuji dan universal. Melalui pendekatan ini, Dr. Mahathir cuba menyuntik kembali nilai-nilai Islam dalam masyarakat Malaysia khususnya orang Melayu yang difikirkannya banyak terpesong sehingga mendatangkan prasangka negatif kaum-kaum lain dan orang luar terhadap nilai-nilai sebenar orang Melayu. Bagi Dr. Mahathir, untuk menjadi sebuah bangsa dan negara yang maju, nilai-nilai terpuji harus dimiliki oleh bangsa Melayu. Bahkan untuk memastikan kelangsungan kemajuan negara juga, nilai-nilai murni ini harus dikekalkan. Jika tidak, ketamadunan yang dicipta walaupun gah akan hancur.

Sebagai seorang Islam, Dr. Mahathir melihat bahawa nilai-nilai Islam ini seharusnya diketengah dan diasimilisasikan dalam kehidupan masyarakat. Bahkan, Dr. Mahathir dalam melaksanakan usaha penerapan ini telah memilih penjawat awam sebagai role model dan juga menjadi ‘sistem penyampai’ dasar kerajaan kepada rakyat. Ini bersesuaian dengan peranan yang dimainkan oleh sektor awam sebagai pengerak utama agenda kerajaan. Maka adalah tidak munasabah andai kerajaan menginginkan rakyatnya mengamalkan nilai-nilai Islam tetapi pada masa yang sama pegawai-pegawai kerajaan tidak mengamalkannya. Bahkan jika diamati evolusi penerapan nilai-nilai Islam ini semakin baik dari semasa ke semasa. Umpamanya, dapat dilihat pada suatu masa dahulu, majlis keraian khususnya dalam kalangan penjawat awam akan ada minuman keras. Namun semua itu telah berakhir secara berperingkat dan kemuncaknya pada zaman pemerintahan Dr. Mahathir kerana penyediaan minuman keras itu bukanlah satu nilai dalam keraian masyarakat Islam tetapi juga haram hukumnya di sisi agama Islam.

Dalam melaksanakan penerapan nilai-nilai Islam ini, khususnya Dasar Penerapan Nilai-nilai Islam, Dr. Mahathir tidak sunyi dari kritikan terutamanya dari masyarakat bukan Islam. Ada kalangan masyarakat bukan Islam mengandaikan bahawa usaha penerapan nilai Islam ini adalah cubaan untuk mengislamkan orang-orang bukan Islam. Dalam hal ini, Dr. Mahathir tidak melatah atau bertekak dengan orang bukan Islam yang sememangnya tidak memahami agama Islam, bahkan Dr. Mahathir menggunakan pendekatan menjawab setiap persoalan itu dengan hujah bagi menerangkan tujuan pelaksanaan sesuatu dasar itu.

Usaha memastikan Islam diamalkan secara holistik oleh umat Islam dalam negara melalui pelbagai usaha telah dilakukan. Walaupun diberikan kebebasan kepada individu mengamalkannya akan tetapi penerapan nilai-nilai Islam diketengahkan sedikit demi sedikit. Ini dapat kita lihat di peringkat bawah iaitu peringkat tadika di mana asas-asas Islam telah diajar contohnya seperti pemakaian tudung yang diwajibkan tapi tidak dipaksa. Begitu juga di pusat-pusat pengajian tinggi menggariskan peraturan penutupan aurat.

Selain itu amalan sikap bermusyawarah yang diamalkan sejak zaman Rasulullah SAW lagi turut diamalkan dalam pentadbirannya. Perkara ini berjaya diterapkan bukan sahaja dalam jabatan kerajaan dan ini merebak sehingga dalam sistem kekeluargaan yang memberikan satu kesan dan nilai tinggi kepada negara dalam mencari penyelesaian terbaik. Selain itu juga sikap adil dan tidak mengambil hak orang lain dalam negara juga merupakan nilai-nilai Islam yang tinggi di zamannya dan ini diteruskan dengan sikap kesamarataan di mana hak setiap kaum dibahagikan mengikut kesesuaian yang ditetapkan telah berjaya disusun atur olehnya. Begitu juga hak dan kebebasan rakyat di mana rakyat mempunyai kebebasan yang tertakluk kepada perlembagaan yang dibentuk. Selagi tidak melanggar maka rakyat bebas berbuat apa sahaja sama ada dalam ekonomi, politik mahupun sosial.

5.2.5 Memperjuangkan Politik Islam sebagai Kuasa Utama Negara

Sepanjang memegang tampuk pemerintahan negara Dr. Mahathir telah berjaya mengekalkan kuasa Islam sebagai kuasa utama negara. Ini dapat kita lihat dalam empat pilihan raya negara sepanjang pemerintahannya. Jelas menunjukan Islam memegang dan mentadbir negara walaupun ada yang iri hati dan menentanginya.

Tidak pernah kuasa umat Islam tergugat semasa negara di bawahnya dan masih mendapat majoriti 2/3 dalam dewan rakyat walaupun pelbagai isu yang wujud dan pelbagai tohmahan yang dilemparkan. Kebijakan Dr. Mahathir dalam memastikan kuasa umat Islam di Malaysia terus kekal di persada kepimpinan negara jelas kelihatan dan sehingga hari ini dapat dipertahankan walaupun ada kemerosotan yang berlaku akibat daripada pihak-pihak yang berkepentingan.

Walaupun Dr. Mahathir telah berjanji tidak akan mencampuri urusan politik dalam negara selepas bersara akan tetapi janji itu terpaksa dilanggarnya akibat dari kelemahan kepimpinan selepas beliau. Kelemahan yang berlaku telah mengakibatkan keadaan negara tidak stabil dari segi politik secara keseluruhannya. Sikap terlalu ambil mudah oleh penggantinya adalah punca berlakunya ketidakstabilan tersebut. Oleh sebab itu, maka beliau terpaksa masuk gelanggang politik semula demi menstabilkan dan mengukuhkan kembali politik negara terutama UMNO.

Perjuangan politik Islam beliau dapat kita lihat apabila sehingga hari ini beliau masih lagi dipanggil dan dijemput oleh negara-negara Islam lain untuk memberi pandangan berkaitan membangunkan negara secara Islam. Selain itu beliau juga telah memperkukuhkan semula kedudukan yang rapuh umat Islam sebagai kuasa utama negara dan ini kita akan dapat lihat dalam Pilihan raya Umum Malaysia yang ke-13 pada Mei 2013 dimana UMNO dapat mengukuhkan kembali kedudukannya dalam persada politik negara. Pelbagai nasihat telah dilontarkan kepada kepimpinan negara dalam menguruskan negara secara Islam. Contohnya dapat kita lihat dengan pemberian bantuan secara langsung kepada rakyat melalui pelbagai kaedah yang dilaksanakan oleh kerajaan pada hari ini. Kesepaduan yang dibentuk dilihat mungkin

mencapai kepada sasaran utama di mana kuasa Islam di Malaysia akan kembali kukuh selepas ini.

5.3 Rumusan

Islam adalah satu cara hidup yang mempunyai segala aturan yang telah ditetapkan oleh Allah SWT. Islam juga adalah satu agama yang diturunkan oleh Allah SWT selepas beberapa agama lain yang diturunkan dan merupakan agama yang paling akhir wujud atas muka bumi ini. Oleh yang demikian tidak terdapat satu ruang atau rongga yang wujud dalam teori politik Islam yang telah dipelopori oleh Nabi Allah Muhammad SAW dan Islam adalah agama yang tidak boleh dipisahkan di antara politik dan juga hal berkaitan agama. Perkara yang terkandung dalam agama Islam itu adalah hukum yang telah ditetapkan oleh Allah SWT kepada manusia untuk beramal kepada-Nya walaupun terdapat sebarang musibah dan juga ranjau yang mendatang.

Politik Islam mempunyai makna dan maksud yang sangat luas dan berbeza dengan pengertian dan konsep yang digunakan oleh orang-orang yang bukan Islam. Politik dalam Islam menjuruskan kegiatan ummah kepada usaha untuk mendukung dan melaksanakan syariat Allah melalui sistem kenegaraan dan pemerintahan. Ia bertujuan untuk menyimpulkan segala sudut Islam yang syumul melalui satu institusi yang mempunyai sahshiah untuk menerajui dan melaksanakan undang-undang. Mengikut pentafsiran dan pengelasan yang dilakukan oleh para ilmuwan Islam adalah berbeza-beza akan tetapi tidak lari dari landasan dan konsep Islam mengikut al-Quran dan al-Hadis.

Al-Farabi menyatakan bahawa pemerintahan adalah perlu berlandaskan kepada sifat amanah dan keikhlasan dalam mentadbir sebuah negara dan pelaksanaan dasar untuk negara. Ibnu Khaldun pula menyatakan bahawa politik Islam memerlukan kepada keadilan, kesamaan dan keselesaan dalam pelbagai aspek kehidupan sama ada dalam bentuk ekonomi, politik atau pun sosiobudaya mengikut kepada lunas-lunas Islam. Manakala al-Ghazali pula mengatakan bahawa politik adalah meliputi kepada undang-undang syariah dalam memerintah serta akan mewujudkan keamanan dalam sesebuah negara. Begitu juga dengan Iqbal dalam teori politiknya menyatakan bahawa perlu kepada keimanan, ketakwaan untuk menjadi umat yang unggul dan al-Muadudi sebagai seorang ahli falsafah politik moden dalam Islam menyatakan bahawa dalam pemerintahan perlu meletakkan Allah SWT sebagai kuasa yang tertinggi di mana undang-undang Islam mengatasi segalanya di dalam semua urusan sama ada pentadbiran negara atau pun kehidupan.

Berdasarkan penyelidikan ini, kita dapat melihat munculnya politik Islam di Malaysia bermula pada zaman kesultanan Melayu Melaka. Penggunaan hukum yang berlandaskan Islam seperti dalam Hukum Kanun Melaka dan Undang-undang Laut Melaka membuktikan munculnya politik Islam di Malaysia. Kemudian diteruskan oleh parti-parti politik Islam seperti UMNO dan PAS setelah mendapat kemerdekaan dari tangan penjajah (British) pada 1957.

Sistem demokrasi yang digunakan memerlukan kepada sistem pilihan raya dalam menentukan pemerintah. Oleh kerana untuk mendapatkan pemerintahan pelbagai isu yang timbul berkaitan dengan Islam di Malaysia. Antaranya seperti isu kafir

mengkafir yang dicanang oleh PAS melalui amanat Haji Hadi pada 1981 mengkafirkan UMNO. Selain itu isu negara Islam juga menjadi isu yang panas dalam arus politik negara yang dicetuskan oleh al-Marhum Dato' Fadzil Nor. Isu-isu lain yang timbul seperti isu tudung, arak dan judi, sembahyang dua imam dan sebagainya telah mewarnai politik di Malaysia khasnya umat Islam.

Sejarah politik Islam di Malaysia terdapat pelbagai keadaan yang mana politik kepartian banyak memberi gambaran berkaitan dengan perjuangan UMNO dalam menegakkan Islam di Malaysia, begitu juga PAS dalam perjuangannya yang dikatakan membawa perjuangan Islam serta terdapat juga parti-parti kecil dan persatuan-persatuan yang dikatakan turut memperjuangkan Islam. Namun UMNO sebagai sebuah parti yang memerintah, dapat dilihat dalam pelaksanaannya terhadap perjuangan Islam yang telah dipraktikkan semasa mendapatkan kemerdekaan Malaysia yang mengambil kira prinsip-prinsip politik Islam sehingga kini masih kita pertahankan walaupun terdapat pelbagai tentangan daripada parti lain yang dikatakan turut memperjuangkan Islam, sedangkan apa yang dilakukan oleh mereka hanya mencemarkan politik Islam di Malaysia.

Ketidakselarian pemikiran di antara umat Islam telah mengakibatkan berlakunya isu-isu tersebut yang telah membawa kepada perpecahan umat Islam yang agak kritikal. Secara amnya umat Islam di Malaysia dibahagikan kepada dua (2) kategori utama iaitu fahaman yang mengikut aliran PAS dan satu lagi fahaman yang dikatakan sebagai modenisme dibawa oleh UMNO, walaupun mereka menganut fahaman yang sama iaitu al-Sunnah Waljamaah akan tetapi fahaman mereka terhadap Islam amat berbeza dari segi politik dan juga pentadbiran. Penyelesaian terhadap isu yang timbul

masih lagi tidak menemui jalan keluar di antara keduanya dan rakyat Malaysia amnya yang telah terkeliru dengan pembawaan parti-parti tersebut (Dr. Mahathir, *temu bual individu*, 15 Oktober 2012).

Berdasarkan kepada kajian ini kita dapat lihat bahawa Dr. Mahathir telah memenuhi tuntutan dasar dalam politik Islam. Pelbagai yang telah dilakukan semasa menjadi Perdana Menteri, pertama ialah Dr. Mahathir semasa di awal kemunculannya telah mengambil alih tampuk pemerintahan daripada Tun Hussien Onn tahun 1981. Pemerintahannya dapat dijelaskan melalui pandangan beliau dalam pentadbiran dan yang telah mengguna pakai segala ciri-ciri keislaman dalam struktur pentadbirannya, mahupun dalam corak pemerintahan yang sentiasa berlandaskan kepada Islam, sama ada secara langsung atau tidak langsung. Namun dapat dilihat konteks yang telah dijalankan dalam pentadbiran beliau apabila sering memberi keutamaan kepada isu berkaitan dengan keislaman yang mana melibatkan pelbagai peringkat tetap dipandang serius. Oleh sebab itu Dr. Mahathir telah berjaya menterjemahkan Malaysia sebagai sebuah negara Islam dalam konteksnya tersendiri yang turut diperakui oleh negara luar.

Dr. Mahathir boleh diklasifikasikan sebagai seorang pemerintah yang bercirikan kepada Islam walaupun ciri-ciri sebuah politik Islam tidak semua dapat diadaptasikan. Ini kerana beliau telah banyak membangkitkan dan juga meneruskan kesinambungan Islam dalam negara dan juga luar negara. Walaupun pelbagai isu yang timbul dalam zaman pemerintahan beliau dan mengatakan beliau seorang yang tidak menjalankan suruhan agama secara total, akan tetapi pendekatan yang dijalankan secara perlahan-lahan dalam merealisasikan Islam di Malaysia tidak dapat

dinagikan. Dalam memperkasakan umat Islam, penerapan Islam ke dalam rohani rakyat melalui pelbagai bentuk telah berjaya melahirkan ramai bijak pandai agama dan juga cendekiawan Islam dalam pelbagai bidang.

Ketiga ialah meliputi kepada sumbangan yang telah dilakukan oleh beliau kepada dunia Islam sama ada ekonomi, politik dan juga sosial. Apa yang telah dilakukan dalam membolehkan Islam khususnya di Malaysia menjadi sebuah umat yang lebih maju dan juga disegani. Apa yang dilakukan oleh Dr. Mahathir untuk memajukan masyarakat Islam di Malaysia meliputi kepada pelbagai aspek keislaman telah berjaya beliau terapkan menerusi pelbagai kaedah dan juga dasar-dasar negara.

Peringkat antarabangsa juga suaranya tidak kurang hebatnya dalam memperjuangkan hak Islam serta bertindak balas terhadap sebarang penindasan ke atas negara Islam. Bagi merungkai segala kekusutan dan pandangan masyarakat bukan Islam kepada masyarakat Islam dunia telah disuarakan oleh beliau tanpa timbul perasaan takut kepada kuasa besar dunia. Kelantangan beliau dan penjelasan tentang Islam kepada masyarakat bukan Islam diterima dan difahami serta memberi sumbangan kepada negara-negara Islam lain dalam bentuk material seperti pembinaan masjid, sekolah-sekolah, makanan dan sebagainya dengan tujuan membantu umat seagama (Ibrahim Ali, *temu bual individu*, 20 April 2012).

Keempat ialah sumbangan beliau dalam Islam tidak terhenti walau pun beliau telah meletakkan jawatan sebagai Perdana Menteri. Segala usaha beliau untuk memajukan umat Islam masih lagi diteruskan, ini kerana pada beliau kemajuan umat Islam (Melayu) masih lagi menjadi tanggungjawab beliau selagi ada hayat dan juga nyawa.

Setelah meletakkan jawatan pada Oktober 2003 beliau masih aktif berpolitik melalui saluran-saluran yang ada dengan tujuan untuk membantu orang Islam supaya maju dan juga bersaing dengan bangsa lain yang ada.

Walaupun beliau tidak mempunyai kuasa dalam kerajaan, aura dan pengaruh beliau dalam negara masih lagi kuat. Sebagai contohnya peletakan jawatan Perdana Menteri (Tun Abdullah) pada 2009 adalah hasil dari usaha beliau yang mendesak peletakan tersebut. Selain itu beliau juga telah menyebabkan UMNO terpaksa kehilangan 2/3 majoriti di Parlimen pada 2008 hasil usaha beliau dalam menjatuhkan dan mendesak Tun Abdullah. Walaupun secara langsungnya peranan beliau tidak kelihatan dalam politik, akan tetapi peranan beliau di sebalik tabir merupakan perkara yang cukup penting dalam mempengaruhi sesuatu perkara.

Pasca peletakan jawatan sebagai PM pada 2003 daripada semua jawatan dalam politik dan juga kerajaan tidak menggugat beliau untuk terus memberi sumbangan kepada negara. Dengan jawatan yang ada sebagai pengerusi PERKIM, Penasihat PROTON dan juga PETRONAS serta LADA yang dianggap sebagai jawatan politik telah digunakan sebaiknya oleh beliau dalam memajukan umat Islam, selain dari itu juga beliau merupakan pencetus kepada pertubuhan NGO secara langsung seperti PERKASA yang diketuai oleh Dato' Ibrahim Ali sebagai Presiden. Penubuhan PERKASA secara amnya bagi membela nasib umat Melayu yang sekarang ini menampakkan kesamaran dalam pelbagai aspek. Semangat kemelayuan yang menampakkan kelunturan dalam kalangan orang Melayu kembali bangkit dengan penubuhan PERKASA yang secara jelas memperjuangkan hak orang Melayu seperti

yang termaktub dalam Perlembagaan Perkara 152 dan 153 (Dr. Mahathir Mohamad, *temu bual individu*, 25 Oktober 2012).

Walaupun pada suatu ketika beliau terpaksa keluar dari UMNO bagi merealisasikan apa yang telah dikatakan oleh segelintir ahli UMNO yang mahu beliau keluar, walaupun pada dasarnya masih menyayangi UMNO. Tindakan beliau yang keluar dari UMNO pada 2007 itu telah memberi tamparan hebat kepada PRU 12 di mana BN telah hilang majoriti 2/3 dalam Parlimen dan lima (5) buah negeri telah dimenangi oleh pembangkang.

Beliau sebagai seorang negarawan masih lagi berusaha untuk memajukan Islam secara keseluruhannya. Pelbagai perkara yang dilakukan seperti ucapan-ucapan yang telah dijemput oleh pelbagai pertubuhan atau orang perseorangan serta persidangan-persidangan. Kebijakan pemikiran beliau dalam memberi cadangan dan juga komen telah banyak membuahkan hasil kepada negara (Ibrahim Ali, *temu bual individu*, 20 April 2012). Walaupun dengan keadaan umur yang sudah mencecah 80 tahun lebih, beliau masih lagi aktif memberikan sumbangan kepada negara dan juga umat Islam serta di luar Malaysia.

Bukan sesuatu yang mudah untuk melahirkan sebuah negara yang mempunyai sistem politik Islam yang menyeluruh seperti yang telah dilakukan oleh Nabi Allah Muhammad SAW ketika melahirkan Madinah sebagai sebuah negara Islam dan mempunyai undang-undang serta pemerintahan secara Islam keseluruhannya. Baginda juga telah mengambil masa yang lama dalam merealisasikan perkara tersebut. Kita yang merupakan umat pada akhir zaman yang mempunyai pelbagai

kesilapan yang telah dilakukan dan cabaran yang terpaksa dihadapi oleh golongan bukan Islam secara terang-terangan atau pun secara tersembunyi. Mungkin akan memerlukan masa yang lebih panjang bagi memperkasakan Islam secara menyeluruh.

Kesimpulannya, berdasarkan konsep politik yang dihasilkan dapat dijelaskan bahawa Dr. Mahathir dan politik Islam merupakan satu cantuman atau kaitan sama ada secara langsung atau tidak langsung telah menerapkan politik yang berteraskan keislaman yang sering diamalkan dan digunakan dalam pentadbiran dan pemerintahan Dr. Mahathir. Suka atau tidak suka, di sini ingin ditegaskan bahawa Dr. Mahathir tetap telah berjaya membawa Malaysia ke arah mengamalkan politik Islam mengikut acuannya yang tersendiri sepanjang memegang tampuk pimpinan negara.

RUJUKAN

- Ab. Mumin Ab. Ghani & Fadilah Mansor (Eds.). (2006). *Dimensi pengurusan Islam – mengurus kerja dan mengurus modal insan*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Abdul Aziz Bari. (2008). *Perlembagaan Malaysia teori dan praktik*. Shah Alam: Arah Pendidikan.
- Abdul Aziz Bari. (1996). *Perlembagaan sebagai pernyataan sejarah dan nilai-nilai asal negara*. Kertas kerja dibentangkan dalam Kongres Sejarah Malaysia ke-2, 26-28 November 1996.
- Abdul Ghalib Ahmad Isa. (1998). *Membina generasi berakhlak*. Kuala Lumpur: Al Hidayah Publishers.
- Abdul Hadi Awang. (22 Febuari 2013). Konsep kebebasan pada kaca mata Islam. *HarakahDaily Online*. Dipetik daripada <http://bm.harakahdaily.net/index.php/columnist/presiden/16925-konsep-kebebasan-pada-kaca-mata-islam>. Tarikh capaian, 15 Jun 2013.
- Abdul Hadi Awang. (2007). *Islam dan demokrasi*. Batu Cave. Selangor. PTS. Islamika.
- Abdul Jalil Borham. (2002). *Pengantar Perundangan Islam*. Edisi Pertama. Universiti Teknologi Malaysia (UTM). Skudai. Johor Darul Takzim.
- Abdul Karim Abdullah. (1993). *Perjuangan suci UMNO: cetusan pemikiran pemimpin-pemimpin UMNO*. Kuala Lumpur: GoodMark Enterprise.
- Abdul Mua'ti@Zamri Ahmad. (2007). *Pemikiran Tun Dr. Mahathir Mohamad* (Edisi Ke-2). Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Abdul Munir Mulkhan. (2005). *Masalah-masalah teologi dan fiqh dalam tarjih Muhammadiyah*. Yogyakarta: Sipress.
- Abdul Qadim Zallum. (1990). *Sistem pemerintahan Islam*. (Maghfur, Banggil Al izzah, Trans. 2002). Yogyakarta: Pustaka Iqra'.
- Abdul Rahman Haji Abdullah. (1998). *Pemikiran Islam di Malaysia: sejarah dan aliran*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP).
- Abdullah Ishak. (1990). *Islam di Nusantara, khususnya di Tanah Melayu*. Petaling Jaya: Al-Rahmaniah, Badan Dakwah dan Kebajikan Islam Malaysia.
- Abu Hasan Din Al-Hafiz (Trans.). (2008). *Tafsir Al-Quran Rasm Uthmani*. Kuala Lumpur: Dar El-Fajr.

- Afifah Abu Yazid. (2003). *Pengajian tamadun Asia*. Bentong: PTS Publications & Distributors.
- Ahmad Mohd Saleh. (1997). *Pendidikan Islam: falsafah, pedagogi dan metodologi*. Shah Alam: Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Ahmad Redzuwan Mohd Yunus. (2001). *Demokrasi dan kepimpinan Islam satu perbandingan*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors.
- Al-Buthy, Said Ramadhan. (2009). *Fikih Sirah* (Fuad Saifudin Nur, Trans.). Jakarta Indonesia: PT. Nizam Repulika.
- Anthony Black. (2006). *Pemikiran politik Islam: dari masa Nabi hingga masa kini* (Abdullah Ali & Marina Arietyawati, Trans.). Jakarta: Serambi.
- Astora Jabat. (2001). *Pemikiran Islam YAB. Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamed*. Terengganu: Jabatan Hal Ehwal Khas.
- Aziz Harjin (14 April 2008) Asas ajaran Islam: Islam sebagai Al din. Dipetik daripada <http://076115asas.blogspot.com/2008/04/islam-sebagai-al-din.html>. Tarikh capaian, 15 Disember 2012.
- B. Ostle, R.W. Mensing. (1975). *Statistics in research* (3rd Edition). Iowa State: Iowa State Univesity Press.
- Bank Islam. (n.d.). *Sistem Bank Islam Malaysia*. Dipetik daripada <http://www.bankislam.com.my/bm/Pages/CorporateProfile.aspx?tabs=1>. Tarikh capaian, 25 Mac 2013.
- Bell, P. (2001). Content analysis of visual images. Dalam Jewit, Carey & Van Leewen (Eds.), *Handbook of visual analysis*. London: SAGE Publication.
- Brew, A. (2001). *The nature of research: inquiry in academic contexts*. London: Routledge Falmer.
- Burhan Bungin. (2003). *Metode penelitian kualitatif*. Jakarta: PT RajaGrafindo Persada.
- C.W Churman. (1971). *The design of inquiring systems*. New York: Basic Book PT.
- Chamil Wariya. (1988). *UMNO era Mahathir*. Shah Alam: Fajar Bakti.
- Digital Library. (n.d.). *Definisi sistem*. Dipetik daripada http://elib.unikom.ac.id/files/disk1/529/jbptunikompp-gdl-addityafit-26432-3-unikom_a-i.pdf. Tarikh capaian, 10 Disember 2012.
- Fazlur Rahman. (2008). *Kebangkitan semula dan pembaharuan dalam Islam* (Ibrahim Moosa, Trans.). Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Negara Malaysia Berhad.

- Farid Linggi. (18 April 2009). Kerenah birokrasi wajarkah diketepikan dalam pembangunan manusia. Dipetik daripada <http://bicaramindafarid.blogspot.com/2009/04/kerenah-birokrasi-wajar-diketepikan.html>. Tarikh capaian 5 Oktober 2012.
- Furchan, A. & Maimun, A. (2005). *Studi tokoh; metode penelitian mengenai tokoh*. Jakarta: Pustaka Pelajar.
- Gerald L. McManis & L. James Harvey (1978). *Planning, management, and evaluation systems in higher education*. Ireland: Ireland Educational Corp.
- Graziano, A.M & Raulin, M.L. (1996). *Research methods: a process of inquiry* (3rd Edition). New York: Addison Wesley Longman.
- Gerold Adams & Jay Schanveltdt. (1985). *Understanding research methode*. State Mutual: Longman.
- Graham E. Fuller & Rend Rahim. (1999). *The Arab Shi'a: forgotten Muslim*. New York: St. Martin's.
- Gareth Evans. (2007). *The responsibility to protect: ending mass atrocity crimes*. Washington D.C.: The Brooking Institutions.
- Harun Din. (2007). *Islam, keadilan membebaskan manusia*. Kuala Lumpur: PTS Millenia Sdn. Bhd (M)
- Idris Zakaria. (1986). *Teori kenegaraan Al-Farabi*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ismail Noor. (2000). *Kepimpinan Nabi Muhammad S.A.W: pengurusan altruistik model ikutan sepanjang masa*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors.
- Ismail Ibrahim. (2002). *Pemikiran Dr. Mahathir tentang Islam*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributor.
- Jabatan Penerangan Malaysia. (2009) *Konsep 1Malaysia*. Kuala Lumpur: Kementerian Penerangan Malaysia
- John McManama. (1971). *Systems analysis for effective school administration*. United State Of America: Parker Pub. Co.
- Kay Kim Koo. (1980). *Tamadun Islam di Malaysia* (Volume 1). Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia.
- Kamariah Yusof. (9 Febuari 2012). Keadilan menurut pandangan Islam. *Utusan Online*. Dipetik daripada http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=Bicara_Agama&pg=ba_03.htm. Tarikh capaian, 3 ogos 2013.

- Krippendorff, K. (1993). *Analisis isi: pengantar teori dan metodologi*. Jakarta: PT. RajaGrafindo Persada.
- Lembaga Undang-Undang Malaysia (Eds.). (2008). *Perlembagaan Persekutuan*. Petaling Jaya: International Law Book Services.
- Mahathir Mohamad. (2012). *Doktor umum*, A. Kadir Jasin (Trans.). Petaling Jaya: MPH Group of Publishing Sdn. Bhd.
- Mahathir Mohamad. (2005). *Malaysia sebuah negara Islam*. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia.
- Mahathir Mohamad. (2003). *Islam dan umat Islam. Ucapan pilihan Dr. Mahathir Mohamad*. Subang Jaya: Pelanduk Publications.
- Mahathir Mohamad. (2001). *Majlis perasmian persidangan perwakilan ke-30 Parti Gerakan Rakyat Malaysia pada 29 September 2001 di Menara PGRM, Kuala Lumpur*. Putrajaya: Pejabat Perdana Menteri. Dipetik daripada <http://www.pmo.gov.my/ucapan/?m=p&p=mahathir&id=482>
- Mahathir Mohamad. (1999a). *The role of Islamic civilization in fostering inter-religious understanding*. Ucapan di sampaikan pada 25 Mei 1999 bertempat di IKIM, Kuala Lumpur. Dipetik daripada <http://www.pmo.gov.my/ucapan/?m=p&p=mahathir&id=1582>
- Mahathir Mohamad. (1999b). Ucapan di the second summit level meeting of “co-operation for development” or D-8, pada 1 Mac 1999, bertempat di Dhaka, Bangladesh. Dipetik daripada <http://www.pmo.gov.my/ucapan/?m=p&p=mahathir&id=1575>
- Mahathir Mohamad. (1998). *Toleration and moderation in Islam*. Ucapan disampaikan pada 10 Mei 1998 bertempat di Universiti Al-Azhar, Mesir. Dipetik daripada <http://www.pmo.gov.my/ucapan/?m=p&p=mahathir&id=1659>
- Mahathir Mohamad. (1997). Menebus maruah bangsa dan agama, ucapan di perhimpunan agung UMNO pada 5 September 1997, bertempat di Kuala Lumpur. Dipetik daripada <http://www.pmo.gov.my/ucapan/?m=p&p=mahathir&id=747>
- Mahathir Mohamad. (1995). Ucapan di persidangan pemerintahan dalam masyarakat majmuk pada 17 Ogos 1995 bertempat di IKIM, Kuala Lumpur. Dipetik daripada <http://www.pmo.gov.my/ucapan/?m=p&p=mahathir&id=769>
- Mahathir Mohamad. (1982). *Dilema Melayu* (Ibrahim Saad, Trans.). Kuala Lumpur: Federal Publications.
- Mahathir Mohamad. (1981b). Ucapan di perhimpunan Agung UMNO 1981. Dalam Abdul Rahman Abdul Aziz. (Eds.). (2009). *Amanat presiden demi agama*,

bangsa dan negara – 1981-2003 Tun Dr. Mahathir Mohamad. Kuala Lumpur: Berita Publishing Sdn. Bhd.

Mahathir Mohamad. (1981a). Ucapan Perdana Menteri YAB Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad di musabqah membaca al-Quran peringkat antarabangsa di Stadium Merdeka Kuala Lumpur pada 18hb. Julai 1981. Dalam Abas bin Salleh (Peny.), *Koleksi ucapan Mahathir*. Kuala Lumpur: Jabatan Perkhidmatan Penerangan Malaysia, Kementerian Penerangan.

Mansor Marican (Peny.) (1982). *Dasar ilmu politik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Mohd Asri Zainul Abidin [Abu Safiyyah]. (2012). *Politik dalam Islam – Dato' Dr. Mohd Asri Zainul Abidin* [Video file]. Dipetik daripada <http://www.youtube.com/watch?v=jLayBuF-OnY>. Tarikh capaian 15 Feb. 2012.

Mohd Kamal Hassan. (1982). *Pembangunan manusia secara sepadu dan implikasinya ke atas pendidikan kebangsaan*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

Mohd Rizal Azman. (18 Disember 2012). Keadilan dalam Islam. *Berita Harian Online*. Dipetik daripada www.bharian.com.my/articles/KeadilandalamIslam/Article. Tarikh capaian, 3 Ogos 2013.

Mohd Rumaizudin Ghazali. (2011). *Pembangunan Islam di Malaysia era Mahathir*. Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia (USIM).

Mohd Izhar Ariff Mohd Kashim, Ezad Azraai Jamsari, Mohamad Zulfazdlee Abul Hassan Ashari, Mohd Al-Adib Samuri & Salmy Edawati Yaacob. (2012). Penentuan ciri negara Islam menurut pemikiran empat Mazhab Fiqah. (Determining the characteristics of an Islamic country from the perspectives of four schools of jurisprudence). *Jurnal Hadhari*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Hlm. 91

Muhammad Yusuff Hussain. (2005). *Peranan institusi dalam pemeraksanaan Islam di Malaysia dahulu hingga sekarang*. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM).

Mustafa Dakian. (2005). *Sistem kewangan Islam: instrumen, mekanisme dan perlaksanaannya di Malaysia*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors.

Mustafa Haji Daud. (1989). *Pemikiran politik dan ekonomi Al-Maududi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

(n.a.). (1987). *al-Munjid fi al-Lughah wa al-A'lam* (Edisi ke-34). Bayrut: Dar al-Mashriqiyyah.

- (n.a.). (2005). *Kamus dewan* (Edisi ke-4). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- (n.a.). (1995). *Kertas kerja kongres “Menjelang Abad 21: Islam dan Wawasan 2020”*, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) Kuala Lumpur, 3-4 Julai 1992. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia
- Nasirudin S. AG, MM. (2008). *Kisah keadilan para pemimpin Islam*. Indonesia: PT. Nizam Republika.
- Nazri Muslim & Ahmad Hidayat Buang. (2007). Islam dalam Perlembagaan Persekutuan dari perspektif hubungan etnik. *Jurnal Kemanusiaan*, Bil. 20. Universiti Teknologi Malaysia (UTM). hlm.115
- Nik Abdul Aziz. (17 Feb. 2011). Allah Maha Besar, bukan Melayu, Cina, India. *Malaysiakini*. Dipetik daripada <https://www.malaysiakini.com/news/156239>. Tarikh capaian 15 April 2011.
- Norita Omar & Washima Che Dan. (2006). Race, gender and religion within the construct of ‘Bangsa Malaysia’ and ‘National Islamic Identity’ in Malaysian literature. Dalam *Journal of English Studies and Comparative Literature*, Volo.9, No.1, hlm. 44-54.
- Olivier Roy. (1994). *The failure of political Islam* (Carol Volk, Trans.). Cambridge, Mass: Harvard University Press.
- Pejabat Perdana Menteri. (t.t.). *Biodata Perdana-Perdana Menteri Malaysia*. Dipetik daripada <http://www.pmo.gov.my/?menu=page&page=1648>. Tarikh capaian 24 September 2012.
- Pejabat Perdana Menteri. (t.t.). Kedudukan Yang di-Pertuan Agong. *Portal Rasmi Pejabat Perdana Menteri*. Dipetik daripada <https://www.pmo.gov.my>. Tarikh capaian 10 Sept 2012.
- Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 1998. (12 Mach 1998) *Pelaksanaan Waktu Bekerja Berperingkat Di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur*. Kuala Lumpur: Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia.
- Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 2007. (29 Mach 2007) *Pelaksanaan Waktu Bekerja Berperingkat Di Semua Agensi Kerajaan Persekutuan*. Putrajaya: Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia.
- Penasihat Undang-Undang MDC (Peny.). (2009). *Perlembagaan Malaysia* (Edisi 2009). Kuala Lumpur: MDC Publishers Sdn. Bhd.
- Ramlan Surbakti. (2005). *Memahami ilmu politik* (Cetakan ke-4). Jakarta: Grasindo Gravidia Widiasarana.
- Rosdy Ruslan. (2003). *Metode penelitian publik*. Surabaya: PT Raja Grafindo Persada.

- Sabitha Marican. (2005). *Kaedah penyelidikan sosial (Edisi Pertama)*. Petaling Jaya: Prentice Hall Pearson Malaysia.
- Sapura Sipon. (30 Mei 2008). Selesai Konflik Mengikut Etika Pengurusan Islam. *Utusan Malaysia Online*. Dipetik daripada http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2008&dt=0530&pub=utusan_malaysia&sec=Rencana&pg=re_07.htm&arc=hive. Tarikh capaian, 27 Jun 2012.
- Shaari Shughib. (24 Januari 2007). Muhammad Iqbal: demokrasi dan proses perubahan Islam. Dipetik daripada <http://ummahonline.wordpress.com>. Tarikh capaian, 15 April 2011.
- Shamsiah Abdul Kadir. (23 Disember 2011). *Merungkai teori kedatangan Islam di Tanah Melayu*. Dipetik daripada <http://dwnbudaya.dbp.my/wordpress/?cat=14>. Tarikh capaian, 25 Ogos 2012.
- Shihabudin Ahmad. (27 Febuari 2010). *Kebebasan dalam Islam*. Dipetik daripada <http://aljazary.blogspot.com/2010/02/kebebasan-dalam-islam.html>. Tarikh capaian 23 Januari 2013.
- Shamsul Amri Baharudin. (2008). Modul hubungan etnik. Shah Alam: Pusat Penerbitan Universiti, Universiti Teknologi MARA
- Sivamurugan Pandian. (2005). *Legasi Mahathir*. Cheras: Utusan Publications & Distributors.
- Siti Zarizah MD Ismail. (2008/2009). *Tokoh falsafah: Al-Farabi*. Kuala Lumpur: Akedemi Pengajian Melayu Universiti Melaya.
- Soong Sang Mok. (2008). Pedagogi untuk pengajaran dan pembelajar: murid dan alam belajar. Selangor: Penerbitan Multimedia.
- Surat Pekeliling Am Bilang 11 Tahun 1981. *Sistem Penggunaan Kad Perakam Waktu (Punch Card) Di Pejabat-Pejabat Kerajaan*. Jabatan Perdana Menteri Malaysia 25 November 1981. Kuala Lumpur: Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia.
- Syarifah Hayati Syed Ismail al-Qudsi. (2006). Etika penyelesaian konflik dalam Islam. Kuala Lumpur: Universiti Melaya.
- Syamsul Bahri Andi Galigo. (2000). *Menatap masa depan ummah dalam menuju alaf baru*. Dalam Fariza Md. Sham, Sulaiman Ibrahim & Ideris Endot (Eds.), *Dakwah dan perubahan sosial* (hlm. 34-49). Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd.
- Wahyuddin, Achmad, M. Ilyas, M. Saifulloh & Z. Muhibbin. (2009). *Pendidikan agama Islam untuk pengurusan tinggi*. Indonesia: PT Grasindo.

- Wan Zahidi Wan Teh. (2005). *Malaysia sebuah negara Islam*. Kuala Lumpur: Jabatan Hal Ehwal Khas. Kementerian Penerangan.
- Wikipedia. (n.d.). Hubungan Malaysia Rusia. Dipetik daripada www.wikipedia.org.my. Tarikh capaian, 10 Mac 2012.
- Yusoff Qaradhawi. (1999). *Tamadun Islam alternatif masa depan* (Juanda Haji Jaya, Trans.). Bandar Baru Bangi: Maktabah Al-Qardhawi.
- Zahidi Dato Zainol Rashid. (1999). *Mahathir di mata umum*. Alor Setar: Kopen.
- Zulfa, Jamalie. (2011). *Analisis pemikiran Mahathir Mohamad mengenai Islam dan pelaksanaan dasarnya dalam negara Malaysia*. Tesis PhD, Universiti Utara Malaysia.
- Zulkiple Abd. Ghani & Mohd. Syukri Yeoh Abdullah. (2005). *Dakwah dan etika politik di Malaysia*. Cheras: Utusan Publications & Distributors.
- Zunaidah Zainon. (28 Mac 2006). Ar-Rahnu pajak gadai Islam pertama di dunia. Dipetik daripada <http://www.ipislam.edu.my>. Tarikh capaian 3 April 2011